


**Jilid III
Bil. 6**



**Hari Selasa
29hb Mac, 1977**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 621]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong [Ruangan 673]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATUK HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN
(Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN
HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN
(Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., S.P.M.J., S.P.M.K.,
S.P.D.K., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.S.D.K., A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

- Yang Berhormat TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN SYED SHEH SAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.N. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 29hb Mac, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KERJASAMA SYARIKAT-SYARIKAT
MINYAK**

1. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah kerjasama kompeni-kompeni minyak di bidang kawalan harga, pengeluaran dan pengedaran dalam negara ini memuaskan atau tidak.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini Kementerian saya belum lagi menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan kerjasama daripada syarikat-syarikat minyak mengenai pelaksanaan Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Bekalan bagi barang-barang petroliaam di negara ini.

Sebagai contohnya, sukalah saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada masalah bekalan minyak tanah yang dialami baru-baru ini dan telah dapat diatasi dengan kerjasama syarikat-syarikat minyak. Sungguhpun begitu, baru-baru ini syarikat-syarikat minyak telah menaikkan harga gas memasak tanpa rundingan dengan Kementerian saya. Sebenarnya, kenaikan harga ini tidak perlu mendapat kelulusan Kementerian saya, tetapi saya telah meminta alasan-alasan daripada syarikat-syarikat tersebut mengapa harga dinaikkan, dan mereka telah memberi kerjasama untuk mengemukakan maklumat-maklumat yang perlu untuk dikaji oleh Kementerian saya.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam kenaikan harga-harga

minyak, adakah benar bahawa semua kenaikan harga-harga minyak ini mendapat kelulusan dan kebenaran daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau ya, adakah benar bahawa sekarang ini terdapat berita minyak petrol dan diesel akan dinaikkan tidak berapa lama lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah menjawab tadi, syarikat-syarikat minyak tidak perlu minta kebenaran. Tetapi walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri telah meminta syarikat-syarikat itu memberikan sebab-sebabnya.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Itu gas!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, itu sudah dijawab.

PROJEK PERUMAHAN

2. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan memberikan penerangan jelas mengenai:

- (a) Jawatankuasa Perumahan Peringkat Nasional, tugas-tugasnya dan mereka yang telah dilantik;
- (b) Jawatankuasa Perumahan Peringkat Negeri; tugas-tugasnya dan mereka yang telah dilantik; dan
- (c) Mengapa pengeluaran pinjaman \$400,000,000 (empat ratus juta ringgit) diurus oleh Syarikat Perumahan Malaysia Berhad; apakah bentuk penubuhan Syarikat tersebut dan siapakah yang menguruskan dan Lembaga Pengarahnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Perumahan secara menyeluruh adalah satu perkara yang dijadikan sebahagian daripada pertimbangan oleh Jawatankuasa Perancangan Pembangunan

Negara iaitu satu badan yang bertanggungjawab kepada Jumaah Menteri. Jawatankuasa ini terdiri daripada Ketua Setiausaha Negara (sebagai Pengerusi) dan ahli-ahlinya ialah termasuk Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri, Gabenor Bank Negara, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Perdagangan dan Perindustrian, Pertanian, Ketua-ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Bahagian Perancang Ekonomi, Bahagian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio Ekonomi.

Mengenai projek-projek perumahan awam kos rendah pula, iaitu bagi maksud perlaksanaannya, adalah diwujudkan di peringkat nasional satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Teknikal bagi menimbangkan biayaan ke atas infrastruktur dan pinjaman untuk perumahan awam kos rendah. Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Perbendaharaan, Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perumahan Negara. Tugas-tugas Jawatankuasa ini adalah bagi menimbangkan pinjaman dan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah. Jawatankuasa Teknikal ini adalah bertanggungjawab kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai hal ehwal kewangan dan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan mengenai hal ehwal projek dan piawai perumahan (housing standards).

- (b) Di peringkat Negeri pula pada keseluruhannya tiap-tiap negeri di Semenanjung mempunyai Jawatankuasa bagi maksud perumahan samada khusus bagi perumahan sahaja ataupun bercampur dengan lain-lain perihal Kerajaan/Kuasa Tempatan. Kandungan ahli-ahli Jawatankuasa itu adalah hampir sama iaitu mereka dipengerusikan oleh Menteri Besar, Ketua Menteri atau Timbalan mereka atau seorang ahli EXCO dengan ahli-ahli lainnya terdiri dari Setiausaha Kerajaan, beberapa orang ahli EXCO dan ahli Dewan Undangan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan. Amnya, tugas-tugas Jawatankuasa tersebut

adalah memberi nasihat atau memperakukan kepada EXCO perkara-perkara yang melibatkan kajian, perancangan, merangka projek-projek perumahan dan menyelesaikan masalah perumahan di dalam negeri masing-masing.

Dalam pada itu ada negeri-negeri yang telah menubuhkan Suruhanjaya atau Perbadanan mengenai perumahan. Di Sabah dan Sarawak umpamanya tugas-tugas berhubung dengan perumahan adalah dikendalikan oleh:

- (i) Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Negeri Sarawak; dan
 - (ii) Suruhanjaya Perumahan Negeri Sabah.
- (c) Pilihan Kerajaan supaya M.B.S.B. menguruskan Sekim Pinjaman Perumahan daripada Kumpulan Wang \$400 juta adalah langkah permulaan untuk menjalinkan hasil dalam masa yang secepat mungkin. M.B.S.B. adalah sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat dan Kerajaan Pusat ada mempunyai equity dan pengaruh yang memadai untuk menyempurnakan tujuan Kerajaan memberi pinjaman yang dimaksudkan di bawah Sekim tersebut. Pelancaran Sekim itu dapat dijalankan dengan segera kerana adanya organisasi M.B.S.B. yang telah sedia ujud dan tersebar luas di seluruh Semenanjung Malaysia. Juga M.B.S.B. mempunyai pengalaman yang lama dalam urusan yang sama dan dengan itu dijangka akan lebih berkesan dalam urusan memberi pinjaman dan memungut balik ansuran di atas pinjaman-pinjaman.

Struktur equity atau pemilikan Syarikat M.B.S.B. dan ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

Modal yang diluluskan ...	\$50,000,000
Modal yang telah dibayar (pada 31-12-76) ...	\$35,142,761
Syer Kerajaan Persekutuan Commonwealth Development Corpn.	39.32%
Under own name	} 35.97%
Under nominees	
Lain-lain (others) ...	24.71%
	100.00%

Lembaga Pengarah—

Pengerusi: Encik Abdul Manan bin Othman
(Kementerian Kewangan)

Ahli-ahli: Datuk Wong Yoke Meng (Ke-
menterian Kewangan)

Encik C. J. Stephenson (Common-
wealth Development Corpn)

Encik D. S. Byers (Common-
wealth Development Corpn)

Encik Lee Siow Mong (Em-
ployees Provident Fund)

Encik Jamal Mohamed (M.B.S.B.)

Encik Ahmad bin Hj. A. Rahim
(Kementerian Perumahan dan
Kemajuan Perkampungan)

Tuan Haji Mohd. Mokhtar (Sek-
tor Awam)

Encik Hanafiah Hussain (Sektor
Awam)

Adapun jawatan Pengerusi M.B.S.B. sekarang ini ialah nama yang disyorkan oleh Kementerian Kewangan dan diterima secara rasmi oleh M.B.S.B. menurut perlembagaan Syarikat itu.

Raja Naron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan bahawa di peringkat Jawatankuasa Perumahan Negeri ada ahli jawatankuasa yang dilantik untuk memberi perkhidmatan iaitu daripada Ahli-ahli Dewan Negeri dan dipengerusikan oleh Menteri Besar di negeri itu. Memandangkan kepada bahawa perbelanjaan secara langsung daripada Kerajaan Pusat menerusi Kementerian adalah wang daripada peruntukan Kerajaan Pusat, tidakkah wajar difikirkan patut Ahli-ahli Dewan Rakyat di negeri-negeri yang berkenaan juga dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Peringkat Negeri.

Soalan kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa di dalam bentuk Syarikat Perumahan Malaysia Berhad itu didapati Lembaga Pengarahnya, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya lihat juga di sini sungguhpun 39.2% adalah equity participation daripada Kerajaan, tetapi wakil Kerajaan di dalam Lembaga Pengarahnya hanya seorang pegawai dari Kementerian Perumahan iaitu sebagai Pengerusinya walhal yang lain daripada pihak swasta dan beberapa orang lain secara individu dan wakil-wakil daripada peratuan-persatuan yang lain. Tidakkah juga

wajar difikirkan untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku dan benar-benar hasrat Kerajaan boleh berjaya, dilantik juga beberapa orang Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk menduduki syarikat itu sebagai Lembaga Pengarah?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Berhubung dengan soalan meminta Ahli Dewan Rakyat menduduki di dalam Lembaga Perumahan Negeri, itu terpulangnya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri menimbangkan dan di dalam Lembaga di Peringkat Negeri ada Lembaga yang dinamakan Housing Commission. Boleh jadi dalam Housing Commission itu ada dua negeri iaitu Pulau Pinang dan negeri Johor ada mencadangkan hendak menubuhkan Housing Commission selain daripada negeri Sabah dan Sarawak. Di Pulau Pinang dan di Johor belum lagi ditugaskan. Bagi peringkat Persekutuan, untuk dilantik Ahli Dewan Rakyat dalam Majlis itu di Peringkat Persekutuan, kita ada Jawatankuasa Parlimen yang ada dalam Kementerian saya. Jadi di situ pun adalah memadai untuk mengesyorkan perkara bagi membuat rancangan yang lebih positif lagi berkenaan rancangan perumahan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang kedua berkenaan dengan Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (M.B.S.B.)—bukan Jawatankuasa Peringkat Nasional tetapi berkenaan dengan Syarikat Perumahan Malaysia Berhad.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Syarikat Perumahan Malaysia Berhad, sebagaimana telah saya jelaskan dalam jawapan saya yang mula-mula tadi badan itu adalah dibentuk dan Pengerusinya terdiri daripada Encik Abdul Manan bin Othman (Kementerian Kewangan) dan wakil EPF dan lain-lain. Inilah badan yang bertanggungjawab dan badan ini tidak termasuk Wakil-wakil Rakyat. Jadi saya rasa mengenai dengan undang-undang syarikat dan company itu, adalah terpulangnya kepada kedudukan undang-undang itu. Kalau undang-undang itu ada membolehkan Ahli Parlimen juga masuk di situ, terpulangnya kepada syarikat itu untuk melantiknya, sebab syarikat ada mempunyai undang-undang sendiri yang boleh membentuk ahli-ahli lembaganya dan Kerajaan sendiri telah menetapkan orang-orang yang berkenaan sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan saya yang mula tadi.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang saya dapat tahu dari penjelasan Timbalan Menteri berkenaan tadi peruntukan untuk melaksanakan projek bagi Jawatankuasa itu daripada Kerajaan Pusat. Oleh itu, bolehkah Menteri berkenaan memberi arahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melantik Ahli-ahli Dewan Rakyat dalam Jawatankuasa di Peringkat Negeri?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, lantikan ahli-ahli Jawatankuasa di peringkat negeri, bagi Kementerian saya hanya menyediakan peruntukan wang dan teknikal untuk melaksanakan rancangan-rancangan itu. Jadi bagi badan jawatankuasa itu sebagaimana saya katakan tadi, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Daud: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa duit \$400 juta yang dipinjamkan itu adalah untuk mendirikan rumah-rumah murah. Jadi soalan saya yang pertama ialah apakah yang ditafsirkan harga murah itu? Kedua, berapakah faedah yang dikenakan oleh Bank Negara kepada syarikat M.B.S.B. itu dan berapa peratus faedah yang dikenakan oleh M.B.S.B. kepada peminjam-peminjam. Ketiga, oleh sebab M.B.S.B. sekarang bergerak di atas wang pinjaman daripada Kerajaan, bolehkah Kementerian ini menentukan bahawa segala kerja dan khidmat yang berkaitan dengan perumahan dibahagi sama rata kepada mereka yang berkenaan, misalnya akitek, peguam, enjiner dan sebagainya.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan tafsiran rumah kos rendah kalau Ahli Yang Berhormat membaca buku Rancangan Malaysia Ketiga, memanglah rancangan itu dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 47.7%. Rancangan rumah-rumah itu akan dilaksanakan kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa yang tanyakan oleh Yang Berhormat dari Permatang Pauh adalah harganya yang dikatakan rumah kos rendah.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Harga rumah-rumah ada tiga jenis.

(1) Jenis teres \$7,500 (maksima) satu yunit.

(2) Rumah kayu \$7,500 sebuah.

(3) Flats—di antara \$10,000-\$12,000 satu yunit.

Berkenaan dengan peratus faedah yang dikenakan oleh M.B.S.B.—kalau saya tidak silap ialah 5.5%. Jadi berhubung dengan soalan ketiga hendak mencampuri di dalam urusan membahagi-bahagi kerja itu, perkara itu bolehlah dirundingkan dan dirojokkan kepada Kementerian berkenaan terutama Kementerian Kewangan berhubung dengan perkara ini dan saya boleh merujukannya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyentuh berkenaan ahli Lembaga Syarikat Perumahan Malaysia Berhad mengatakan bahawa syarikat ini mempunyai undang-undang. Saya sedar adanya memorandum dan Article of Association syarikat ini yang boleh diubah jika difikirkan bahawa Lembaga Pengarahnya itu tidak betul-betul mewakili peratus ekuiti participation oleh pemegang-pemegang saham di dalam syarikat itu. Soalan saya tadi adalah meminta samada 39.2% itu memadai seorang sahaja wakil daripada Kementerian iaitu Pengerusinya. Saya berpendapat bahawa jika sebuah syarikat mempunyai 39% bulat-bulat dikumpul oleh satu orang atau satu badan ini sudahlah besar dan tidak wajar seorang sahaja wakilnya. Jika begitu apakah pula pendapat dan pandangan Kementerian. Jika tidak cukup bolehlah ditambah lagi 2 atau 3 daripada ahli-ahli Dewan Rakyat?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor kalau betul-betul dengan jawapan tadi sudah pun ada wakil daripada Kementerian Kewangan, wakil daripada Kumpulan Wang Pekerja. Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri kalau hendak menjawab.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini baharu sahaja diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membentuk Lembaga ini dan seperti mana saya katakan tadi Lembaga itu sudah meliputi nama-nama yang saya sebutkan di sini. Menambahkan bilangan itu bolehlah dirojokkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membuat pengumuman berkenaan dengan Lembaga dan 39% itu tidak boleh ditanya pendapat saya boleh atau tidak dalam Dewan yang

mulia ini. Melainkan, bolehlah saya rojokkan kepada Yang Berhormat Menteri Keuangan.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tadi soalan saya, berapa peratuskah faedah yang dikenakan oleh Bank Negara kepada Syarikat M.B.S.B. dan berapa peratuskah yang dikenakan kepada peminjam oleh Syarikat M.B.S.B. Sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan 5.5%—5.5% itu daripada siapa dan kepada siapa?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Soalan peratus ini, Tuan Yang di-Pertua, yang saya faham yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri 5.5% iaitu M.B.S.B. dan tidak termasuk service charge di bank dan sebagainya. Kalau mengikut dasar pinjaman Kerajaan ialah 4%; kalau daripada Bank Negara atau daripada Kerajaan meminjamkan wang untuk membuat perumahan kepada kakitangannya tetapi yang 5.5% ini ialah daripada M.B.S.B. diberikan kepada pemohon-pemohon yang meminjam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini yang akhir. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan iaitu bentuk Jawatankuasa Perumahan di peringkat daerah jika hendak ditambah dan ditimbang keahliannya daripada Ahli Dewan Rakyat . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mana ada daerah? Tidak ada, yang ada Negeri dan nasional.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Ini peringkat Negeri, beliau mengatakan kalau hendak Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat berkhidmat terpulunglah kepada Negeri. Pertanyaan saya ialah tidakkah ada Kementerian yang berkenaan kuasa mengarahkan Kerajaan Negeri untuk menambah ahli-ahli daripada golongan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Kalau hanya dipulangkan kepada negeri; memang mengikut pengalaman-pengalaman yang lampau, mereka tidak akan hendak menerima Ahli Dewan Rakyat menduduki di peringkat negeri.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Ahli Yang Berhormat ini beri roti tetapi ada kail di dalamnya. Jadi saya rasa masalah ini tidak timbul, kerana saya telah jelaskan berkali-kali mengatakan terpulunglah . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia bertanya, ada kuasa atau tiada kuasa, itu sahaja. Kalau tidak ada, cakap tidak.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Saya rasa Yang Berhormat itu sedia maklum. Saya jawab, terpulunglah kepada Kerajaan Negeri.

KESESAKAN LALULINTAS DI KUALA LUMPUR

3. Tuan Lee Lam Thye: minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) apakah rancangan-ancangan tertentu yang telah dirangka oleh Dewan Bandaraya untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur dan juga untuk membaiki pengaliran lalulintas; dan
- (b) bilakah "Area Pricing System" akan dikuatkuasakan dan samada sebelum sistem ini dikuatkuasakan langkah-langkah akan di ambil untuk membaiki sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan (a) pelan-pelan telahpun telah diadakan untuk membaiki persimpangan-persimpangan dan jalan-jalanraya terutama jalan-jalan penting di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk mengurangkan kesesakan lalulintas. Rancangan dan langkah-langkah yang sedang di ambil ialah:

1. membesarkan dan membaiki persimpangan serta jalan-jalanraya, contohnya di Bulatan Raja Muda, di persimpangan Jalan Gurney dan Jalan Perkeliling, Jalan Sultan Ismail, Jalan Raja Chulan dan lain-lain.
2. membina jalan-jalan dan jambatan-jambatan baharu. Contohnya di Jalan Stoney yang menyambungkan jalan Raja Abdullah ke Jalan Tuanku Abdul Rahman, di Jalan Raja Abdullah yang disambungkan ke Jalan Ampang dan Jalan Sultan Ismail.

3. Jalan Bandar yang disambungkan kepada jalan Leboh Pasar Besar terus ke Jalan Melaka. Jambatan-jambatan baharu, contohnya di Jalan Shaw di atas jalan keretapi; di Jalan Ampang di atas Sungai Barbaras dan lain-lain. Memperkemaskan lagi pengangkutan-pengangkutan awam dan penyediaan jalan-jalan khas untuk bas sahaja. Lalulaluan khas untuk bas akan diadakan sepanjang-panjang innering road.
4. Menggalakkan penggunaan kenderaan persendirian dengan cara yang paling berkesan.
5. Penguatkuasaan yang ketat terhadap undang-undang dan peraturan lalulintas. Satu Pasukan yang dipanggil Unit Warden Lalulintas yang sekarang ini mempunyai anggota seramai 190 orang telah bertugas untuk membantu Polis Trafik dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan di jalanraya dan dalam usaha melicinkan dan mengatasi beberapa masalah lalulintas jalan di dalam Wilayah Persekutuan. Unit Trafik Wilayah Persekutuan akan diperkuatkan dan diperbesarkan lagi dari masa ke masa.
6. Penetapan tempoh masa lampu-lampu isyarat trafik telah diperbaiki semula pada tahun lepas dan ini telah dapat mempercepatkan lagi perjalanan lalulintas sebanyak lebih kurang 20%.
7. Sistem menghadkan kenderaan. Sistem kenderaan-kenderaan terhad ini dijangka akan dikuatkuasa pada penghujung tahun ini. Di dalam sistem kenderaan terhad ini Dewan Bandaran akan mengenakan bayaran-bayaran yang tertentu bagi kenderaan yang lalu di pusat bandar pada waktu-waktu yang tertentu. Sistem ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kenderaan-kenderaan yang mempunyai muatan pertimbangan yang rendah daripada memasuki atau melalui Pusat Bandar Kuala Lumpur.
8. Unit kenderaan terkandas, sebuah unit yang dipanggil Unit Kenderaan Terkandas telah ditubuhkan pada tahun lepas untuk menarik kenderaan-kenderaan yang terkandas di lalulintas di Wilayah Persekutuan yang disebabkan oleh kemalangan atau kerosakan. Ini akan dapat melicinkan perjalanan kenderaan-kenderaan di jalanraya.

Jawapan kepada soalan (b) "Area Pricing System" dijangka akan dikuatkuasakan pada penghujung tahun ini.

Pihak Kementerian Pengangkutan telahpun mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki kekesanan sistem pengangkutan awam dan telah menambah bilangan bas-bas di dalam bandaraya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya samada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa salah satu sebab yang serious yang menyusahkan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur ialah kerosakan lampu isyarat yang sering berlaku. Dan jika beliau sedar, apakah tindakan specific yang telah diambil atau akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah jawab tadi bahawa sistem lampu telah diperbaiki semenjak tahun lepas. Ada hendak tambah lagi Yang Berhormat? Sila.

Dr Ling Liong Sik: Tidak ada.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak ada hendak tambah. Sila Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada berita-berita apa yang saya tahu Kerajaan menggaji untuk mengadakan seorang pakar perunding untuk menyelesaikan masalah-masalah traffic di Kuala Lumpur dan juga saya dapat tahu kita akan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menyelesaikan problem-problem itu. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi penjelasan?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengadakan satu consultant dan consultant ini sudah pun ada di Kuala Lumpur dan master plan telah disiapkan. Tetapi sekarang Kerajaan sedang, telah dan akan mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan master plan untuk lalu-lintas ini.

DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN ASEAN

4. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai daripada Seminar Dewan Perniagaan

dan Perusahaan ASEAN mengenai "Kesejahteraan Perindustrian" dan "Kelonggaran Perdagangan Tertentu" yang telah diadakan tempoh hari. Jika menemui kegagalan, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sejauh yang saya ketahui Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN tidak pernah mengadakan seminar mengenai kesejahteraan perindustrian dan kelonggaran perdagangan tertentu. Walau bagaimanapun, Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN telah mengadakan beberapa mesyuarat untuk membincangkan cara-cara untuk menyumbangkan peranan mereka di dalam kerjasama ekonomi ASEAN terutamanya di bidang perdagangan dan perindustrian sejak Dewan itu ditubuhkan dalam tahun 1972.

Selain daripada itu Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN telah menubuhkan kumpulan-kumpulan kerja mengenai industrial complementation dan juga kebebasan perdagangan terhadap (selective trade liberalisation) dan kumpulan-kumpulan ini telah mengadakan mesyuaratnya di Kuala Lumpur pada bulan November tahun lalu dan telah mengemukakan beberapa pengesyoran kepada Jawatankuasa-jawatankuasa ASEAN tertentu. Di dalam hal ini saya ingin mengemukakan iaitu Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN adalah dianggotai oleh pertubuhan-pertubuhan pihak-pihak swasta negara-negara ASEAN. Oleh yang demikian, apa-apa pandangan dan perakuan-perakuan yang dibuat olehnya tidaklah muktamad dan perlu dikaji terlebih dahulu oleh tiap-tiap Kerajaan negara-negara ahli melalui Jawatankuasa-jawatankuasa ASEAN yang berkenaan.

KONTREKTOR BUMIPUTRA

5. Tuan Ja'afar bin Hamzah minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa masih banyak lagi terdapat golongan kontraktor-kontraktor Bumiputra yang mempunyai kebolehan dan kemampuan bagi menjalankan kerja-kerja kontrak masih jauh ketinggalan terutama berhubung dengan kerja-kerja di Jabatan Kerja Raya. Jika sedar apakah langkah-langkah untuk

memberikan keutamaan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputra bagi mendapatkan kerja-kerja Kelas "A".

- (b) berapakah jumlah kontraktor Bumiputra yang mendapat lesen Kelas "A" sejak tahun 1973 hingga sekarang ini.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan ini tidak berapa jelas. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawabnya dengan seberapa yang boleh mengikut fahaman saya. Adalah tidak benar masih banyak lagi terdapat golongan kontraktor Bumiputra yang mempunyai kebolehan dan kemampuan bagi menjalankan kerja-kerja kontrak masih jauh ketinggalan ataupun tidak mendapat peluang dalam kerja-kerja di Jabatan Kerja Raya. Ini oleh kerana sebagaimana yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat keutamaan diberi kepada kontraktor Bumiputra yang berkebolehan dengan cara mengutamakan 30% dari semua kerja-kerja kontrak kepada pemborong-pemborong Bumiputra sahaja dalam semua kelas. Selain daripada ini kontraktor-kontraktor Bumiputra juga mengambil bahagian dalam semua tender-tender Kerajaan yang terbuka kepada semua kelas. Walaupun begitu, saya sedar kebolehan kontraktor Bumiputra masih jauh ketinggalan daripada kontraktor bukan Bumiputra pada keseluruhannya. Dengan sebab inilah Kementerian saya sedang mengambil langkah untuk memberi bantuan kepada kontraktor Bumiputra dengan cara memberi kursus bimbingan dan sebagainya supaya banyak lagi kontraktor Bumiputra yang akan dapat pengetahuan dan kebolehan untuk membuat kerja-kerja yang lebih besar di masa-masa hadapan.

Begitu juga Kementerian saya sedar bahawa bilangan pemborong-pemborong Bumiputra yang berdaftar dalam Kelas "A" adalah sedikit, maka dengan sebab itu beberapa langkah telah diambil bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam tawaran bagi kerja-kerja Kelas "A", seperti berikut:

- (i) Pemborong-pemborong Bumiputra dalam Kelas "B" dibolehkan

memohon kebenaran khas untuk memasuki tawaran bagi kerja dalam Kelas "A". Jika tawarannya berjaya, performance dalam menjalankan kerja tersebut akan dijadikan asas untuk menimbangkan kemungkinan ia dinaikkan terus ke Kelas "A".

- (ii) mengikut amalan sekarang pemborong-pemborong Bumiputra dalam kelas-kelas BX atau C boleh bergabung untuk memasuki tawaran bagi kerja-kerja khas untuk Bumiputra, dalam Kelas "A" dan "B".
- (b) Bilangan pemborong-pemborong Bumiputra dalam Kelas "A" dari Januari, 1973 hingga Disember, 1973 adalah seperti berikut:

Kelas "A" Bumiputra	Januari			Disember
	1973	1974	1975	1976
	11	16	21	24

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Saya ingin mendapat tahu ada di antara kontraktor-kontraktor Bumiputra yang mendaftarkan syarikat yang mendapat lesen Kelas "A" di badan-badan berkanun seperti UDA dan MARA telah tidak dapat diiktirafkan oleh pihak J.K.R. waktu syarikat ini memohon lesen Kelas "A" dan seterusnya mendaftarkan syarikat ini di dalam Jabatan Kerja Raya. Oleh yang demikian, saya hendak tahu adakah Kementerian yang berkenaan ini akan mengambil satu-satu langkah bagi mengubahsuaikan keadaan sebagaimana yang dikehendaki oleh kaum Bumiputra sendiri.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi ada kontraktor bumiputra yang telah mendapat registration dalam badan-badan yang lain seperti UDA dan P.K.N.S. dan sebagainya yang J.K.R. tidak dapat mendaftar sebagai Kelas "A" kontraktor, kerana ini adalah bukannya otomatik yang jika dia beregister kepada lain-lain badan, dia automatically diregister kepada J.K.R.—tidak, melainkan kita adalah masing-masing menjalankan penyiasatan dari segi kebolehan mereka. Boleh jadi kontraktor tersebut tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh J.K.R. maka dengan sebab itu J.K.R. tidak dapat meregister mereka itu. Tetapi walau bagaimanapun, sepanjang yang saya ketahui banyak kontraktor-kontraktor yang beregister di badan-badan

yang berkanun telah beregister juga dengan J.K.R. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu ada specific cases yang Ahli Yang Berhormat itu fikir harus dipertimbangkan oleh J.K.R., J.K.R. sentiasa mempertimbangkannya.

PETRONAS—PERJANJIAN DENGAN SABAH

6. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa peratus royalty yang dibayar oleh PETRONAS atas pendapatan dari galian minyak di negeri Sabah dan selama berapa tahunkah perjanjian ini akan berkuatkuasa;
- (b) semenjak perjanjian carigali minyak ini ditandatangani di Sabah berapa jumlah nilai hasil minyak yang telah dibayar oleh PETRONAS kepada negeri Sabah dan bagaimanakah cara bayaran itu dibuat; dan
- (c) adakah cadangan untuk menaikkan bayaran royalty minyak kepada negeri Sabah dari masa ke semasa.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) mengikut perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Negeri Sabah dengan PETRONAS, PETRONAS akan membayar yang tunai kepada Negeri Sabah sebanyak lima peratus (5%) dari nilai petroliaam yang didapati dan diperolehi dari kawasan di Sabah dan yang dijual oleh PETRONAS, ejen-ejennya atau kontraktor-kontraktornya. Kuatkuasa perjanjian itu tidaklah ditetapkan tempatnya.
- (b) Jumlah nilai hasil minyak yang telah dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sabah sehingga 31hb Disember, 1976 ialah \$33.157 juta iaitu:

Bagi tempoh		Jumlah (Juta Ringgit)
1-7-75-31-12-75	...	\$ 4.712
1-1-76-30-6-76	...	\$11.005
1-7-76-30-12-76	...	\$17.440
Jumlah	...	\$33.157

Bayaran adalah dibuat dengan cara tunai dan dibayar dua kali setahun, iaitu bagi setengah tahun yang pertama, bayaran dibuat pada atau sebelum 1hb September, dan bagi tempoh setengah tahun yang kedua, bayaran adalah dibuat pada atau sebelum 1hb Mac yang berikut.

- (c) Usaha ini baru sahaja dijalankan dan tidaklah ada cadangan untuk menaikkan bayaran royalty itu.

LEMBAGA KEMAJUAN TERNAKAN NEGARA

7. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) perbelanjaan bulanan untuk pentadbiran dan penyelenggaraan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara dan hasilnya bagi tiap-tiap bulan dalam tahun 1976;
- (b) bilangan penyembelihan ternakan yang dibuat di rumah menyembelih di Shah Alam dalam tahun 1974, 1975 dan 1976 dan samada Kerajaan berpuas-hati dengan angka-angka ini berbanding dengan perbelanjaan tahunan untuk menyenggara rumah menyembelih ini;
- (c) rancangan-ancangan jangka panjang dan pendek MAJUTERNAK untuk

mengatasi masalah kenaikan harga daging di negara ini;

- (d) berapa tan daging yang diimport melalui Singapura sejak tahun 1974, 1975 dan 1976 dan nyatakan negara-negara asalnya; dan
- (e) berapa tan daging import yang disah sebagai halal dan berapa tan yang tidak disah sebagai halal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengenai soalan ini, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawabnya, pada masa yang akan datang, saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat membuat soalan jangan terlalu panjang dan terlalu banyak. Sebenarnya soalan (a) hingga (c) ada kaitan langsung tetapi (d) dan (e) sepatutnya dipisahkan. Jadi ini tidak adil kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. Pihak Parlimen tidak menyunting soalan ini tetapi pada masa yang akan datang, saya harap kerjasama dari pihak Ahli-ahli Yang Berhormat supaya soalan itu jangan begitu panjang dan mengambil masa yang banyak. Sila ambil perhatian.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga):

- (a) Maklumat yang dikehendaki itu terlalu panjang untuk diuraikan dalam masa soal jawab ini. Walau bagaimanapun, saya suka memberikan angka-angka perbelanjaan dan pendapatan MAJUTERNAK dalam tahun 1976 dalam bentuk berikut:

	Perbelanjaan	Pendapatan
Ibu Pejabat	\$ 961,852.04	\$ 121,343.21
Rancangan Ladang Ternakan	5,810,003.60	1,020,709.34
Rumah-rumah Sembelih	1,885,923.16	1,637,726.06
Jumlah	<u>\$8,657,778.80</u>	<u>\$2,779,778.61</u>

Rancangan yang dijalankan oleh MAJUTERNAK masih terlalu awal untuk memberikan kelebihan pendapatan. Rancangan seperti ladang ternakan dari mula dirancang, ditebas hutan, ditanam rumput dan dibawa masuk ternakan sehingga ternakan itu biak adalah memerlukan masa dan perbelanjaan.

- (b) Butir-butir mengenai penyembelihan di Rumah Sembelih Shah Alam pula adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Penyembelihan termasuk lembu, kerbau, kambing biri-biri dan babi	Perbelanjaan Tahunan	Pendapatan Tahunan
1974	304,425 ekor	\$1,377,070.73	\$1,532,209.23
1975	257,443 „	1,645,686.60	1,670,990.08
1976	250,283 „	1,784,339.49	1,527,422.60

Pada keseluruhannya Kerajaan adalah berpuas hati kerana satu daripada tujuan Rumah Sembelih bukanlah untuk mendapat keuntungan sebanyak-banyaknya sahaja, tetapi untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Kekurangan pendapatan dalam tahun 1976 kerana bertambahnya perbelanjaan menyelenggaranya disebabkan pembayaran tunggakan gaji pelaksanaan Sekim Tanggagaji Harun, kenaikan harga kadar bekalan letrik dan air dan perbelanjaan service overhaul dan membeli alat-ganti jentera-jentera setelah tiga tahun dalam penggunaan.

- (c) Rancangan Jangka Panjang MAJUTERNAK ialah dengan membanyakkan lagi ladang ternakan dan menambahkan bilangan ternakan. Pada masa ini MAJUTERNAK telah melancarkan 8 buah rancangan ladang ternakan iaitu di Behrang, Batu Arang, Jelai Gemas, Padang Hijau, Ayer Hitam, Ulu Lepar, Tersat dan Sarawak. Bilangan ternakan dijangka akan bertambah dari 11,700 ekor dalam tahun 1976 kepada 30,300 ekor dalam tahun 1980.

Rancangan Jangka Pendek ialah dengan mengimpot lembu untuk disembelih dari Thailand dan juga daging daripada luar negeri seperti Australia dan New Zealand.

- (d) Daging diimpot melalui Singapura: Tahun 1974=1,377 tan, tahun 1975=2,012 tan, tahun 1976=1,165 tan. Negara asalnya ialah Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Denmark, Netherlands, United Kingdom dan Canada.
- (e) Daging diimpot oleh MAJUTERNAK semuanya adalah halal. Yang diimpot oleh pihak swasta ada yang halal dan ada yang tidak, tetapi jumlahnya tidak dapat dipastikan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa daging-daging yang diimpot oleh pihak swasta tidak dijual kepada orang-orang yang memakan daging yang ditanggung halal.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat satu peraturan bahawa impot daging ini hendaklah dikendalikan oleh pihak MAJUTERNAK sahaja selepas itu disupplykan kepada penjual ataupun pemborong-pemborong tempatan supaya mengelakkan daripada kesamaran mana yang halal yang mana yang tidak halal.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, fasal halal atau tidak halal itu Kementerian saya tidak boleh "guarantee" akan perkara ini. Tetapi pada masa yang lepas MAJUTERNAK adalah bertanggungjawab kepada apa yang dibeli olehnya dan tidak kena mengena dengan pihak swasta.

MENTERI/SENATOR WANITA

8. Puan Chow Poh Kheng minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbangkan perlantikan menteri-menteri wanita yang lebih ramai dan menambah bilangan Senator-senator wanita. Ini adalah berdasarkan kenyataan umum bahawa

bilangan kaum wanita di dalam negara ini telah menghampiri setengah bahagian penduduk.

Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua, mengamalkan menjadi dasar kita supaya menggalakkan serta memberi peluang kepada kaum wanita mengambil bahagian dan melibatkan diri dalam segala aktiviti dan di dalam segala bidang. Ini termasuklah aktiviti dalam politik dan pentadbiran negara. Kini, sebagaimana kita mengetahui, ada wanita yang telah dilantik menjadi Menteri, Setiausaha Parlimen, Senator dan Ahli Dewan Rakyat. Samada bilangannya mencukupi adalah satu persoalan dan ini pada hemat saya, adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti keadaan di sesuatu masa dan kemampuan kaum wanita sendiri.

Sebagaimana termaklum, jumlah bilangan jawatan Menteri dan juga keahlian Senate, adalah terhad. Kaum lelaki hendaklah juga dipertimbangkan dalam perkara-perkara sumpama ini. Jadi pendek kata, pertimbangan dan perhatian yang sewajarnya mengamalkan sentiasa diberi kepada kaum wanita yang kita kasihi itu (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, kalau ramai Ahli Yang Berhormat dari kaum wanita, maka tak dapatlah keistimewaan bila bangun sahaja dapat bercakap.

PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH

9. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan berapakah jumlah projek perumahan harga murah yang sedang dilaksanakan sekarang dan yang akan dilaksanakan segera mengikut Negeri dan apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi membolehkan seseorang itu memiliki rumah harga murah ini.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, bilangan projek perumahan kos rendah yang sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan dan yang akan dilaksanakan segera di negeri-negeri adalah seperti berikut :

Negeri	Dalam peringkat peralaksanaan	Dicadangkan akan segera dilaksanakan
1. Johor	7	3
2. Melaka	4	11
3. Negeri Sembilan	5	9
4. Pahang	4	7
5. Selangor	3	2
6. Wilayah Persekutuan	7	7
7. Trengganu	3	3
8. Perak	3	11
9. Kelantan	1	4
10. Kedah	4	7
11. Perlis	3	2
12. Pulau Pinang	4	1
13. Sabah	3	6
14. Sarawak	2	4
Jumlah	53	77

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menegaskan bahawa oleh kerana rumah-rumah tersebut adalah ditujukan kepada golongan berpendapatan rendah maka syarat-syarat yang minima sahaja adalah dikenakan; pada dasarnya pemohon mestilah warganegara Malaysia dari golongan yang berpendapatan rendah yang belum mempunyai rumah atau tanah sendiri dan ia mestilah mempunyai kelonggaran untuk membayar ansuran bulanan sewa beli rumah tersebut. Pemohon juga perlu memenuhi beberapa syarat tertentu yang perlu ditimbang oleh Kerajaan Negeri atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menurut sesuatu keadaan tempatan. Dalam

mengamalkan syarat-syarat ini perkara yang perlu ditegaskan iaitu usaha menghasilkan objektif Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat demi perpaduan dan keselamatan negara.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan bilangan ahli-ahli Lembaga Urusan dan Tabung Haji tiap tiap negeri di Malaysia sehingga 31 12-76 dan nyatakan jumlah bilangan ahli-ahli yang sudah menunaikan Fardhu Haji.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjelaskan soalan Ahli Yang Berhormat bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan Ahli-ahli atau Penyimpan-penyimpan di Lembaga Urusan dan Tabung Haji sehingga 1hb Mac, 1977 ialah seramai 275,763 orang atau penyimpan. Walau bagaimanapun, jumlah ahli-ahli yang mendaftar itu tidaklah dibuat mengikut negeri-negeri memandangkan penyimpan-penyimpan adalah terdiri daripada mereka yang berkhidmat dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Syarikat-syarikat Swasta yang selalu bertukar dari satu negeri ke satu negeri.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, jumlah ahli-ahli atau penyimpan-penyimpan di Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang telah menunaikan Fardhu Haji adalah seramai 75,651 orang.

Kebanyakan penyimpan-penyimpan di LUTH ini mempunyai niat untuk menunaikan Fardhu Haji, iaitu menunaikan Rukun Islam Yang Kelima; bahkan ada dari penyimpan-penyimpan yang menyimpan wang dengan tujuan-tujuan untuk simpanan pelajaran tinggi anak-anak mereka, untuk membeli tanah dan rumah dan untuk mendapat keuntungan melalui bonus yang diberikan oleh Tabung Haji pada tiap-tiap tahun dan juga lain-lain faedah yang difikirkan berfaedah kepada penyimpan-penyimpan. Selain daripada itu, simpanan daripada ahli-ahli itu juga membolehkan orang-orang

Islam mengambil bahagian dengan lebih berkesan dalam bidang penanaman modal dan lain-lain kegiatan perniagaan.

PENCARUM-PENCARUM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

11. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kewangan menyatakan, memandangkan kebangkitnya perasaan kebimbangan di kalangan pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bahawa Kerajaan kita bercadang hendak menukarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pencen (Pensionable Fund), adakah Kerajaan kita akan membenarkan pencarum-pencarum membuat pilihan samada mereka hendak memilih Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Kumpulan Wang Simpanan Pencen.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan di Dewan Rakyat yang mulia ini pada hari Jumaat, 26hb November, 1976, Kerajaan tidak akan menukar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada skim pencen dan bahawa keputusan telah dibuat setelah cadangan itu dikaji dengan teliti. Soal membenarkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memilih di antara pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan itu tidak timbul di masa ini.

SETINGGAN

12. Tuan Loh Fook Yen minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apa progres telah dicapai berhubung dengan kajian masaalah-masaalah setinggan oleh Jawatankuasa Khas yang mengkaji masaalah-masaalah setinggan yang ditubuhkan oleh Majlis Tanah Nasional dalam 1976 di bawah Pengerusinya Y.A.B. Dr Mahathir Mohamad; dan
- (b) apa telah dicapai oleh Jawatankuasa Khas itu supaya mewujudkan matlamat yang telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang ingin mempertingkatkan taraf kehidupan setinggan-setinggan yang telah dianggap sebagai atau golongan yang miskin dalam Rancangan Malaysia Ketiga itu.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Tanah Negara yang bersidang pada 10hb Jun, 1976 (Mesyuarat ke 28) bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Pegawai supaya mengkaji masaalah-masaalah setinggan. Pengerusinya ialah Yang Berhormat Datuk Ketua Setiausaha, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, dan ahlinya ialah Yang Berhormat Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Pegawai-pegawai Kementerian Kerajaan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga UDA. Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan, dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.

Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat di Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan pada 9hb Julai, 1976. Jawatankuasa ini telah meminta kerjasama ejensi-ejensi yang mengkaji masaalah setinggan. UDA telah mengemukakan satu analisa berkenaan dengan kajian setinggan di Wilayah Persekutuan. Kajian-kajian juga membuat perakuan-perakuan bahawa masaalah setinggan boleh diselesaikan dengan cara:

- (i) Rehabilitation.
- (ii) Resettlement.

Untuk keseluruhan negeri-negeri di Semenanjung, Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah ditugaskan untuk membuat laporan. Ketua Pengarah Tanah dan Galian dalam analisisnya mencadangkan supaya kekurangan pegawai-pegawai Pejabat-pejabat Tanah ditambah dan undang-undang diperketatkan lagi. Kementerian Perumahan telah memberi sumbangan dalam rancangan menyelesaikan masaalah setinggan ini dengan memasukkan anggaran 100,000 yunit rumah perlu dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah menyatukan laporan UDA dan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan membentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada 9hb dan 14hb Oktober, 1976. Majlis Tanah Negara membuat keputusan supaya diadakan tiga peringkat penyelesaian masaalah ini. Peringkat-peringkat itu adalah:

- (i) Persekutuan.
- (ii) Negeri.
- (iii) Daerah.

Untuk peringkat Persekutuan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi Pengerusinya. Setakat ini Jawatankuasa Peringkat Persekutuan belum lagi dibentuk. Ini adalah kerana lapuran daripada peringkat-peringkat negeri belum lagi diterima. Jawatankuasa akan bersidang apabila semua Kerajaan-kerajaan Negeri akan mengemukakan lapuran mereka.

Peringkat Negeri dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri. Setakat ini Kementerian belum lagi menerima lapuran dari Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Negeri. Ini tidak bermakna tidak ada penyelesaian masalah setingan yang dibuat. Negeri Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan telahpun melaksanakan projek-projek mereka yang termasuk dalam 2 kategori "rehabilitation" dan "resettlement" tadi. Wilayah Persekutuan ada lebih kurang 8 juta ringgit daripada Bank Dunia untuk "rehabilitation" setingan Wilayah Persekutuan.

Kerajaan Negeri Perak telahpun melaksanakan projek-projek penempatan setingan dalam kawasan-kawasan perumahan di Ipoh. Kerajaan Negeri Selangor telah membuat perlaksanaan dalam Kampung Tasek di Mukim Ampang, yang mana lebih kurang 1,900 keluarga telah ditempatkan, ini adalah projek "resettlement" untuk Negeri Selangor.

Pada peringkat daerah, penguatkuasaan Undang-undang dilaksanakan. Perlaksanaan undang-undang juga dipengaruhi oleh pertimbangan-pertimbangan "humanisma". Ada pejabat-pejabat Tanah telah menubuhkan yunit-yunit penguatkuasa Undang-undang dan juga yunit-yunit membantu pembangunan sosial setingan-setingan ini iaitu membuat kerja "rehabilitation" dan "resettlement".

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menyebutkan ada bantuan sebanyak \$8 juta daripada Bank Dunia untuk mengatasi masalah setingan di Wilayah Persekutuan. Saya hendak mengetahui wang sebanyak \$8 juta disalurkan ke mana, melalui Kementerian Perumahan, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayahkah ataupun melalui Bandaraya? Itu sahaja yang saya hendak tahu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk membina rumah-rumah ianya dijalankan melalui kerjasama antara Kementerian yang berkenaan dengan Kuasa-kuasa Tempatan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).

LOCK-UP DI BALAI POLIS

13. Tuan Shamsuri bin, Md. Saleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Keadaan dalam bilik lock-up di Balai Polis Jalan Bandar, Kuala Lumpur di mana sudah tiga kali berlaku percubaan melarikan diri oleh orang-orang tahanan yang ditempatkan di situ, kali terakhirnya pada 24-11-76;
- (b) Apakah langkah-langkah yang diambil supaya kejadian cuba melepaskan diri tidak berulang lagi; dan
- (c) Adakah benar dakwaan yang mengatakan bilik lock-up itu penuh sesak dan tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Keadaan dalam bilik lokap di Balai Polis itu telah disiasat dengan rapi dan didapati siling-silingnya perlu diperbaiki. Untuk makluman Yang Berhormat percubaan itu hanya berlaku sebanyak dua kali sahaja dan bukannya tiga kali. Percubaan terakhir yang dilakukan oleh tiga orang tahanan ialah pada 11-9-76 dan bukannya pada 24-11-76. Kesemua mereka yang terlibat itu dapat ditangkap semula oleh pihak polis. Tindakan yang sesuai telahpun diambil di mana siling di bilik-bilik lokap tersebut telahpun dibaiki dan palang-palang besi yang kuat telah dipasang di bumbung yang telah dikuatkan dengan jerjak besi, wire mesh dan palang papan. Lokap-lokap yang moden akan disediakan apabila Ibu Pejabat Kontinjen Polis siap dibina nanti.

DOKTOR-DOKTOR DI SABAH/ SARAWAK

14. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Kesihatan:

- (a) Samada terdapat rancangan untuk memberi keistimewaan tambahan kepada doktor-doktor yang berkhidmat di Sabah di masa hadapan selain daripada kemudahan-kemudahan yang mereka dapat masa ini;
- (b) Bilangan doktor yang akan dihantar ke Sabah tahun ini untuk memenuhi kekurangan doktor di sana dan di manakah kekurangan ini berlaku dan bilakah kekurangan ini akan dapat dipenohi; dan
- (c) Bilangan doktor yang ditawarkan untuk berkhidmat di Sabah yang telah menolak tawaran ini dan mengapa mereka menolak tawaran ini dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan perubatan di Sabah ini di masa hadapan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kementerian saya tidak ada rancangan-rancangan untuk memberi keistimewaan-keistimewaan tambahan kepada doktor-doktor yang berkhidmat di Malaysia Timor kerana keistimewaan-keistimewaan ini telah ditetapkan oleh Kerajaan. Tiap-tiap seorang Doktor yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak akan diberi elaun-elaun seperti berikut:

(1) *Elaun Khas*

Berkahwin dan mempunyai anak	\$498.38
Berkahwin dan tak mempunyai anak	418.13
Bujang	332.53

(2) *Pemberian Gangguan*

1 bulan gaji selepas tamat perkhidmatan di Malaysia Timor

(3) Tambang perjalanan dan perbelanjaan pengangkutan

(4) *Elaun Kanak-kanak*

Anak pertama	\$75.00
Anak kedua	50.00
Anak ketiga	25.00

Maksima jumlah yang dibenarkan \$200.00 Elaun-elaun ini diberi hanya kepada anak-anak lelaki berumur di

bawah 18 tahun dan anak-anak perempuan di bawah 21 tahun.

Selain dari ini, doktor-doktor pelatih juga diberi tambang perjalanan pergi dan balik sungguhpun mereka itu belum menjadi doktor-doktor sepenuhnya.

Pada keseluruhannya memang terdapat kekurangan doktor-doktor di seluruh negara ini. Bilangan doktor-doktor yang dihantar untuk bertugas di negeri-negeri adalah berdasarkan keperluan-keperluan di tiap-tiap negeri itu akan tetapi keutamaan adalah diberi kepada negeri-negeri yang kurang maju.

BANTUAN MODAL SEKOLAH- SEKOLAH

15. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Berapa banyak wang bantuan telah diberi kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah jenis nasional bagi tiap-tiap tahun dalam 1974, 1975 dan 1976; dan
- (b) Samada Menteri Pelajaran sedar bahawa peruntukan wang bantuan itu bawah Rancangan Malaysia Ketiga tidak cukup, jika ya, apakah langkah-langkah telah diambil supaya menambahkan peruntukan itu.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Jumlah Bantuan Modal yang diberi kepada sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan adalah seperti berikut:

1974	\$717,500
1975	883,970
1976	960,143

Dalam tahun-tahun tersebut sebanyak \$2,561,613 sahaja yang telah diperbelanjakan oleh sekolah-sekolah yang diberi Bantuan Modal. Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan tidak memberi Bantuan Modal 100% kepada sekolah-sekolah tersebut. Sekolah-sekolah yang berkehendakkan Bantuan Modal seharusnya mendapatkan sekurang-kurangnya 50% daripada kos sesuatu projek.

- (b) Saya sedar bahawa peruntukan wang bantuan modal di bawah Rancangan Malaysia Ketiga memang kurang mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat kekurangan ini bukan hanya di

bidang Bantuan Modal tetapi kekurangan peruntukan adalah bagi semua projek-projek di bawah Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak dapat menjalankan semua projek-projek pembangunan serentak. Segala rancangan-rancangan adalah dibuat berperingkat-peringkat mengikut keadaan dan kemampuan.

PELAJARAN UGAMA ISLAM

16. Tengku Zaid Ahmad bin Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar sistem pelajaran yang diamalkan di negara ini sekarang tidak menjamin keutuhan akhlak, bersopan-santun dan menyemai semangat keimanan serta takwa yang kuat, jika ya adakah Kementeriannya akan membuat satu sistem pelajaran yang baru yang sesuai dengan Islam sebagai ugama rasmi negara ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kenyataan ini tidak benar kerana Kementerian Pelajaran telah, sedang dan akan mengambil beberapa langkah bagi matapelajaran Ugama Islam, Pendidikan Akhlak dan Pendidikan Tata-rakyat dapat menjamin keutuhan akhlak, bersopan santun dan menyemai semangat keimanan yang kuat.

SAMSU HARAM

17. Tuan Alex Pang Sui Chee bertanya kepada Menteri Undang-undang:

- (a) berapa banyak kejadian kematian dari minum samsu haram di negara kita dan di negeri manakah kejadian membuat samsu haram didapati dan apakah tindakan diambil terhadap pembuat dan pengedar samsu haram dan berapakah bilangan pengeluaran dan pengedar samsu haram telah dijatuhkan hukuman; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak membuat phamplets bagi menegah orang meminum samsu haram ini, kiranya tidak, adalah kerajaan berpuas hati ke atas kejadian akibat daripada meminum samsu haram ini.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):

- (a) Sejak tahun 1975 hingga bulan Februari 1977, seramai 16 orang telah mati kerana meminum samsu haram. Negeri-negeri di mana kejadian membuat samsu haram didapati ialah Pulau Pinang,

Kedah, Perak, Selangor, Negri Sembilan, Johor dan Sarawak. Pembuat dan pengedar samsu haram yang ditangkap akan dihadapkan di Mahkamah dan jika didapati salah akan diberi hukuman seperti terdapat dalam Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap). Bilangan orang-orang yang telah didakwa adalah seperti berikut:

1974 ...	93 orang
1975 ...	130 orang
1976 ...	30 orang

- (b) Badan-badan Pelaksanaan Kerajaan telah mengambil tindakan untuk memberi amaran kepada orang ramai bahaya meminum samsu haram ini melalui surat-surat khabar, mass-media dan sebagainya. Jabatan Undang-undang adalah berpuashati bahawa amaran berkaitan dengan keburukannya setelah meminum samsu haram dan juga beratnya hukuman yang disediakan oleh undang-undang kepada peminum-peminum, pengedar-pengedar dan juga penjual samsu. Untuk memberhentikan orang-orang minum samsu haram atau pun membuat samsu haram satu undang-undang yang dipanggil Akta Keperluan Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 165/1976 telah dikeluarkan.

KANUN TANAH NEGARA

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa penggunaan tanah di Negara ini tidak diusahakan dengan sewajarnya, memandang kepada banyaknya tanah yang dimiliki tinggal dengan keadaan begitu sahaja. Apakah langkah sewajarnya untuk mengatasi masaalah ini.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Sedar. Peruntukan dalam seksyen 115 Kanun Tanah Negara menghendaki tuan-tuan punya tanah menggunakan tanah-tanah mereka dengan baiknyaa. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang menyusun satu peraturan yang membolehkan Pejabat-pejabat Tanah mengambil tindakan di bawah Kanun Tanah Negara ke atas tuan-tuan punya tanah jenis pertanian yang tidak mengerjakan tanah mereka sepenuhnya.

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian juga telah mengambil langkah menggalakkan koperasi-koperasi peladang menjalankan projek-projeknya yang bukan sahaja akan dapat menggunakan tanah-tanah dengan sepenuhnya malahan untuk memperdagangkan hasil pengeluaran tanaman. Dalam tahun 1976, koperasi-koperasi peladang telah melaksanakan 346 projek pengeluaran pertanian seperti kacang tanah, ubi kayu, buah-buahan dan sayur-sayuran. Luas kawasan tanah yang diusahakan secara berkelompok ialah 12,000 ekar melibatkan 9,000 orang ahli. Bagi tahun 1977, 353 lagi projek akan dilaksanakan meliputi 8,200 ekar dan melibatkan 6,400 orang ahli.

Kerajaan juga menjalankan berbagai langkah yang lain seperti memberikan nasihat serta panduan, subsidi, kredit, pemasaran dan perkhidmatan teknik supaya masalah penggunaan tanah dapat diatasi. Rancangan Buku Hijau dan Rancangan Bantuan Ladang adalah di antara beberapa projek yang dilancarkan bagi maksud yang sama.

PENJENAYAH-PENJENAYAH

19. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Undang-undang menyatakan samada hukuman buang negeri boleh dikenakan ke atas rakyat-rakyat Malaysia yang didapati salah oleh mahkamah luar negeri kerana kegiatan-kegiatan jenayah, penyeludupan dan lain-lain yang mencemarkan nama baik Malaysia.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Seseorang rakyat Malaysia tidak boleh dibuang negeri. Ini adalah terkandung dalam Perkara 9 (1) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi seperti berikut:

“9 (1) Tidak seseorang warganegara pun boleh dibuang negeri atau ditahan masuk ke dalam Persekutuan”.

Dengan yang demikian, penjenayah-penjenayah yang disebutkan itu tidak boleh dibuang negeri.

RUMAH-RUMAH KERAJAAN

20. Dr Tan Chee Khoo minta Perdana Menteri menyatakan angka yang sebenar bilangan rumah yang dimiliki oleh Kerajaan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah dan angka pecahan tersebut mengikut Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri lain di Malaysia.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Bilangan rumah Kerajaan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah adalah dianggarkan dalam lingkungan 58,500 unit. Ini tidak termasuk rumah-rumah yang disediakan untuk Angkatan Tentera dan Polis.

Saya tidak dapat menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu kerana angka-angka yang tepat bagi tiap-tiap negeri tidak diketahui pada masa ini disebabkan Kerajaan belum ada rekod pusat yang mengumpulkan data-data tersebut.

GURU-GURU ILMU HISAB/SAINS

21. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan Guru-guru Sekolah Menengah yang terlatih di seluruh negara dan jika ya, apakah langkah-langkah yang dijalankan untuk mengatasi kekurangan ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya sedar tentang adanya kekurangan guru-guru Sekolah Menengah yang terlatih di negara ini. Walaubagaimanapun kekurangan ini bukanlah meliputi semua matapelajaran tetapi hanya dialami bagi matapelajaran tertentu saja seperti Ilmu Hisab dan Sains. Untuk mengatasi kekurangan guru-guru yang mengajar di Sekolah-sekolah Menengah Rendah, Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengambil langkah-langkah positif yang berikut:

- (a) Memperbesarkan Maktab-maktab Perguruan yang telah sedia ada dengan menambah bilik-bilik kuliah dan kemudahan tempat tinggal di asrama.
- (b) Dalam tahun 1976, 4 buah pusat latihan Sementara telah didirikan. Pusat-pusat Sementara ini akan dipindahkan ke 4 buah Maktab Perguruan baru yang dijangka siap pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Ketiga.
- (c) Menubuhkan sebuah Maktab Perguruan baru iaitu Maktab Perguruan Islam pada tahun ini.
- (d) Menambah bilangan pensyarah di semua Maktab.
- (e) Menjalankan kursus latihan perguruan dalam masa cuti bagi guru-guru sementara yang mengajar di Sekolah Menengah Rendah mulai tahun ini.

Dengan langkah-langkah tersebut, lebih ramai pelatih untuk menjadi guru-guru di peringkat Sekolah Menengah Rendah telah dapat diambil untuk mengatasi kekurangan yang terdapat di Sekolah-sekolah di peringkat tersebut.

Di peringkat Menengah Atas langkah-langkah berikut telah diambil dan akan diteruskan:

- (i) Mengadakan Kursus Diploma Sains dengan Pendidikan di Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi.
- (ii) Memulakan Kursus Ijazah bagi guru-guru terlatih Ilmu Sains dan Hisab di Universiti Pertanian untuk menambahkan bilangan guru-guru jenis ini di peringkat menengah atas.
- (iii) Menambahkan pengambilan bilangan guru-guru Ilmu Sains dan Hisab bagi Kursus Diploma Pendidikan.
- (iv) Mengambil guru-guru kontrek dari Indonesia.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—PINJAMAN PERUMAHAN

22. **Datuk Albert Mah** minta Menteri Kewangan dan menyatakan:

- (a) jumlah kumpulan wang yang telah dipinjamkan oleh E.P.F. untuk tujuan membina rumah;
- (b) jumlah wang bagi tahun-tahun 1974, 1975 dan 1976; dan
- (c) jumlah wang yang diberi kepada Koperasi Awam, Swasta-swasta sendiri/pertubuhan-pertubuhan dan individu-individu.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

- (a) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak memberi pinjaman untuk tujuan membina rumah. Ia memberi pinjaman-pinjaman pukal kepada syarikat-syarikat yang diluluskan untuk membolehkan mereka memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam individu untuk membina atau membeli rumah bagi kegunaan mereka sendiri. Jumlah pinjaman yang telah diberikan sehingga ini ialah \$185,350,000;

(b) Angka-angka pecahan bagi tahun 1974, 1975 dan 1976 adalah seperti berikut:

1974	\$125,350,000
1975	\$ 32,000,000
1976	\$ 28,000,000

(c) Jumlah pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada Koperasi Awam, Swastawasta sendiri/pertubuhan-pertubuhan adalah seperti berikut:

(i) Koperasi Awam	\$40,591,012.65
(ii) Swasta-swasta sendiri/pertubuhan-pertubuhan	...
...	...
...	\$ 1,572,625.00

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak memberi pinjaman-pinjaman kepada individu-individu dan telah berhenti memberi pinjaman kepada firma-firma sendiri semenjak tahun 1971.

SEKOLAH-SEKOLAH PERSENDIRIAN

23. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan sekolah-sekolah persendirian mengikut negeri di seluruh Malaysia setakat 31hb Disember, 1976;
- (b) bilangan pengusaha-pengusaha sekolah-sekolah tersebut yang didakwa kerana kesalahan mendirikan sekolah-sekolah tersebut tanpa kelulusan dari Kerajaan;
- (c) dari bilangan tersebut berapa orangkah yang telah dihukum dan apakah hukumannya; dan
- (d) samada Kerajaan bercadang mengadakan penubuhan lebih banyak lagi sekolah-sekolah persendirian ini setakat bilangan yang ada pada hari ini sahaja dan mendirikan lebih banyak lagi sekolah-sekolah Kerajaan.

Dr Mahathir bin Mohamad:

(a) Bilangan sekolah persendirian mengikut negeri di seluruh Malaysia setakat 31hb Disember, 1976 ialah seperti berikut:

Perlis	6
Kedah	33
P. Pinang	97
Perak	187
Selangor	257
N. Sembilan	52
Melaka	38
Johor	122

Pahang	35
Trengganu	26
Kelantan	34
Sabah	74
Sarawak	151

(b) Tiada

(c) Tiada.

(d) Buat masa ini Kementerian tiada mempunyai cadangan bagi menghadkan penubuhan sekolah-sekolah persendirian itu. Walau bagaimanapun perkara ini akan dikaji sekiranya perlu untuk berbuat demikian.

PEMANDU KENDERAAN JALANRAYA SEREMBAN-MANTIN

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar tentang bahaya yang dihadapi oleh pemandu-pemandu kenderaan dan penumpang-penumpang mereka oleh kerana keadaan jalanraya yang tidak memuaskan di antara Seremban dan Mantin dan nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk membaiki jalanraya tersebut dengan beberapa cepat yang boleh.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Kementerian ini sedar tentang bahaya-bahaya yang dihadapi oleh pemandu-pemandu kenderaan di jalanraya di antara Seremban dan Mantin. Satu kontraktor yang baru telahpun dipersetujui untuk menyiapkan kerja-kerja yang telah ditinggalkan oleh kontraktor yang asal. Adalah dijangka kerja-kerja ini akan siap sebelum penghujung tahun ini.

ELAUN WILAYAH

25. Tuan Farn Seong Than minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang untuk membayar Elaun Wilayah kepada Kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah yang bekerja di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sebagaimana yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali memandangkan belanja sara hidup yang tinggi di kawasan-kawasan ini.

Perdana Menteri: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Laporan Suruhanjaya Ibrahim Ali telah tidak diterima oleh Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Suruhanjaya Ibrahim

Ali tidak membuat perakuan yang tepat mengenai pembayaran Elaun Wilayah kepada kakitangan Kerajaan yang bekerja di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Perakuan seperti ini adalah tidak menasabah kerana mereka yang tinggal di tempat yang terpencil seperti di Pantai Timur juga perlu diberi insentif elaun kerana terlalu jauh. Kalau yang di bandar perlu diberi elaun dan yang di luar-bandar juga perlu diberi elaun maka semua pihak akan menerima elaun yang sama dan elaun ini bukan sahaja tidak menjadi insentif tetapi adalah gaji sebenarnya.

SEKOLAH MENENGAH SAINS

26. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa buah kolej-kolej sains rendah akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Di mana kolej-kolej itu akan diletakan. Apakah bilangan kemasukan pelajar-pelajar di tiap-tiap kolej itu. Berapakah belanja binaan dan lain-lain tiap-tiap kolej itu. Apakah polisi berhubung dengan kemasukan pelajar-pelajar dalam kolej-kolej itu dan bagaimana pelajar-pelajar itu akan dipilih dan atas apa asas pilihan itu akan dibuat.

Dr Mahathir bin Mohamad: Sebenarnya Kementerian Pelajaran tidak mempunyai Kolej-kolej Sains Rendah tetapi cuma Sekolah-sekolah Menengah Sains yang berasrama penuh. Sebanyak 7 buah sekolah Menengah Sains akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Sekolah-sekolah ini akan dibina di negeri-negeri:

- (a) Johor (Muar)
- (b) Selangor (Shah Alam)
- (c) Perak (Hutan Melintang)
- (d) Kedah (Alor Star)
- (e) Pahang (Raub)
- (f) Trengganu (Dungun)
- (g) Kelantan (Machang)

Buat permulaan, pelajar-pelajar yang akan diambil hanya untuk ke Tingkatan I dan IV. Seramai 120 orang pelajar akan diambil bagi tingkatan-tingkatan ini. Apabila sekolah ini berjalan sepenuhnya, bilangan pelajar bagi tiap-tiap sekolah ini dari Tingkatan I hingga VI Atas ialah seramai 840 orang.

Jumlah perbelanjaan membina dan melengkapkan sekolah ini ialah dianggarkan \$5 juta tiap sebuah. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan ialah \$3 juta tiap sebuah dan pembinaan ini akan berjalan berperingkat-peringkat dengan menyiapkan projek-projek yang mustahak dahulu seperti bilik-bilik darjah, makmal, workshops Seni Perusahaan, Perpustakaan, asrama, dewan makan, padang permainan, dewan perhimpunan dan lain-lain lagi.

Pemilihan murid-murid ini ke sekolah-sekolah tersebut adalah didasarkan kepada pencapaian di dalam peperiksaan Penilaian Darjah V, mengikut "order of merit" dengan keutamaan diberi pada murid-murid dari kawasan luar bandar.

LAPURAN TAN SRI NIK AHMED KAMIL

27. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan samada Laporan Tan Sri Nik Ahmed Kamil mengenai kajian semula gaji-gaji bagi kakitangan Parlimen telah diterima sepenuhnya oleh Kerajaan.

Perdana Menteri: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Laporan Tan Sri Nik Ahmed Kamil adalah berdasarkan kepada Laporan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Oleh kerana Laporan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali itu telah tidak dapat diterima oleh Kerajaan, maka Laporan Tan Sri Nik Ahmad Kamil itu tidaklah pula dapat diterima.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan akan menyelaraskan tanggagaji kakitangan Parlimen, sesuai dengan tanggagaji Laporan Jawatankuasa Kabinet.

JALAN-JALAN NEGERI

28. Tuan Haji Zakaria bin Hj. Ismail minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa jalanraya-jalanraya dalam Jajahan Pasir Mas sangat-sangat buruk, terutama sekali jalanraya-jalanraya dari Pasir Mas ke Rantau Panjang dan dari Lemal ke Pohon Tanjung yang mana pada suatu masa dahulu jalan-jalan ini telah ditarkan tetapi sejak akhir-akhir ini dibiarkan dengan keadaan rosak; jika sedar, samada Kementerian beliau bercadang hendak membaiki dengan secepat mungkin.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Jalan-jalan yang tersebut adalah Jalan-jalan Negeri dan oleh itu tanggungjawab untuk menyelenggarakan jalan-jalan tersebut ialah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Adalah difahamkan sebahagian besar jalan tersebut sentiasa ditenggelami air di musim-musim tengkujuh dan ini menyebabkan jalan-jalan itu cepat rosak. Walau bagaimanapun kerja-kerja penyelenggaraan sentiasa dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri.

WARNA KENDERAAN POLIS

29. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menggunakan satu standard colour kereta bagi Polis Diraja Malaysia seperti yang digunakan oleh Angkatan Tentera, Hospital dan Pejabat Pos supaya kereta-kereta Polis dapat dikenal dengan mudah oleh orang ramai.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Polis menggunakan berbagai-bagai jenis kenderaan dan warna yang berbeza sesuai dengan tugas yang dijalankan. Misalnya, kenderaan yang berwarna putih menjalankan tugas-tugas rondaan dan trafik dan yang berwarna merah untuk mencegah rusuhan.

Orang ramai tidak mempunyai kesulitan mengenali kenderaan-kenderaan polis.

PEGAWAI IKHTISAS DAN TADBIR BUMIPUTRA DAN BUKAN BUMIPUTRA

30. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan dan tindakan bagi mengujudkan jumlah yang seimbang kedudukan pegawai-pegawai ikhtisas dan tadbir Kerajaan antara golongan bumiputra dengan yang bukan bumiputra supaya sesuai dengan Dasar Kerajaan mengagihkan peluang dan kekayaan dan negara dalam Dasar Ekonomi Baru negara.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kerajaan sentiasa berusaha untuk menseimbangkan kedudukan pegawai-pegawai Bumiputra dan bukan Bumiputra selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, khususnya dalam bidang ikhtisas dan separa ikhtisas di mana kedudukannya masih belum begitu memuaskan lagi.

Usaha yang penting ke arah ini ialah dengan Kerajaan terus menambahkan pengeluaran biasiswa kepada Bumiputra-bumiputra yang berkelayakan untuk mereka memperolehi kelulusan dan latihan yang sesuai dalam bidang-bidang tersebut bagi memegang jawatan-jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan.

AJEN CAWANGAN KHAS POLIS

31. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar di Universiti Sains Pulau Pinang telah diminta menjadi ajen Cawangan Khas dengan bayaran sebanyak \$200-\$300 sebulan yang telah mengujutkan ketakutan, kebimbangan dan kekhawatiran yang merebak di Universiti tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar baik di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang atau mana-mana Universiti, Maktab atau institusi-institusi pengajian tinggi lain tidak pernah dihubungi untuk diminta menjadi ajen Cawangan Khas. Tohmah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu adalah sama sekali tidak benar.

RANCANGAN FELDA

32. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa di setengah-setengah rancangan FELDA perhubungan di antara FELDA dan peneroka begitu buruk menyebabkan kejadian-kejadian seperti mengurung pengurus di Bukit Kuantan, tunjuk perasaan di Jengka 10, tunjuk perasaan di Jengka 2, mengurung pengurus di Jengka 5, dan jika sedar adalah penyiasatan dilakukan dan pihak manakah yang membuat penyiasatan tersebut dan apakah langkah atau tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki perkara seperti ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): FELDA sedar memang ada kejadian-kejadian yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Maran akan tetapi tidaklah benar bahawa keseluruhan kejadian itu akibat daripada buruknya perhubungan peneroka dan kakitangan FELDA. Walau bagaimana

pun, penyiasatan-penyiasatan langkah-langkah ataupun tindakan telahpun diambil bagi memperbaiki perkara-perkara yang berlaku itu.

Untuk memahami masalah ini dengan lebih mendalam, eloklah saya memberikan penjelasan bahawa di antara tugas-tugas utama yang dipertanggungjawabkan kepada FELDA ialah membentuk masyarakat petani-petani yang progresif dan bertanggungjawab di rancangan-rancangannya daripada golongan peneroka yang mempunyai berbagai jenis, corak, latarbelakang, pemikiran, tabiat, perangai dan lain-lain.

Daripada pengalaman-pengalaman yang lepas, FELDA mendapati tiap-tiap masyarakat di rancangan itu mestilah menempohi peringkat-peringkat yang berikut:

- (i) Orientasi;
- (ii) Ubah-suai;
- (iii) Penyertaan dan penglibatan;
- (iv) Kematangan dan kestabilan.

Kadar kemajuan yang diperolehi oleh mereka apabila menempohi sesuatu peringkat adalah bergantung kepada faktor-faktor yang berikut:

- (i) Keahlian masyarakat-masyarakat rancangan yang berkenaan.
- (ii) Kepimpinan peneroka-peneroka di rancangan itu.
- (iii) Kecekapan/kematangan pengurusan rancangan.
- (iv) Unsur-unsur yang berpunca dari luar rancangan.

Di mana interaksi faktor-faktor yang disebutkan di atas itu berlaku dengan efektif maka kemajuan yang diperolehi sangatlah berkesan dan memuaskan sekali. Tetapi ada kalanya interaksi itu tidak begitu efektif, maka berlakulah peristiwa-peristiwa sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wakil Rakyat Kawasan Maran itu.

Pihak FELDA tidaklah menafikan bahawa kematangan pengurusan belum tercapai dengan sepenuhnya lagi di semua rancangan-rancangan kerana usaha melatih pegawai-pegawai supaya menjadi cekap dan mahir dalam jurusan pengurusan, penjagaan ladang dan pembangunan masyarakat semestilah mengambil masa juga, dan memandangkan bahawa FELDA berkembang dengan sebegitu

cepat pada tiap-tiap tahun, FELDA mengalami kesulitan untuk mendapatkan bilangan kakitangan yang terlatih yang cukup untuk memenuhi keperluan itu. Usaha-usaha dalam lapangan ini sedang dipergiatkan lagi di mana latihan dalam jurusan pembangunan peneroka diberi tumpuan utama.

Tiap-tiap peristiwa yang berlaku di rancangan-rancangan adalah dikaji dan disiasat oleh pegawai-pegawai kanan FELDA dan ianya digunakan sebagai panduan untuk mengelakkan supaya peristiwa-peristiwa yang serupa tidak berlaku di rancangan-rancangan lain. Apabila didapati sesuatu peristiwa itu berpunca daripada unsur-unsur dari luar rancangan, FELDA mengambil tindakan untuk memberi penerangan yang penuh berkaitan dengan konsep, strategi dan objektif FELDA dengan harapan FELDA akan mendapat bantuan dan simpati daripada pihak-pihak yang berkenaan itu. FELDA bertindak demikian kerana adalah difikirkan tugas membangunkan masyarakat progresif dan bertanggungjawab di rancangan FELDA adalah tugas bersama semua pihak-pihak yang berkenaan.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

33. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar cara pembahagian rumah rancangan perumahan awam yang didirikan oleh Kerajaan itu tidak memberi peluang yang banyak kepada Bumiputra sebab telah ditetapkan mengikut peratus daripada keramaian tiap-tiap kaum; jika sedar, adakah beliau bercadang hendak mengubah peraturan tersebut supaya lebih ramai Bumiputra diberi peluang melilik rumah tersebut khasnya di dalam bandar; jika tidak, mengapa.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Michael Chen Wing Sum): Berikutan dengan perlancaran Dasar Ekonomi Baru yang mana terus ditegaskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga maka pembahagian rumah awam kos rendah tidak lagi dilakukan oleh negeri-negeri semata-mata mengikut kuota yang ditetapkan mengikut bilangan keramaian peratus pemohon-pemohon bagi tiap-tiap kaum seperti dahulu. Kerajaan-kerajaan Negeri, yang bertanggungjawab mengenai perumahan, telah mengambil perhatian dalam perkara ini dan menyelaraskan tindakan mereka masing-masing menge-

nai perumahan, termasuk pembahagian rumah-rumah awam kos rendah, agar matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga itu, untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat bagi perpaduan dan keselamatan negara, dapat dicapai.

Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan juga memberi perhatian yang berat dalam hal ini dan sentiasa berhubung rapat dengan Kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan pencapaian matlamat itu. Oleh kerana Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga telahpun dimaklumkan kepada dan diterima oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan kepada umum, maka tidak perlu buat masa ini dikeluarkan lain-lain arahan mengenai pembahagian perumahan kerana garis-garis panduan yang sesuai untuk melahirkan satu masyarakat yang berlandaskan prinsip-prinsip Rukunegara telah dinyatakan di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga. Kiranya ada pembahagian-pembahagian rumah awam kos rendah yang dilakukan tidak mengikut objektif Negara itu maka perbuatan itu adalah satu penyelewengan dan hal itu perlu dilaporkan dengan lengkap kepada pihak-pihak yang berkenaan mengikut meritnya masing-masing supaya diperbetulkan, sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga itu.

SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL

34. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar banyak sekolah-sekolah Tamil di negeri ini berada di dalam keadaan yang buruk; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah;
- (b) penyesuaian yang wajar Sekolah-sekolah Tamil dan China sejajar dengan sekolah-sekolah Kebangsaan menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan;
- (c) bilangan sekolah-sekolah Tamil dan China yang telah menerima bantuan modal (capital grants) untuk menghadapi perbelanjaan penyelenggaraan yang tinggi.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Ya, saya sedar banyak sekolah-sekolah di Negara ini yang masih berada di dalam keadaan buruk, bukan sahaja sekolah-sekolah Tamil tetapi semua jenis sekolah yang ada terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Sebagai yang Ahli Yang Berhormat maklum peruntukan perbelanjaan pembangunan adalah terhad dan dengan yang demikian langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah adalah diambil berperingkat-peringkat mengikut keadaan. Kementerian bukan sahaja dikehendaki membuat kerja-kerja gantian tetapi Kementerian juga harus menjalankan projek-projek tambahan dan projek-projek baru bagi menampung pertambahan murid-murid di negara ini. Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dengan tepat dinyatakan di bawah ini nama-nama sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang mendapat projek gantian/tambahan/baru/projek kerja kecil:

Johor

SRJK (T) Chantuman, Chaah (B)

Kedah

SRJK (T) Public, Alor Malai (PKK)

SRJK (T) Ladang Lubok Segintah (T)

SRJK (T) Ladang Harvard I, Bedong (G)

SRJK (T) Ladang Arumugan Pillai (G)

SRJK (T) Padang Lembu (B)

SRJK (T) Ladang Victoria (G)

SRJK (T) Ladang Henrietta (G)

SRJK (T) Ladang Bagan Sena (G)

Melaka

SRJK (T) Ladang Kemuning, Kru Div. Tebong (T)

N. Sembilan

SRJK (T) Jalan Lobak (T)

SRJAK (T) Nilai (G)

SRJK (T) Ayer Kuning Selatan (PKK)

Perak

SRJK (T) Bidor (G)

SRJK (T) Sungkai (PKK)

SRJK (T) Tapah (T)

SRJK (T) Pundut (G)

SRJK (T) Ldg. Strathisla, Ipoh (G)

SRJK (T) Kg. Simee, Ipoh (T)

SRJK (T) Mambang Diawan (G)

SRJK (T) Ldg. Kinta Valley (T)

SRJK (T) Ldg. Kelumpang (G)

SRJK (T) Ldg. Gedong (G)

SRJK (T) Bagai Serai (T)

SRJK (T) Ldg. Sin Wah (G)

SRJK (T) Bagan Pasir, Bagan Datoh (B)

SRJK (T) Bagan Datoh (B)

SRJK (T) Grik (PKK)

SRJK (T) Ldg. Yam Seng, Taiping (G)

Selangor

SRJK (T) Ladang Permatang Simpang Morib, Kuala Langat (B)

SRJK (T) Saraswathy, Sungai Buluh (T)

SRJK (T) Tuan Mee, Kuala Selangor (G)

SRJK (T) Rawang (T)

SRJK (T) Ulu Selangor (G)

SRJK (T) Ladang Broome, Ulu Langat (PKK)

SRJK (T) Kerling (G)

Wilayah Persekutuan

SRJK (T) Jalan San Peng (PKK)

Pahang

SRJK (T) Bandar Jerantut (G)

SRJK (T) Raub (PKK)

NOTA: Untuk Makluman Rengkasannya perkataan:

(B) Baru; (T) Tambahan; (G) Gantian; (PKK) Projek Kerja Kecil.

- (b) Sekolah-sekolah Tamil dan China telah pun sejajar dengan Sekolah-sekolah Kebangsaan menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan.

- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak memberi Bantuan Modal kepada sekolah-sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan, melainkan sekiranya ada di antara bangunan-bangunan sekolah jenis tersebut yang mempunyai taraf JKR. Kerajaan hanya memberi bantuan modal untuk projek-projek pembangunan sahaja.

KAPAL BUNGA TANJUNG DITAHAN OLEH PORTUGIS

35. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Luar Negeri menyatakan peristiwa kapal Malaysia Bunga Tanjung yang khabarnya dikejar dan ditawan oleh Kerajaan Sepanyol bulan November 1976 lalu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Peristiwa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Ledang itu sebenarnya melibatkan pihak berkuasa Portugis dan bukannya pihak berkuasa Sepanyol seperti Yang Berhormat tersebut nyatakan.

Kapal Bunga Tanjung kepunyaan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC) itu telah ditahan oleh pihak berkuasa laut Portugis disebabkan oleh salah faham atas pergerakan kapal tersebut diperairannya. Bunga Tanjung pada masa itu adalah dalam jadual pelayarannya dari Barcelona, Sepanyol ke Cardiff, United Kingdom. Kapal tersebut sebaliknya telah belayar ke pelabuhan Leixos, seperti yang diminta oleh pihak berkuasa laut Portugis. Selepas penyiasatan apabila didapati kapal itu tidak melanggar sebarang peraturan laut Portugis, Bunga Tanjung telah dibenar meneruskan pelayarannya.

PERISTIWHARAN KUALA LUMPUR BAGI NEGARA TIMUR TENGAH

36. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana pengertian dan sokongan oleh negara Timur Tengah (Turki, Iraq, Arab, Mesir dan lain-lain) terhadap konsep berkecuali yang diutarakan oleh Malaysia.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Negara-negara di Asia Barat sedar dan memahami akan cadangan kita untuk menjadikan rantau Asia Tenggara kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Semasa lawatan saya ke beberapa buah negara ini pada masa yang lalu, saya sendiri pun telah menerangkan dan juga membincangkan konsep tersebut dengan pemimpin-pemimpin negara-negara itu. Secara amnya dapat dikatakan bahawa mereka telah memberikan sambutan yang menggalakan atas gagasan tersebut. Konsep ini sebenarnya telahpun diterima di Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (yang termasuk di dalamnya Negara-negara Iraq,

Arab Saudi, Mesir, Libya dan Negara-negara Asia Barat yang lain, kecuali Turkey) yang telah diadakan di Algiers pada bulan September 1973.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri telah juga membuat lawatan-lawatan ke Mesir dan Libya pada bulan Januari tahun ini, dan pada bulan yang lepas (February) beliau juga telah mengadakan lawatan resmi ke Turkey dan Iraq. Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri juga sebelum daripada itu telah melawat Arab-Saudi pada bulan May 1976. Semasa lawatan tersebut Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri, antara lain-lainnya, telah menerangkan kepada pemimpin-pemimpin negara-negara tersebut atas langkah-langkah yang telah diambil dan kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia untuk mengujudkan keamanan dan kestabilan di Tenggara Asia sebagaimana yang terkandung dalam gagasan Asia Tenggara sebagai rantau Aman, Bebas dan Berkecuali. Semua negara-negara tersebut telah menyatakan penghargaan mereka atas usaha-usaha kita kerana ia akan menjamin keamanan dan keselamatan yang berkekalan di rantau ini, bebas dari pertelingkahan negara-negara besar dan campur tangan dalam halehwal dalam negeri satu sama lain.

SEKOLAH MENENGAH SAINS DI PERAK

37. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Sekolah Menengah Sains akan didirikan di Negeri Perak memandangkan bahawa Negeri Perak adalah sebuah negeri yang besar dan maju. Sebuah Sekolah Menengah Sains sangat diperlukan dengan segera.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran telah meluluskan pembinaan dua buah Sekolah Menengah Sains untuk Negeri Perak. Satu di Taiping yang diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan satu lagi di Hutan Melintang, Hilir Perak di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Tetapi pembinaan Sekolah Menengah Sains di Taiping telah tergendala kerana setelah diadakan kajian kesesuaian tanah didapati mengandungi beberapa batu besar (boulders). Tapak yang baru yang lebih sesuai telah diperolehi.

Sekarang ini pihak Jabatan Kerjaraya sedang dalam persediaan untuk memanggil tender. Sekolah Menengah Sains di Hutan Melintang dijangka mula dibina dalam tahun 1978.

JAMBATAN MENYAMBUNGAN PULAU PINANG DENGAN TANAH BESAR

38. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan anggaran kos projek menyambungkan Pulau Pinang dengan tanah besar dan nyatakan tarikh-projek tersebut dijangka akan siap.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Panjangnya jambatan ini ialah $7\frac{1}{2}$ kilometer dan anggaran kos projek ini ialah sebanyak \$200 juta. Jurutera Perunding bagi projek ini telah dilantik pada 1-12-76 dan mereka sedang menjalankan kajian-kajian teknik, rekabentuk permulaan, kerja ukur-mengukur serta kajian "hydraulic". Peringkat ini dijadualkan akan siap pada bulan Julai ini dan pihak perunding akan menyediakan satu Laporan Permulaan untuk kelulusan Kerajaan. Laporan ini akan mengandungi beberapa "alternative" untuk jambatan ini dan rekabentuk akhir akan dimulakan sebaik sahaja satu "alternative" dipilih oleh Kerajaan. Mengikut jadual, rekabentuk dan dokumen tawaran dijangka akan siap pada bulan Ogos, 1979. Pembinaan jambatan ini akan memakan masa selama 4 tahun. Tarikh projek ini dijangka siap bergantunglah kepada tarikh pembinaannya dimulakan.

KUMPULAN HARAM

39. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang yang ditangkap dan dihukum kerana memiliki secara haram senjata-senjata dan kegiatan-kegiatan kumpulan haram sejak tahun 1975 hingga kini;
- (b) bagaimana dan dari mana anasir-anasir yang tidak diinginkan ini dengan senangnya telah memperolehi senjata-senjata yang merbahaya ini; dan
- (c) strategi-strategi yang digunakan untuk menghapuskan kumpulan-kumpulan haram ini.

Tan Sri Haji Mohammed Ghazali bin Shafie:

- (a) Sejak tahun 1975 hingga bulan Februari, 1977 seramai 368 orang (penjenayah dan ahli-ahli kongsigelap) telah ditangkap kerana memiliki senjatapi. Antara mereka itu 14 orang telah dijatuh hukum gantung (10 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 4 orang di bawah Akta Senjatapi—Penalti Lebih Berat), 5 dipenjarakan seumur hidup (3 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 2 orang di bawah Akta Senjata—Penalti Lebih Berat) dan 75 orang dikenakan hukuman di antara ikat jamin hingga penjara selama 10 tahun serta rotan, 40 dilepaskan kerana kekurangan keterangan manakala kes ke atas 234 orang yang lain masih belum diselesaikan lagi.
- (b) Dari risikan-risikan yang diterima, kebanyakan senjata-senjatapi itu telah dibeli dan seludup masuk dari negeri Thai.
- (c) Tindakan-tindakan seperti berikut sedang diambil untuk mengawal kegiatan-kegiatan Kumpulan Haram dengan bertujuan menghapuskannya:
 - (i) Adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat No. 37/71 untuk menakutkan mereka di mana hukumannya hukum gantung atau penjara seumur hidup.
 - (ii) Menambah dan memperhebatkan lagi pemeriksaan mengejut serta serbuan-serbuan ke atas tempat-tempat kunjungan anasir-anasir jenayah dan kongsigelap.
 - (iii) Mengadakan "operasi sapu" dari semasa ke semasa.
 - (iv) Meluaskan lagi aktiviti pergerakan belia serta mengadakan kursus-kursus pimpinan dan kemahiran bagi melatih belia-belie dari segi kepimpinan dan memberi kemudahan dalam projek-projek pertanian dengan tujuan untuk menjauhkan belia-belie daripada memasuki kumpulan haram.

KEGIATAN KOMINIS

40. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kegiatan kominis telah berjaya meresapi di Jabatan dan agensi Kerajaan;

- (a) apakah tindakan yang telah diambil dan jumlah pegawai yang terlibat;
- (b) adakah semua jawatan yang dipegang oleh mereka ditamatkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tindakan tatatertib terhadap mereka boleh diambil di bawah Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (kelakuan dan tata-tertib) (Peraturan Am Bab D) iaitu samada menamatkan jawatan atau menurunkan pangkat dan tindakan ini telahpun diambil di dalam beberapa kes.

AKHBAR-AKBAR DI MALAYSIA

41. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau bercadang mengadakan peraturan mengenai isi berita akhbar keluaran Malaysia supaya setiap akhbar hendaklah lebih mementingkan berita dalam negeri sekurang-kurangnya 80 peratus. Jika ada, bila dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Semua akhbar yang telah diberi kelulusan untuk diterbitkan dan dicetak di dalam negeri ini di bawah Akta Mesin Cetak, 1948 disyaratkan supaya menyiarkan sebahagian besar daripada bahan-bahan yang diterbitkan itu hendaklah mengenai hal ehwal Malaysia. Setakat ini Kementerian tidak ada menetapkan berapa peratuskah isi berita akhbar itu mesti mengenai hal ehwal dalam negeri. Kerajaan berpendapat cadangan ini tidaklah perlu oleh kerana semua akhbar tahu tanggungjawab mereka terhadap Kerajaan dan negara dan juga demi untuk mengekalkan prinsip kebebasan berfikir yang wujud sekarang.

SIJIL KERAKYATAN

42. **Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kelambatan mengeluarkan sijil-sijil kerakyatan, walaupun pemohon-pemohon telah ditemuduga dan telah lulus ujian-ujian yang diperlukan untuk melayakkan mereka

mendapat kerakyatan. Kadang-kadang seseorang pemohon terpaksa menunggu hampir 2 tahun sebelum ia diberikan kerakyatan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan seumpama ini telah banyak kali dijawab dalam Dewan ini dan yang terakhir sekali ialah pada 9-7-75. Kelulusan dalam ujian bahasa hanya merupakan syarat permulaan yang dikehendaki sebelum sesuatu keputusan diperbuat ke atas sesuatu permohonan itu. Keterangan-keterangan lain adalah juga diperlukan sebelum sesuatu permohonan itu dapat dipertimbangkan. Kelambatan memproses permohonan kerakyatan lazimnya disebabkan sikap pemohon-pemohon itu sendiri kerana:

- (i) Kebanyakan mereka tidak mengisi sesuatu borang dengan sempurna dan lengkap;
- (ii) Mereka tidak menunjukkan bukti-bukti berdokumen bagi menyokong permohonan-permohonan mereka;
- (iii) Mereka tidak menyatakan kesalahan-kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh mereka pada masa-masa yang lepas dan ini membawa kepada pendakwaan dalam mahkamah;
- (iv) Mereka tidak menjawab kuir-kuir daripada Jabatan Pendaftaran Negara kerana mereka telah berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan tidak memberitahu penukaran alamat mereka itu.

KELENDAR-KELENDAR LUCAH

43. **Tengku Zain bin Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan samada beliau sedar adanya kelendar-kelendar yang merupakan gambar-gambar lucah dan mencabul Ugama Islam telah disebarkan dengan luasnya di Negara ini, jika ya, apakah tindakan telah diambil terhadap sebaran ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Semua bentuk penerbitan termasuk kelendar-kelendar samada yang dibawa masuk daripada luar negeri ataupun yang diterbitkan di dalam negeri adalah tertakluk di bawah Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimpot, 1958 dan Akta Mesin Cetak, 1948.

Bahan-bahan yang dibawa masuk daripada luar negeri akan ditahan di semua pintu-pintu masuk untuk pemeriksaan sebelum ianya dibenarkan diedar di dalam negeri ini. Pemeriksaan ke atas penerbitan-penerbitan yang diimpot melalui kapal dan rel dijalankan di Pulau Pinang, Johor, Port Kelang dan Kuala Lumpur. Sementara penerbitan-penerbitan yang dihantar melalui pos atau kapal terbang dari luar negeri akan diperiksa di tempat-tempat seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Lapangan Terbang Bayan Lepas dan semua Pejabat-pejabat Besar Pos yang ada di negeri ini.

Di dalam pemeriksaan yang dijalankan itu sekiranya ada didapati penerbitan-penerbitan termasuk kelendar yang prasangka kepada keselamatan negara, ketenteraman awam dan prasangka kepada akhlak maka penerbitan-penerbitan tersebut dan juga kelendar-kelendar tersebut tidak akan dibenarkan pendedarannya di dalam negeri ini.

Pemeriksaan yang dijalankan bagi bulan Januari dan Februari tahun 1977 ini menunjukkan bahawa sebanyak 33 buah kelendar telah ditahan kerana didapati prasangka dari segi akhlak saja, dan dari segi keselamatan sebanyak 3,340 telah ditahan bagi tahun 1976 hingga Februari 1977.

KAD PENGENALAN

44. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah dasar penukaran Kad Pengenalan bagi Warganegara Malaysia dengan secara terperinci, seperti mengapakah penukaran itu mesti dibuat, pada waktu umur berapakah seseorang itu diwajibkan gambar Kad Pengenalannya dan berapa lamakah lazimnya penukaran itu baharu dapat diterima oleh tuannya kad pengenalan itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Peraturan 16 Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara, 1960 mewajibkan mereka yang telah mendapat Kad Pengenalan ataupun kad gantian semasa mereka berumur di bawah 18 tahun, samada mereka itu Warganegara Malaysia atau tidak, membaharui Kad-kad Pengenalan mereka dalam masa 36 bulan selepas genap enam tahun daripada tarikh keluaran Kad Pengenalannya ataupun Kad Pengenalan gantiannya. Ini bermakna iaitu seseorang yang mendapat Kad Pengenalannya semasa berumur 12 tahun maka ianya dikehendaki membuat permohonan

untuk membaharui Kad Pengenalannya apabila ia meningkat umur 18 tahun dalam tempoh 36 bulan iaitu sebelum meningkat umur 21 tahun. Jika seseorang itu mendapat Kad Pengenalannya semasa berumur 16 tahun ianya dikehendaki membaharui Kad Pengenalannya apabila ia berumur di antara 22 tahun hingga 25 tahun. Jika orang-orang dalam kategori ini tidak membaharui Kad Pengenalan mereka dalam tempoh yang ditetapkan itu ini adalah satu kesalahan dan hukumannya ialah tidak lebih daripada 2 tahun penjara atau denda tidak lebih \$3,000 atau kedua-duanya sekali.

Adapun sebabnya mereka diwajibkan membaharui Kad Pengenalan mereka itu ialah pada umumnya apabila genap enam tahun mereka memegang Kad-kad Pengenalan yang dikeluarkan kepada mereka semasa mereka berumur di antara 12 hingga 18 tahun itu, didapati wajah atau rupa paras mereka sudah menjadi berlainan. Dengan tujuan ini maka perlulah gambar-gambar mereka yang lama itu digantikan dengan gambar-gambar yang baharu dan dengan yang demikian pembaharuan Kad-kad Pengenalan mereka yang tersebut di atas itu adalah diperlukan.

Mereka yang diwajibkan memperbaharui Kad-kad Pengenalan mereka, bolehlah membuat permohonan di mana-mana Pejabat Pendaftaran yang berhampiran dengan mengemukakan:

- (a) Kad Pengenalan;
- (b) Tiga keping gambar ukuran $1\frac{1}{2}'' \times 1\frac{1}{4}''$;
- (c) Setem 50 sen; dan
- (d) Sebarang dokumen atau dokumen-dokumen untuk membuktikan taraf kewarganegaraan.

Sebaik sahaja permohonan-permohonan mereka diterima, satu surat pengakuan sementara dikeluarkan kepada mereka untuk digunakan sehingga kad-kad baru siap.

Semua permohonan-permohonan untuk membaharui Kad Pengenalan diproses di Ibu-pejabat dan lazimnya mengambil masa tidak lebih daripada sembilan bulan iaitu daripada tarikh mereka membuat permohonan sehingga Kad Pengenalan diserahkan kepada mereka.

FILEM CERKA (FEATURE FILM)

45. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar banyak filem-filem dari

negara asing sedang ditayang dipanggung-panggung wayang gambar; jika sedar, berapa peratuskah banyaknya filem-filem tersebut dibawa masuk ke negara ini berbanding dengan filem keluaran negara kita dalam tahun 1976.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jumlah filem-filem cereka (feature film) keluaran negara asing yang dibawa masuk ke Malaysia berbanding dengan filem-filem cereka keluaran tempatan dalam tahun 1976 ialah:

Tahun	Jumlah filem cereka dari luar negeri	Jumlah filem keluaran Malaysia	Peratusan
1976	702 (naskah asal)	5	0.7%

Daripada angka-angka di atas adalah jelas kelihatan bahawa sebilangan besar filem-filem yang ditayangkan di panggung-panggung wayang di Malaysia ini adalah filem-filem dari negara-negara asing (luar negeri).

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keempat.” (28hb Mac, 1977).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bagi hari ini dan esok ditetapkan iaitu Yang Berhormat Menteri-menteri akan menyampaikan jawapannya, dan sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

3.35 ptg.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab dan juga memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan dan pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang membina yang telah dikemukakan. Saya tidaklah bercadang hendak menjawab mengenai semua perkara tetapi akan cuba menjawab dan memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang difikirkan mustahak dijawab dan dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya suka menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Renggam yang menyentuh mutu perkhidmatan dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Adalah satu perkara rumit untuk memastikan dakwaan-dakwaan bahawa hasil kerja di Jabatan-jabatan Kerajaan tidak memuaskan. Begitu juga adalah terlalu umum untuk menyatakan bahawa tidak ada kecekapan di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah bahawa rakyat telah bertambah sedar kepentingan dan peranan mereka. Kehendak-kehendak dan keperluan rakyat telah meningkat. Mereka sekarang lebih kritikal terhadap pentadbiran Kerajaan yang mereka rasakan tidak dapat memenuhi hasrat mereka yang tinggi itu. Apabila tindakan Kerajaan tidak dapat persamaan dengan kehendak rakyat, maka rakyat telah menyuarakan rasa tidak puas hati mereka dengan lebih lantang lagi. Kerajaan amat sedar perkara ini dan sedang mengambil beberapa langkah yang positif untuk menentukan mutu kecekapan yang tinggi di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan. Pengawasan yang lebih rapi akan dijalankan untuk menentukan supaya pelaksanaan Rancangan Malaysia ketiga akan berjalan dengan lancarnya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh berkaitan dengan satu perjanjian di antara PERNAS dengan kilang beras bukan bumi-putra, saya suka memberi sedikit penjelasan mengenai perkara ini. Perdagangan beras oleh PERNAS adalah diusahakan oleh sebuah anak syarikatnya iaitu PERNAS Edar Sendirian Berhad.

Syarikat ini membeli dan menjual beras lebih kurang \$700,000 sebulan. Dari jumlah ini 40% sahaja yang diperolehi dari pengilang dan pembekal bukan bumiputra.

PERNAS Edar tidak mengikut sebarang PERJANJIAN BEKALAN dengan mana-mana kilang. Oleh yang demikian teguran Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Pihak PERNAS Edar bebas membeli dari mana jua punca yang menguntungkan.

Pembelian beras dari punca bukan bumiputra yang disebutkan itu adalah berkaitan dengan beras yang istimewa mutunya seperti A1, B1 dan B2 yang diisi di dalam kantung plastik 30 kati. Punca ini mempunyai Kompleks Kilang Beras yang besar lagi moden dan mampu memberikan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

Pertama—Kompleks ini boleh membekalkan anika gred beras untuk menunaikan tiap-tiap satu pesanan.

Kedua—Mereka sedia menerima syarat-syarat perdagangan berkaitan dengan pengangkutan, penyediaan plastik dan bungkusan, jaminan gred serta syarat pendakwaan ganti-rugi, dan cara pembayaran kredit yang sesuai dengan keperluan PERNAS Edar.

PERNAS Edar pernah menghubungi punca bekalan beras bumiputra untuk mendapatkan bekalan beras, tetapi hanya berjaya mendapat beras gred biasa sahaja dan sukar mendapat pembekal bumiputra bagi gred istimewa dengan syarat-syarat tersebut.

Walau bagaimanapun, PERNAS Edar sedia merundingkan penyertaan pengilang bumiputra membekalkan beras kepadanya yang boleh memberi faedah kepada dua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit, saya suka menyatakan iaitu Kerajaan memang memandangkan berat kepada pelaksanaan kedua-dua projek Pelabuhan Bintulu dan L.N.G. Sarawak. Kerajaan telahpun menubuhkan satu pasukan petugas yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Jabatan Kerajaan, M.I.S.C. dan PETRONAS yang bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan kedua-dua projek ini dan memastikan bahawa pelaksanaan projek itu tidak terganggu dan dapat dijalankan dengan seberapa segera.

Pada masa ini, PETRONAS sedang merundingkan dengan Syarikat-syarikat Shell dan Mitsubishi untuk mengadakan satu perjanjian usaha sama bagi melaksanakan projek L.N.G. ini. Perundingan ini telahpun sampai ke peringkat akhir dan satu persetujuan dijangka akan dapat dicapai dalam sedikit masa lagi. Kegiatan-kegiatan lain berhubung dengan pembangunan projek L.N.G. ini akan dimulakan sebaik sahaja perjanjian itu ditandatangani.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus sedia maklum, Dewan telah diberitahu bahawa satu pelan induk sedang disediakan untuk PETRONAS dan akan siap akhir tahun 1977. Sebelum pelan induk itu siap, penglibatan tegas berkenaan pelaburan tidaklah dapat dilakukan.

Sementara itu kajian telah dijalankan di beberapa tempat di Trengganu dengan tujuan untuk menubuhkan perusahaan-perusahaan berasaskan petroliam. Penubuhan perusahaan-perusahaan tersebut tidak akan hanya bergantung kepada hasil kajian-kajian dan syor-syor didapati di dalam pelan induk itu, malah bergantung juga kepada sebab-sebab yang utama seperti daya infrastruktur yang sesuai, keadaan logistik yang baik dan kedaya-upayaan optima. Kesemua faktor ini haruslah dipertimbangkan dengan teliti sebelum syor-syor yang berbentuk "cost-effective" dan "decision-oriented" dapat dikemukakan untuk membuat sesuatu keputusan berkenaan dengan penempatan perusahaan-perusahaan petroliam itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Rengam, saya ingin menegaskan di sini bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan hendak meluaskan peluang rakyat dari keturunan China dan India dalam bidang pertanian selaras dengan objektif Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat. Pelaksanaan dasar ini sebenarnya sedang diamalkan dalam beberapa aktiviti seperti penternakan, perikanan dan pekebun-pekebun kecil yang menanam padi, getah, kelapa, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Semua ini ialah aktiviti-aktiviti pertanian juga.

Satu aktiviti di mana penyertaan orang-orang bukan Melayu agak kurang ialah dalam rancangan pembangunan tanah. Dalam hal ini, Kementerian yang berkenaan sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan FELDA.

khususnya mengenai pemilihan peserta-peserta rancangan. Peserta-peserta FELDA dipilih dengan menggunakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Mereka diberi "points" tanpa mengira kaum. Mereka dipilih daripada kawasan-kawasan miskin. Kawasan-kawasan itu ditetapkan oleh pakar-pakar Bank Dunia dalam hal kemiskinan. Senarai nama-nama calon peserta yang terpilih oleh FELDA dikemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan untuk kelulusan muktamad dari negeri-negeri itu. Kementerian itu berpendapat tidak perlu diadakan penyiasatan mengapa peserta-peserta bukan bumiputra kurang menyertai rancangan-rancangan FELDA dalam tahun-tahun yang telah lalu. Saya yakin dengan bertambahnya projek-projek pembangunan tanah, peluang untuk orang-orang bukan Melayu akan bertambah pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah membuat teguran berkenaan dengan kelewatan mengisi jawatan-jawatan kosong khususnya di Negeri Johor oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan. Saya telah menyelidiki perkara ini dan berpuashati dengan tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan di dalam mengisi Jawatan-jawatan kosong dalam berbagai-bagai Jabatan. Untuk makluman, pengisian beberapa jawatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam ucapannya itu bukanlah tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan saja, tetapi juga tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri bagi jawatan-jawatan di bawah pentadbiran Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang mengatakan bahawa kerja-kerja mengeluarkan surat hakmilik tanah di Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor makin bertambah kusut dan rumit disebabkan oleh adanya seorang pegawai P.T.D., yang ditempatkan di situ, saya rasa ini adalah satu dakwaan yang terlalu umum. Bagaimanapun Ahli Yang Berhormat itu bolehlah berhubung dengan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor supaya perkara yang dibangkitkan itu boleh disiasat seterusnya dan tindakan yang sesuai dapat diambil.

Di samping itu, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat lebih maklum Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri adalah ber-

tanggungjawab bagi menguruskan semua aduan-aduan berhubung dengan mana-mana urusan Kerajaan yang lambat ataupun kurang diberi perhatian. Biro ini mengkaji rayuan-rayuan tersebut dan di mana munasabah akan meminta Jabatan-jabatan atau Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya menyegerakan perkara-perkara yang dibangkitkan itu, ataupun memberikan sebab-sebab mengapa kelambatan berlaku.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, tentang gaji bagi bekas-bekas perajurit kita yang diambil bekerja semula dalam jawatan-jawatan pereman, saya ingin menyatakan bahawa gaji yang diberi adalah pada matagaji yang sesuai dengan tugas dan tanggungjawab jawatan yang mereka baru pegang itu. Ini adalah mengikut prinsip perkhidmatan. Dalam pada itu, bagi satu-satu kes yang tertentu, Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan boleh menggunakan budi bicaranya untuk menetapkan gaji masuk pada mana-mana matagaji yang berpatutan atas tanggagaji bagi jawatan yang berkenaan, sekiranya calon itu mempunyai kelayakan yang istimewa. Cadangan untuk memberi matagaji maksima bagi tiap-tiap perlantikan bekas perajurit akan melanggar prinsip perkhidmatan, dan ini tidaklah boleh dilakukan.

Sebagai mengenang jasa dan bakti bekas-bekas perajurit, Kerajaan memang memberi keistimewaan dan keutamaan kepada mereka untuk mengisi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam dan badan-badan berkanun. Satu senarai yang mengandungi 31 jawatan-jawatan ada disediakan untuk diisi oleh bekas-bekas perajurit. Beberapa jawatan itu dikehendaki diisi 100% oleh bekas-bekas perajurit. Hampir setengah daripada jawatan-jawatan itu dikehendaki diisi 50% ke atas oleh bekas-bekas perajurit, dan kebanyakan daripada yang baki itu dikehendaki diisi 30% ke atas oleh mereka. Bagi perlantikan ke dalam perkhidmatan awam, bekas-bekas perajurit diberi keutamaan untuk dipilih, dan syarat had umur juga dilonggarkan bagi mereka. Keistimewaan-keistimewaan seperti ini diberi khas kepada bekas-bekas perajurit sahaja.

Selain daripada itu, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk memperbaiki kedudukan mereka yang mendaftarkan nama

dengan Kementerian-kementerian itu. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai demi kepentingan bekas-bekas perajurit tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, saya suka memaklumkan bahawa orang-orang yang memiliki kad pengenalan hijau dikecualikan daripada menjalankan tugas Rukun Tetangga mengikut Perintah Rukun Tetangga (Pengecualian), 1976. Pemilik-pemilik Kad Pengenalan Hijau itu tidak boleh dianggap bermastautin (domicile) dalam negara ini. Namun demikian, mereka itu boleh menyertai rancangan Rukun Tetangga dengan secara sukarela.

Berkenaan dengan Kerahan Tenaga, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim, perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali di Dewan ini dan saya telahpun menyatakan pendirian Kerajaan.

Sehingga hari ini beberapa rancangan sukarela telahpun dilancarkan oleh Kerajaan seperti Rukun Tetangga dan RELA yang boleh disertai oleh mereka yang berkelayakan. Saya percaya penyertaan kaum belia dalam rancangan-rancangan itu bukan sahaja dapat mendisiplinkan diri mereka sendiri supaya tidak senang dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak diingini, bahkan akan dapat menghapuskan sebarang ancaman terhadap negara kita ini.

Mengenai teguran oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lumar, saya suka menjelaskan iaitu perkhidmatan Pengakap Sempadan ini telah ditubuhkan dalam tahun 1963 ketika masa konfrantasi.

Gaji bulanan mereka ialah :

(i) Pengakap Sempadan	...	\$120
(ii) Koperal	\$180
(iii) Sarjan	\$230

Sekim gaji ini telahpun dipinda melalui Laporan Gaji Suffian (1-1-70), seperti berikut :

(i) Pengakap Sempadan	...	\$200
(ii) Koperal	\$270 × 15 = \$330
(iii) Sarjan	\$330 × 15 = \$375

Selain daripada itu, mereka ini diberi Elaun Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya suka mengingatkan iaitu asas perpaduan negara sebenarnya telah tercatat di dalam Rukun-negara yang antara lain telah memberi pengiktirafan untuk pembinaan sebuah masyarakat liberal. Pengakuan ini dengan lain-lain perkataan menerima hakikat bahawa Malaysia ini adalah sebuah masyarakat berbilang kaum, agama dan kebudayaan.

Saya menghargai apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh bahawa keadilan adalah salah satu asas utama untuk mengujudkan perpaduan. Perkara ini bukanlah satu perkara baru, malah sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah maklum, dasar Kerajaan ialah untuk mengujudkan sebuah masyarakat adil selaras dengan prinsip dan semangat Rukun-negara dan Dasar Ekonomi Baru.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya Kerajaan mengkaji semula perancang keluarga, sebenarnya perkara ini telah banyak kali dibawa ke Dewan ini. Kerajaan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa semua rancangan yang mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara seluruhnya, bukan sahaja rancangan perancangan keluarga.

Sebelum Lembaga Perancang Keluarga Negara diwujudkan, Kerajaan telah membuat kajian dan penelitian dari segala segi termasuklah dari segi agama Islam. Rancangan ini ternyata tidak bertentangan dengan agama Islam ataupun agama-agama lain.

Mengenai amalan perancang keluarga, saya suka menegaskan lagi bahawa tujuan sebenarnya ialah untuk mengatur dan menyusun kelahiran umat yang diperlukan sesuai dengan kesanggupan sesebuah keluarga dari kepentingan membina kesihatan ibu dan anak yang baik. Ini akan dapat pula mengurangkan kadar kematian bayi yang tinggi terutama di kawasan luar bandar.

Kerajaan sememangnya sedang berusaha memberikan bimbingan kepada ibu-ibu yang sedang hamil dan kepada semua suri rumah-tangga, bakal-bakal suri rumah-tangga tentang perlunya mengamalkan makanan bahan-bahan yang seimbang. Usaha ini sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat menurut strategi-strategi yang pada akhirnya meliputi seluruh negara kita. Di samping itu

projek amalan nilai pemakanan” yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan lain-lain jabatan juga sedang giat dilaksanakan.

Sekali lagi saya jelaskan bahawa perkhidmatan perancangan keluarga ini diberikan secara sukarela kepada sesiapa yang memerlukannya. Yang demikian terpujalah kepada mereka menyertai dan mengambil kesempatan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan bagi faedah mereka sendiri.

Mengenai berapakah ramai anak-anak yang mereka sukai terpujalah kepada budibicara suami-isteri menurut kemampuan dan kesanggupan masing-masing. Mungkin 12 sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu atau mungkin empat atau lima orang sahaja. Jadi masalah mengurangkan ataupun membunuh zuriat tidak timbul sama sekali.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan keadaan masjid-masjid yang telah uzur dan mengesyorkan supaya proses menimbangkan peruntukan pembinaan masjid-masjid dipercepatkan. Kerajaan memang sedar tentang terdapatnya banyak masjid-masjid yang dalam keadaan uzur memerlukan pembaikan atau diganti dengan yang baru dan peruntukan telah disediakan untuk tujuan tersebut. Tiap-tiap tahun Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk pembinaan masjid-masjid dan kajian sedang dilakukan untuk menambah peruntukan ini.

Walau bagaimanapun, tidaklah ada upaya bagi Kerajaan membuat dan memperbaiki dengan sekali gus kesemua masjid-masjid di negara ini. Ini perlulah dilakukan berperingkat-peringkat dan mengikut ketertarikan yang ditentukan oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri. Permohonan patutlah disalurkan kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan berpendapatan sistem yang dijalankan sekarang adalah memuaskan.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang membina. Apa-apa teguran dan pandangan yang tidak sempat saya jawab, akan diambil perhatian sewajarnya.

4.04 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Datuk Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah menyentuh berkenaan pentingnya asrama diadakan untuk murid-murid yang tinggal jauh daripada sekolah. Berkenaan dengan ini sukacita saya menerangkan bahawa Kementerian Kebajikan Am memanglah sedar betapa mustahaknya murid-murid sekolah itu, terutama sekali mereka dari golongan keluarga yang susah mendapat semua kemudahan untuk belajar, dan dengan kesedaran demikianlah, maka Kementerian saya menggalakkan dan membantu Majlis Pusat Kebajikan Malaysia iaitu satu badan kebajikan sukarela yang mendapat bantuan wang dari Kerajaan Persekutuan mendirikan asrama mini untuk murid-murid yang menghadapi masalah perjalanan berulang-alik ke sekolah kerana rumah mereka sangat jauh. Sehingga ini bilangan asrama mini yang telah didirikan oleh Majlis tersebut di seluruh Semenanjung Malaysia ialah 44 buah dan boleh menampung seramai 800 orang murid.

Di tempat yang belum lagi ada asrama mini murid-murid yang susah dan tinggal jauh dari sekolah menerima juga bantuan berupa tambang bas dan bantuan wang bulanan untuk makan dan sebagainya, jika mereka perlu ditempatkan dengan mana-mana keluarga. Bantuan-bantuan diberi jika didapati keluarga murid yang berkenaan itu tinggal di tempat yang terlalu jauh dari sekolah. Bantuan seperti yang tersebut itu selain dari bantuan persekolahan jenis-jenis lain boleh juga diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mereka yang memerlukan bantuan itu boleh berhubung dengan mana-mana pejabat Kebajikan Masyarakat yang berhampiran. Rancangan mini asrama ini dilaksanakan dengan cara yang mudah dan boleh memberi peluang kepada orang ramai melibatkan diri di dalam kerja-kerja untuk menyelenggarakannya. Bangunan yang digunakan adalah bangunan biasa sahaja seperti bangunan Kerajaan yang tidak digunakan lagi ataupun bangunan yang disewa dari orang perseorangan. Kemudahan yang diberi tidaklah semua percuma melainkan

jika didapati murid yang berkenaan itu benar-benar miskin. Ibu bapa atau penjaga dikehendaki sekurang-kurangnya membantu menyediakan barang-barang makanan seperti beras dan lain-lain.

Kedua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud telah menyebut bahawa banjir yang berlaku di negeri Sabah baru-baru ini telah memusnahkan sebilangan besar rumah dan harta-benda dan ramai orang telah mengalami kerugian. Oleh yang demikian, beliau menyeru kepada Kerajaan Pusat untuk memberi sokongan dan bantuan bagi memulihkan mangsa-mangsa banjir itu kerana Kerajaan Negeri tidak dapat memberi bantuan yang memuaskan. Berkenaan dengan masalah ini, sukalah saya menyatakan iaitu saya sendiri akan melawat negeri Sabah pada bulan hadapan. Jadi masalah kemusnahan yang diakibatkan oleh banjir itu saya sendiri akan membuat penyiasatan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

4.07 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat pandangan dan juga teguran terhadap Kementerian saya. Segala teguran dan pandangan itu adalah di dalam perhatian saya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini satu persatu.

Mengenai pengaliran cerdik-pandai di kalangan doktor pakar, sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum saya telahpun menerangkan soal ini pada 23hb Mac, 1977 iaitu Kementerian saya akan melantik sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih dan juga pakar-pakar bagi menyelidiki sebab-sebab pengaliran cerdik-pandai itu dan perakuan-perakuannya akan ditimbang oleh Kementerian saya dan akan dikemukakan kepada Kerajaan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat di dalam Kerajaan dapat perhatikan mengenai dasar demokrasi dalam Dewan ini, Ahli dari Kota Melaka boleh melafazkan apa sahaja yang beliau ingin nyatakan. Tetapi bagi pihak saya, sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab dalam Kerajaan dari segi kesi-

hatan rakyat, sukacita saya menyatakan bahawa perkhidmatan kesihatan adalah satu bidang yang penting dengan tugas dan tanggungjawab yang tertentu kepada rakyat. Rakyat jelata adalah lebih mustahak dari masaalah politik. Dan di sini sebagai Menteri Kesihatan saya terpaksa menjelaskan segala keadilan yang saksama kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa, keturunan dan warna kulit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang oxygen regulator di Hospital Besar Melaka, apabila sebarang alat seperti oxygen regulator rosak biasanya alat ini diganti dengan alat yang baik. Alat yang rosak itu dihantar untuk diperbaiki, sebabnya mesti dipakai untuk mengeluarkan atau meletakkan jenis-jenis regulator dan flowmeter yang tertentu kepada gas cylinder. Semua mesin-mesin anaesthetic di hospital-hospital adalah diservice oleh firma-firma yang diakui berkeelayakan perubatan kepada Kementerian saya. Setakat yang saya ketahui tiada kematian berlaku akibat kerosakan oxygen regulator yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas penubuhan unit rawatan intensif di hospital daerah Sungai Petani. Suka saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat, bahawa sungguhpun kita tiada unit rawatan intensif sekarang ini tetapi semua pesakit mendapat rawatan yang cukup apabila sahaja diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah memang hajat Kementerian saya untuk mengujudkan rawatan intensif di hospital-hospital di kawasan perindustrian oleh kerana kemungkinan berlakunya kemalangan di kalangan pekerja-pekerja. Tetapi di waktu ini saya tidak dapat membuat demikian kerana kekurangan doktor-doktor kepakaran serta juga doktor-doktor yang mahir. Apabila sahaja Kementerian saya memperolehi banyak bilangan doktor-doktor, saya akan mengusahakan masalah ini tidak lengah-lengah lagi.

Mengenai cadangan tambahan wad-wad di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, wad-wad tambahan akan diadakan. Ibu Pejabat Jabatan Kerjaraya sedang menyediakan satu pelan induk atau master plan bagi pembangunan hospital di Daerah Sungai Petani. Sejumlah wang \$1.798 juta telah diperuntukan di bawah

Rancangan Malaysia Ketiga untuk berbagai projek termasuk tambahan wad untuk hospital daerah Sungai Petani.

Ahli Yang Berhormat dari Silam telah membuat beberapa teguran mengenai kekurangan kelengkapan dan kemudahan perubahan di hospital-hospital dan kekurangan doktor-doktor untuk berkhidmat di daerah pedalaman. Suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya memang akan menambahkan kemudahan perubatan di Negeri Sabah dengan peruntukan yang diberi. Kementerian saya juga sedar tentang kekurangan doktor-doktor di daerah pedalaman akan tetapi oleh kerana terdapat kekurangan doktor-doktor pada Negeri Sabah pada keseluruhannya, maka tidaklah mungkin dihantar lebih ramai doktor-doktor ke daerah pedalaman. Disebabkan kekurangan ini maka Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil doktor-doktor dari luar negeri untuk berkhidmat di Sabah sungguhpun doktor luar negeri tidak fasih dalam Bahasa Malaysia, masalah tidak timbul oleh kerana mereka sentiasa ditemani oleh jururawat yang pandai berbahasa Malaysia.

Berkenaan dengan rumah doktor di Sempurna yang masih tinggal kosong, memanglah benar disebabkan kekurangan doktor di Sabah pada masa ini. Seorang lagi doktor belum dapat dihantar ke Sempurna. Pada masa ini doktor yang sedang berkhidmat di Sempurna dapat menampung keperluan rakyat di Sempurna dan keadaan di tempat itu tidaklah mendesak supaya seorang lagi doktor dihantar dengan serta-merta. Berkenaan dengan kekurangan kemudahan untuk mengawal penyakit malaria, saya suka memaklumkan bahawa rancangan kawalan malaria adalah terdapat di merata-rata tempat di Sabah. Bertambahnya kes-kes malaria adalah disebabkan banyak lagi kawasan-kawasan rawatan (treatment post) telah diadakan di kawasan pedalaman. Lagi pun ada di antara penduduk-penduduk yang telah membantah terhadap gerakan semburan oleh Jabatan Kawalan Malaria di samping itu daerah-daerah pedalaman adalah terpencil dan menimbulkan masalah perhubungan.

Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Parit membuat satu teguran tentang mengenai Hospital Besar Ipoh, sukalah saya mengumumkan bahawa saya memang sedar mengenai kesulitan-kesulitan di Hospital Besar Ipoh, kerana hospital ini sebuah

hospital lama dan buruk, tambahan pula wad-wadnya berselerak tidak sebagaimana wad-wad dalam hospital kita yang moden. Dan selain daripada itu pula pelawat-pelawat yang ramai datang itu tidak dapat hendak dikawal dan mereka itu membawa makanan-makanan dan akibatnya banyak sampah saraf yang dicampak di sana-sini.

Mengenai perabot-perabot yang buruk masalah ini dapat diatasi apabila sahaja hospital besar yang baharu siap pada awal tahun 1978 kerana kita akan menerima kelengkapan-kelengkapan dan alat-alat yang baharu.

Mengenai cukai 15% di atas jururawat yang tinggal di asrama. Tuan Yang di-Pertua, seorang Jururawat yang tinggal di asrama itu dikehendaki membayar \$7.50 sen sebagai sewa bilik. Sekiranya berkongsi bayarannya cuma \$3.50 seorang. \$25 untuk bayaran perkhidmatan atau service charges kira-kira \$40-\$60 untuk makanan bagi tiap-tiap bulan. Jumlah bayaran ini adalah sebanyak kira-kira 5% daripada gaji seorang Jururawat itu. Kerani-kerani hanya perlu membayar sewa rumah (quarters). Mereka tidak dikenakan service charges dan makanan. Kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit bahawa hospital Ipoh mempunyai 40 orang doktor tidaklah benar. Hospital Besar Ipoh mempunyai seramai 127 orang doktor seperti berikut:

Pakar-pakar 15 orang termasuklah 4 orang pakar clinical.

Pegawai-pegawai Perubatan 69 orang.
Pendaftar 8 orang.

Doktor-doktor Pelatih 35 orang (Jumlahnya—127 orang).

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat atas usahanya menyedarkan Ahli-ahli Dewan Rakyat mengenai masalah penyakit-penyakit kelamin di Malaysia. Sepertimana yang kita telah sedar penyakit-penyakit kelamin melibatkan masalah sosial dan dari segi laporan-laporan WHO yang diketahui iaitu penyakit-penyakit kelamin sedang merebak di seluruh dunia. Malangnya, disebabkan perasaan malu masyarakat berkaitan dengan penyakit ini, maka pesakit-pesakit yang mengidap V.D. menyembunyikan keadaannya dari badan-badan kesihatan dan tidak mahu mendapatkan rawatan dari klinik-klinik dan

rumah-rumah sakit di mana siasatan-siasatan yang diperlukan boleh dijalankan dengan rawatan saintifik yang betul diberikan. Bukan hanya di negara kita tetapi kebanyakan negara-negara di dunia ini, badan-badan kesihatan tidak mempunyai keterangan-keterangan statistics V.D. yang boleh digunakan.

Saya tidak berapa pasti dari manakah Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat boleh mendapatkan data yang menyatakan sebanyak 200 kes-kes telah dilaporkan setiap hari di Wilayah Persekutuan. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu ada pengalaman berkenaan dengan perkara ini dan saya harap Yang Berhormat itu boleh berhubung dengan saya untuk memberitahu kepada saya bagaimana-kan kejadian 200 kes V.D. sehari berlaku di Kuala Lumpur seperti apa yang telah disebutkan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, V.D. merupakan masaalah kesihatan dan social, oleh itu Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk mengkaji masaalah-masaalah dengan lebih lanjut dan mendapatkan data haematology yang lengkap bagi penggunaan rancangan pengawalan. Kementerian saya juga akan melancarkan satu kempen pelajaran kesihatan mengenai target-target yang menunjukkan dengan lengkap pada akhir pertengahan tahun ini.

Dalam perjumpaan saya dengan tuannya rumah sakit persendirian pada 15hb Mac yang lalu, saya sendiri telah meminta badan-badan hospital persendirian memberikan kerjasama untuk membolehkan Kementerian saya mendapatkan keterangan yang segera bagi penyakit-penyakit berjangkit. Saya mengharapkan kerjasama dan perhatian yang lebih baik dari syarikat-syarikat swasta yang merawat sejumlah besar kes-kes penyakit V.D. dengan kemaskini dan lengkap supaya dapat memberikan bantuan yang besar kepada Kementerian bagi merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pengawalan penyakit itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Belut mengenai kes-kes cholera di Sabah, suka saya memaklumkan bahawa langkah-langkah seperti berikut telah diambil:

- (1) semua penjaja barang makanan telah pun diberikan suntikan.
- (2) tiap-tiap satu kes cholera yang telah didapati itu adalah disasat dengan teliti oleh satu kumpulan pegawai-pegawai

dari Jabatan Kesihatan yang diketuai oleh seorang doktor atau seorang merinyu kesihatan. Selain daripada itu, Kementerian saya juga memberi ubat tetracycline kepada semua mereka yang berhampiran dengan kes-kes cholera. Jabatan Kesihatan Sabah telah juga mendapati bahawa beberapa bilangan perigi dan juga sungai di dalam negeri Sabah yang mempunyai hama-hama penyakit cholera itu. Kementerian saya membubuh chlorine dalam perigi-perigi itu dan Kementerian saya juga telah memohon kerjasama daripada Jabatan Pelajaran, Jabatan Penerangan dan Jabatan Radio dan T.V. Sabah untuk menyiarkan pelajaran kesihatan mengenai kesihatan tubuh badan dan juga kebersihan suasana sekeliling. Kementerian saya juga telah memberi nasihat kepada rakyat jelata supaya jangan meminum air daripada perigi-perigi yang kotor dan juga sungai-sungai. Tindakan telah juga diambil untuk menghapuskan lalat-lalat dengan cara menyemburkan ubat.

- (3) semua pesakit-pesakit cholera yang didapati itu telah diasingkan dan telah diberi rawatan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja yang dapat saya jawab dengan ringkas dan saya harap jikalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak mendapatkan keterangan-keterangan yang jelas daripada saya mengenai soalan-soalan yang lain, Kementerian saya akan mengambil perhatian yang berat tentang soalan-soalan yang dibangkitkan di dalam Dewan ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, maka suka saya memberikan sedikit sebanyak jawapan kepada perbincangan-perbincangan terhadap Titah di-Raja.

Apabila menyentuh soal keselamatan negara maka tidak seharusnya kita menggambarkan dalam fikiran kita semata-mata atas perkara tembak-menembak dan keganasan, tetapi kenalah ambil perhatian juga soal 'crime' atau jenayah dan juga soal dadah. Ketiga-tiga perkara ini ada kaitannya antara satu dengan lain, samada secara langsung atau tidak langsung dan objektifnya memberi

faedah kepada kehendak musuh negara kita iaitu komunis. Umpamanya :

- (i) Komunis adalah satu perjuangan politik yang matlamat akhir mereka untuk mempengaruhi rakyat menyebelahi ideologi komunis.
- (ii) Jenayah atau crime pula menjalankan gerakan-gerakan samada merompak ataupun menyamun dan perbuatan-perbuatan itu dapat menunjukkan kepada umum bahawa saolah-olahnya Kerajaan tidak ada kemampuan memberikan ketenteraman kepada negara dan rakyat. Apabila rakyat gelisah dan mula tidak percaya kepada Kerajaan maka dengan sendirinya memberikan faedah dan mencapai objektif komunis.
- (iii) Dadah mempunyai effect yang besar Penagih-penagihnya adalah jelas menunjukkan morale mereka rosak, kesihatan dan fikiran mereka lemah. Memandangkan jumlah penagih dadah yang ramai dan boleh dikatakan terdiri daripada lingkungan muda-muda belaka dan soal yang harus difikirkan ialah: "Apakah bentuk masyarakat dan pemimpinnya yang akan lahir di negara kita dalam masa 15 atau 20 tahun akan datang apabila penyakit-penyakit dadah sekarang ini mengambil alih pimpinan negara kita". Mungkin ini ambil masa yang panjang tetapi hasil dan objektifnya adalah memberi faedah kepada musuh kita juga.

Memandangkan kepada bahaya ketiga-tiga ini maka adalah diperlukan supaya rakyat biasa memahami dan bersikap sensitif kepada soal keselamatan dengan melibatkan diri untuk mencegahnya daripada merebak. Pihak askar dan polis kita adalah mencukupi jika semata-mata ditumpukan kepada soal peperangan terbuka dan physical dengan pihak musuh, iaitu komunis. Komunis tahu peperangan terbuka tidak memberikan mereka mencapai matlamatnya tapi dengan adanya support daripada penjenayah-penjenayah dan pengedar-pengedar serta penagih dadah, maka mereka mempunyai harapan untuk mencapai matlamat mereka dari segi jangka panjangnya. Atas hal inilah maka Kerajaan kita di samping meneruskan peperangan senjata dengan pihak musuh menggiatkan pula perongergerak saraf bagi immunise atau melindungi rakyat daripada dijangkiti oleh ketiga-tiga penyakit yang saya sebutkan tadi.

Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang mengatur satu strateji baru dalam melaksanakan perangsaraf ini dan program ini adalah merupakan integrated approach antara Pejabat-pejabat Kerajaan khususnya Jabatan-jabatan yang ada dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Geraksaraf, Majlis Keselamatan Negara, berpendapat beberapa saluran perlu disediakan untuk perangsaraf ini. Jawatankuasa ini akan mengkoordinasikan seluruh geraksaraf di tiap-tiap negeri yang sedang berjalan sekarang ini dengan memberikan emphasis atau tekanan yang tertentu terhadap issue-issue yang ditimbulkan. Tujuan besar strateji geraksaraf ini ialah hendak membawa penglibatan rakyat serta ketahanan rakyat bersama-sama dengan Kerajaan untuk melindungi atau "immunise" rakyat daripada dijangkiti oleh kuman komunis ini. Jawatankuasa itu juga akan mengatur dari satu ke satu masa strateji yang tertentu untuk dilaksanakan di negeri-negeri kita di seluruh Malaysia.

Salah satu cara hendak membawa penglibatan rakyat dalam geraksaraf ini ialah dengan adanya struktur baru RELA yang dijalankan mulai tahun ini. Di bawah struktur baru ini gerakan RELA adalah disusun begitu rupa untuk dijadikan RELA sebagai pipeline atau saluran dua-hala untuk menyampaikan message secara berdepan dengan rakyat dan mendapatkan feed-back dari rakyat berhubung dengan fitnah-fitnah musuh yang ditaburkan. Mengikut susunan RELA yang baru ini maka pentadbiran RELA dibahagikan kepada dua kumpulan:

Kumpulan yang pertama iaitu menempatkan RELA biasa untuk menjaga keselamatan kampung masing-masing dengan diberi kursus dan tugas dari satu ke satu masa berhubung dengan taktik-taktik musuh ini yang berubah dari satu ke satu masa.

Kumpulan yang kedua iaitu RELA Bergerak—ini dipilih seramai tidak kurang 40 orang dari satu daerah atau kawasan yang diberi latihan yang cukup ala-polis khasnya Polis Hutan dan tentera.

Tugas utama RELA Bergerak ini ialah untuk memberikan pimpinan kepada RELA di merata-rata tempat di seluruh tanah air kita. Di samping itu pula, apabila satu-satu peristiwa berlaku, seperti perisytiharan

dharurat disatu-satu daerah ataupun satu-satu tugas diperlukan disatu-satu tempat maka RELA Bergerak ini dimobilisekan untuk bertugas sepenuhnya disatu-satu tempat pada satu-satu ketika. Dengan adanya struktur baru begini maka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah berharap tiap-tiap RELA Bergerak atau Yunit RELA Bergerak diberi kursus secara mendalam dalam masalah pertahanan dan keselamatan negara dan mereka itu akan diberi kuasa AP.

Dengan adanya susunan RELA baru ini maka ditiap-tiap Daerah mempunyai tiga lapisan pertahanan iaitu Polis, ASU dan RELA. Dengan demikian, maka adalah diharapkan ketiga-tiga kumpulan pertahanan ini dapat mempertahankan satu-satu daerah itu hingga pertolongan dari luar tiba.

Dengan adanya susunan baru ini maka adalah diharapkan jentera pertahanan dan geraksaraf akan lebih efektif lagi dan sentiasa berada dengan rakyat; dan Kerajaan dapat mengetahui apa-apa perkara yang berlaku di satu-satu daerah; kerana matlamat akhir struktur baru RELA ini bertanggungjawab kepada 10 buah rumah bagi tiap-tiap orang ahli RELA.

Saya suka hendak memaklumkan kepada Dewan ini dikawasan-kawasan sensitif khususnya di kawasan-kawasan sempadan ahli-ahli RELA berganding bahu rapat dengan Polis dan Tentera. Suka juga saya hendak memaklumkan tugas RELA amatlah berkesan. Di kawasan-kawasan sempadan khususnya dengan adanya khidmat RELA maka crime-crime atau jenayah-jenayah terutama sekali penyeludup-penyeludup yang keluar-masuk di kawasan-kawasan sempadan telah beransur-ansur kurang. Misalnya di Kelantan, dalam masa akhir-akhir ini adalah "crime free" di kawasan-kawasan sempadan dan memanglah jelas bahawa RELA adalah memainkan peranan yang penting. Inilah satu perkara yang kena kita pertahankan supaya pihak musuh kita tidak dapat mempergiatkan usahanya bagi menawan hati rakyat untuk menyebelahi mereka. Dengan adanya RELA yang terdiri dari rakyat biasa dan berada dengan rakyat, maka adalah diharapkan pihak berkuasa dapat mengetahui gerak-geri musuh pada tiap-tiap masa perkara itu berlaku.

Tiap-tiap rakyat adalah dikehendaki menyedari bahawa musuh kita akan sentiasa berusaha untuk menebus kekalahan mereka

di mana-mana juga. Perjuangan ini tidak dapat dipikul oleh Kerajaan semata-mata, tetapi memerlukan sumbangan rakyat seluruhnya.

Bagi pihak Yang Berhormat Menteri, maka sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pujian dan kepercayaan kepada Pasukan Polis dan Pasukan Keselamatan kita atas usaha dan sumbangan mereka terhadap negara. Kepada pengkeritik-pengkeritik maka apa yang saya harapkan teguran mereka itu hendaklah menasabah dan konkrit, seperti yang dilemparkan oleh setengah-setengah pihak Pembangkang.

Kita hendaklah ingat bahawa ahli-ahli pasukan keselamatan ini adalah terdiri daripada insan belaka. Mereka juga ada mempunyai anak dan family serta tidak sunyi daripada berhadapan dengan masalah-masalah hidup sepertilah juga dengan rakyat biasa. Dengan yang demikian, maka kita hendaklah sentiasa menjaga hati kecil mereka dan janganlah sekali-kali menimbulkan satu-satu issue yang boleh menyinggung perasaan mereka itu.

Mereka meninggalkan rumahtangga untuk menjaga keselamatan negara. Mereka menyangung nyawa untuk membolehkan rakyat hidup selesa. Mereka berhadapan dengan musuh bagi membolehkan ekonomi subur. Mereka tidak tidur berbulan-bulan di barisan hadapan untuk membolehkan rakyat bersukaria.

Mari kita renungkan sekejap dan letakkan diri kita di tempat mereka itu. Apakah perasaan kita, selepas kita berkorban berhabis-habisan dan tiba-tiba pengorbanan kita itu tidak langsung dihargai oleh mereka yang mendapat perlindungan dan faedah dari pengorbanan kita itu.

Apa yang saya harapkan kepada seluruh rakyat sekalian supaya meletakkan kepercayaan atau "trust and confidence" kepada pengorbanan dan kejujuran pegawai-pegawai dan ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita. Saya berani mengatakan bahawa mereka itu sentiasa meletakkan tugas negara di atas segala-gala kepentingan diri; mereka berada di dalam hujan dan panas; di hutan dan kawasan sesak semata-mata untuk melaksanakan undang-undang negara bagi kepentingan rakyat jelata. Kepada kami dalam

Kerajaan, memang berasa, bahawa tidak ada wang ringgit yang boleh mengukur pengorbanan mereka itu lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan setengah-setengah pihak yang dapat hidup mewah dan lumayan hasil daripada pengorbanan mereka itu.

Janganlah kita berasa "suspicious" dan membuat "rumour" yang tidak-tidak terhadap kejujuran Pasukan Keselamatan kita. Selama 20 tahun pertahanan negara kita diletakkan dalam amanah dan tanggungjawab anak watananya sendiri dan selama 20 tahun jugalah kita telah dapat menikmati ketenteraman hidup, keteguhan ekonomi, kemewahan sosial, dan kesetabilan politik. Rekod mereka itu dengan sendirinya menerangkan keadaan yang sebenar-benarnya.

Apa yang mereka harapkan dari rakyat ialah sokongan moral dan kepercayaan terhadap pengorbanan murni mereka itu; dan sebaliknya, jika rakyat sendiri yang sudah menikmati segala-galanya dari pengorbanan mereka itu sentiasa menaruh "suspicion" terhadap kejujuran mereka memikul tanggungjawab negara maka sikap rakyat demikian boleh melemahkan semangat keperwiraan pahlawan-pahlawan kita di medan peperangan.

Dengan itu, saya mengajak seluruh rakyat bersama-sama dengan Kerajaan sentiasa berdoa kepada Allah s.w.t. muga-muga dengan doa itu akan sentiasa mententeramkan fikiran serta jiwa ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita untuk mereka menumpukan kepada sasaran utama dan musuh kita bersama iaitu komunis.

Bagi pihak Yang Berhormat Menteri, maka saya memuji segala teguran-teguran dan komen-komen yang telah ditimbulkan pada masa perbincangan ini berjalan. Bagi Kementerian ini, saya tidaklah hendak bercakap atau mengulas secara detail ucapan-ucapan itu, kerana ada yang diperlukan ialah meneliti segala-galanya dan suka saya memberi jaminan segala teguran dan syor-syor yang dikemukakan, insya Allah akan dilaksanakan oleh Kerajaan kita.

4.43 ptg.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, saya suka terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah me-

nyentuh perkara-perkara berkaitan dengan perumahan dalam membahaskan ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejak beberapa hari yang lalu. Sebelum saya memberi ulasan tentang beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya suka terlebih dahulu memberi penjelasan secara umum berkaitan dengan perumahan.

Perumahan adalah keperluan sosial rakyat yang pembekalannya diwujudkan secara usaha-usaha yang melibatkan semua pihak—Kerajaan, pihak swasta, koperasi, majikan-majikan, kumpulan-kumpulan serta rakyat jelata. Ini adalah amalan biasa di sesebuah negara terutama negara-negara demokrasi seperti Malaysia. Pihak Kerajaan menyedari bahawa penyediaan rumah-rumah yang diperlukan oleh rakyat jelata adalah perkara yang tidak mudah. Kerajaan sendiri ada berusaha dengan giatnya mengatasi masalah ini—samada menerusi projek-projek perumahan awam atau secara usahasama dengan pihak swasta atau memberi kemudahan dan galakan kepada mana-mana pihak yang dianggap boleh mempercepatkan tersedianya unit-unit rumah yang boleh menampung kehendak rakyat.

Dalam usaha mereka melaksanakan rancangan perumahan mereka ada di antara agensi-agensinya Kerajaan itu yang mengikuti kaedah-kaedah yang dianggap luarbiasa. Ada daripada mereka itu, "in their over-enthusiasm to overcome the existing housing problem", telah membuat peraturan-peraturan mereka sendiri. Kadangkala peraturan-peraturan mereka itu tidak secukupnya dengan kehendak sebilangan rakyat atau anggapan golongan-golongan tertentu. Dalam sesuatu keadaan yang "complex" tentulah kita tidak dapat mengadakan langkah-langkah yang boleh memuaskan hati kesemua mereka itu dalam satu jangka masa atau ketika.

Itulah sebabnya maka Kerajaan Pusat telah mengambil langkah-langkah yang lebih positif untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka itu, walaupun menurut perlembagaan soal tanah dan perumahan adalah perkara-perkara negeri.

Dengan terujudnya tiga sumber kewangan daripada Kerajaan Pusat iaitu wang pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, serta dua jenis Tabung Pusingan untuk rakyat mendapatkan "end-financing" saya yakin bahawa masalah pelaksanaan di

peringkat negeri sudah bertambah kurang. Dalam pada itu Kerajaan Pusat sedang merangka supaya diturunkan di peringkat Negeri satu Tabung Pusingan untuk kegunaan Kerajaan Negeri membiayai projek-projek perumahan awam yang telah diluluskan oleh Kementerian saya. Punca wang ini adalah daripada wang pinjaman yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang berjumlah \$469.5 juta itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sekarang saya suka juga mengambil kesempatan mengulas tentang beberapa perkara tertentu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menyentuh tentang cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengenakan bayaran \$5.00 processing fees kepada setiap permohonan bagi mendapatkan rumah awam kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tersebut. Sebenarnya, perkara yang dimusykilkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah satu daripada ciri-ciri yang terkandung dalam kaedah baru yang disediakan oleh Kerajaan Negeri tersebut, dalam usahanya mengumpulkan keterangan-keterangan untuk menganalisis masalah perumahan keseluruhannya di negara ini. Borang yang disediakan adalah bertujuan untuk menilai kaedah yang lebih luas daripada projek yang ujud sekarang, dan langkah ini dicadang hendak dijadikan sebagai satu "on going registration system" yang melibatkan penerimaan permohonan bagi diproseskan, bukan sebagai satu projek sahaja, malahan sebagai satu usaha mengkaji masalah keseluruhannya. Malangnya, oleh kerana kurang penerangan ke atas perkara ini maka objektif itu telah disalah-ertikan dan maksud tulangnya tidak tercapai. Sebaliknya ciri-ciri baru yang dianggap ganjil kepada anggapan rakyat telah menjadi nyata dan menyebabkan tujuan yang sebenar itu menjadi "out of focus".

Dari perbincangan dengan pihak Negeri Pulau Pinang, saya mendapat tahu bahawa cadangan mengenakan bayaran processing fees atau setiap permohonan rumah projek tersebut telah dibuat oleh kerana Kerajaan Negeri menjangka permohonan-permohonan yang banyak akan diterima dan ini akan mengakibatkan perbelanjaan yang tinggi untuk memproses butir-butir permohonan

tersebut; namun demikian Kerajaan Negeri itu belum lagi mengenakan bayaran tersebut. Ia telah meminta pandangan Kementerian saya tentang perkara ini dan dalam perbincangan saya dengannya, saya telah mencadangkan Kerajaan Negeri berikhtiar mencari jalan lain bagi mengatasi masalah ini selain daripada mengenakan bayaran berkenaan kerana pemohon-pemohon terdiri dari golongan berpendapatan rendah yang mana projek tersebut ditujukan. Saya suka menyatakan bahawa pihak tersebut besar kemungkinannya akan mengemukakan perkara ini di mesyuarat EXCO Negeri, tanpa menyokong cadangan untuk mengenakan bayaran tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menggesa Kementerian saya supaya mengkaji semula syarat-syarat mendapatkan lesen yang dianggap ketat supaya menggalakkan lebih banyak bumiputra menjadi pemaju-pemaju perumahan swasta. Saya suka terlebih dahulu membetulkan angka bilangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang pemaju perumahan yang ada sekarang. Dari rekod Kementerian sebenarnya ada terdapat 892 pemaju-pemaju perumahan swasta yang telah dilesenkan sehingga penghujung bulan Februari 1977, dan dari jumlah ini 37 adalah terdiri dari pemaju-pemaju perumahan Bumiputra samada syarikat bersendirian ataupun berusaha sama dengan lain-lain ajensi Kerajaan. Layanan yang istimewa telah dan adalah diberi kepada pemohon-pemohon dari kalangan Bumiputra yang ingin mendapatkan lesen untuk memajukan projek-projek perumahan swasta. Mereka ini umpamanya telah diminta mengemukakan surat jaminan bank sekadar 10% dari kos pembinaan projek mereka, terhad kepada maxima \$100,000 atau sebagai satu alternative Kementerian saya boleh menerima surat jaminan UDA bagi jumlah yang saya sebutkan tadi, sebagai mencukupi atau memadai untuk memenuhi kehendak-kehendak biasa mengikut Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan 1966. Walau bagaimanapun sebarang langkah kelonggaran yang diberi bagi memudahkan orang-orang Melayu serta Bumiputra lain mendapatkan lesen untuk menjadi pemaju perumahan adalah bergantung kuat kepada hasrat, minat dan keazaman mereka sendiri untuk berkecimpung di dalam perusahaan perumahan.

Saya perhatikan ada ramai orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain yang mem-

punyai hasrat memajukan tanah-tanah mereka bagi membekalkan perumahan, tetapi ada di antara mereka yang suka mencari jalan yang mudah dengan melepaskan usaha itu kepada pengusaha-pengusaha bukan Bumiputra terutamanya pengusaha-pengusaha yang telah mempunyai lesen sebagai Pemaju Perumahan, tetapi tiada mempunyai projek-projek yang cukup untuk memperbaharui lesen-lesen mereka. Saya telah menyeru orang-orang Melayu dan orang-orang Bumiputra yang lain yang mempunyai tanah-tanah yang sesuai untuk perusahaan perumahan dan tidak semata-mata memainkan peranan yang pasif serta berpuashati sahaja dengan bahagian yang kecil dan menolak rezeki yang besar kepada pihak lain. Kementerian saya sentiasa sedia menolong pihak Bumiputra mendapatkan lesen supaya lebih ramai daripada golongan itu menjadi pemaju perumahan yang berjaya.

Saya tertarik hati dengan Ahli Yang Berhormat dari Jerai yang mencadangkan di antara lain supaya ditubuhkan satu syarikat "Down Payment Sdn. Bhd." untuk menerima "second mortgage" bagi rumah yang hendak dibeli oleh pegawai-pegawai dan pembeli-pembeli Bumiputra. Konsep yang beliau majukan pada pendapat saya bukanlah satu konsep yang baru, kerana ia sudah pun diterima bagi Rancangan Perumahan Awam di mana bayaran sewa bulanan oleh pembeli-pembeli akan dijadikan sebagaimana daripada bayaran "down payment" andainya rumah yang diperuntukan itu dijual kepada mereka kelak.

Sebagaimana yang diketahui umum ada rancangan-rancangan perumahan SEDC yang bukan dari jenis harga murah, oleh kerana tanah yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri seperti projek perumahan yang dilaksanakan oleh SEDC Pahang ialah dari lot-lot perumahan yang bermutu.

Dalam keadaan demikian, peranan SEDC itu adalah untuk membekal rumah-rumah bermutu untuk Bumiputra, khususnya supaya struktur masyarakat mencerminkan satu keadaan di mana pihak Bumiputra juga mempunyai hakmilik perumahan dan jenis yang mewah juga. Usaha seumpama itu memerlukan modal yang besar, di mana sekiranya pihak SEDC yang berkenaan mengamalkan konsep "down payment" sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka tidak dapat tidak SEDC itu tidak akan berjaya menyediakan

bilangan rumah yang besar kerana modalnya telah terikat kepada kos pembinaan serta pegangan ke atas milik harta itu.

Tambahan pula pembeli-pembeli berkenaan boleh menggunakan kemudahan-kemudahan kewangan dari punca-punca yang lain. Sebagai sumbangan Kerajaan untuk menampung keperluan kewangan mereka itu, Kerajaan telah menyediakan kemudahan menerusi pinjaman dari MBSB, dan saya ketahui bahawa ramai daripada mereka yang telahpun menggunakan kemudahan yang disediakan itu. Di samping itu pegawai-pegawai Kerajaan boleh membeli rumah-rumah dengan menggunakan pinjaman yang disediakan oleh Bahagian Pinjaman, Perumahan dan Perkhidmatan Masyarakat yang telah diwujudkan semenjak beberapa tahun yang lalu. Jika pada masa ini had pinjaman di bawah Sekim Pinjaman itu tidak mencukupi pegawai-pegawai berkenaan itu patut bersabar sementara menunggu penerimaan option gaji baru yang akan ditawarkan kepada mereka tidak lama lagi. Soal "second mortgage" yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin tidak menjadi perlu lagi kerana had pinjaman yang akan diberi dijangka mencukupi mengikut Sekim Gaji Baru yang akan ditawarkan kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mengatakan harga rumah yang dibina oleh pihak swasta semakin naik tiap-tiap bulan, dan adalah untuk orang-orang kaya sahaja.

Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah begitu tepat. Pemaju-pemaju perumahan swasta tidak menaikan harga rumah-rumah yang dibina oleh mereka dengan sesuka hati. Kenaikan harga rumah seperi juga lain-lain barangan, adalah bergantung kepada market forces seperti kuasa supply dan demand, harga bahan-bahan binaan, buruh dan juga kos professional services.

Kebanyakan daripada pemaju-pemaju swasta membina berbagai jenis rumah untuk memenuhi keperluan serta kemampuan pembeli-pembeli dari berbagai golongan pendapatan dan ini bererti bahawa mereka tidak sahaja membina rumah-rumah yang mahal untuk orang-orang kaya. Oleh kerana mereka menjalankan suatu jenis perniagaan yang kompetitif maka Kerajaan pada masa ini tidak bercadang hendak mengawal harga rumah-rumah mereka kerana langkah ini akan menggalakkan amalan-amalan perniagaan yang tidak sihat.

Sementara itu saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa ada pihak pemaju-pemaju perumahan swasta yang telah mengemukakan cadangan mereka untuk membina rumah-rumah harga rendah sebagai sebahagian daripada projek mereka. Berapa Kerajaan Negeri umpamanya Kerajaan Negeri Johor, ada mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan yang hendak melaksanakan projek-projek besar supaya membina antara 30-40 peratus (30-40%) dari jumlah rumah-rumah yang hendak dibina oleh mereka itu iaitu dari jenis harga rendah dalam lingkungan harga \$15,000 seunit. Bagi pemaju-pemaju swasta yang menjalankan projek-projek perumahan secara berusaha sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja lah yang dapat saya jawab. Saya harap ulasan yang saya beri itu adalah memuaskan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

5.03 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri Penerangan Malaysia untuk memberi penjelasan-penjelasan mengenai ulasan-ulasan yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sewaktu membahas menyembahkan ucapan terima kasih kepada Ucapan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang telah memberi beberapa ulasan serta cadangan mengenai Kementerian Penerangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan siaran berita mengenai operasi-operasi tentera di sempadan Malaysia dan tempat-tempat lain. Sebenarnya RTM menyiarkan berita seperti ini bukan untuk memberi amaran kepada pihak komunis tetapi untuk memberi penerangan operasi tersebut dan pengumuman-pengumuman ini telah dibuat selepas pengesahan pihak tentera atau pihak Majlis Keselamatan Negara. Berkenaan dengan rancangan-rancangan tempatan, usaha-usaha sedang dilakukan untuk memperseimbangkan rancangan-rancangan tempatan dengan rancangan-rancangan yang diimpot. Soal yang timbul sekarang ialah

untuk memperbaiki mutu rancangan-rancangan tempatan kita. Rancangan-rancangan dakwah dan agama sedang diperbaiki siarannya melalui TV. Pihak Jabatan Penerangan juga melalui Bahagian Khas seringkali menganjurkan ceramah-ceramah, perjumpaan-perjumpaan dalam kawasan-kawasan terpilih dengan penerangan agama yang berunsurkan dakwah. Penerangan agama seperti ini bukan sahaja dijalankan di kawasan-kawasan operasi tetapi juga di kawasan-kawasan lain di mana yang difikirkan mustahak penerangan-penerangan agama disebarkan bagi menghadapi ancaman keselamatan dalam negeri dan juga untuk membangunkan masyarakat menentang kegiatan-kegiatan anti dadah dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah mencadangkan supaya TV Malaysia menyiarkan satu rancangan "Senaman" pada waktu pagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada siaran pada masa ini untuk menyiarkan rancangan TV di sebelah pagi kecuali rancangan-rancangan "TV Pendidikan" yang sedang diusahakan oleh Kementerian Pelajaran. Rancangan Senaman ada disiarkan melalui semua rangkaian Radio pada tiap-tiap hari pada waktu pagi pukul 6.20 hingga 6.30 pagi, kecuali hari Jumaat dan Ahad.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah mengesyorkan supaya Pelajaran agama disiarkan melalui TV pada tiap-tiap pagi. Siaran TV pada sebelah pagi belum dapat diadakan pada masa ini oleh kerana pada hari-hari yang tertentu salah satu saluran digunakan untuk siaran TV Pendidikan ke Sekolah-sekolah. Banyak rancangan-rancangan agama sedang disiarkan melalui Radio dan TV Malaysia dan usaha untuk memperbaiki mutu dan membanyakkan lagi rancangan-rancangan ini sedang dilanjutkan dan dipergiatkan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mengadu bahawa suara Pembangkang tidak diberi layanan melalui Radio dan TV Malaysia. Perkara ini tidak benar. Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya tegaskan, perkara ini tidak benar dan suara pihak Pembangkang ada diberi peluang terutama sekali dalam Laporan-laporan Parlimen dan kadang-kadang berita ini telah besar daripada berita pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam telah mengesyorkan supaya lebih banyak filem-filem yang diimpot ditunjukkan kepada

orang ramai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan filem-filem yang diimpot yang lebih baik mutunya dengan kebenaran dan yang telah diberi untuk menambahkan sewaan, iaitu dengan kebenaran yang telah diluluskan oleh pihak Perbendaharaan untuk menambahkan sewaan bayaran bagi filem-filem yang lebih bermutu. Walau bagaimanapun, masalah yang timbul sekarang apakah filem-filem serupa ini ada mencukupi dan boleh didapati dengan mudah.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat menyatakan aerial TV di Johor menuju hala ke Singapura, sebenarnya Kementerian tidak boleh memaksa masyarakat di Johor Bahru atau di mana sahaja untuk menerima siaran-siaran dari mana-mana negara jiran kerana kita berpandukan keadaan demokrasi dan bebas bersuara, bebas berfikir, bebas berakhlak dan tidak kurang pula penduduk-penduduk di Singapura juga yang mengikuti siaran-siaran Radio dan TV dari Malaysia tetapi daripada hasil audience research, reaksi penuntun dan pendengar yang didapati melalui penyelidikan adalah didapati bahawa rancangan-rancangan TV Malaysia masih terus dituntun oleh penduduk-penduduk di Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disentuh dan diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput itu tidaklah benar sama sekali. Rancangan dalam bahasa Tamil baik di radio dan TV Malaysia memang ada disiarkan dalam bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, perlu saya tegaskan di sini bahawa dasar Kementerian Penerangan ialah untuk mengadakan rancangan-rancangan radio dan talivisyen yang bercorak dan mempunyai unsur-unsur keperbadian Malaysia. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan kita yang mewujudkan suatu negara yang bersatu padu, aman dan makmur. Semua rancangan-rancangan kita adalah bercorak Malaysia di mana kita cuba menggambarkan keadaan masyarakat yang diamalkan dengan berteraskan kepada perinsip Rukunegara.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin telah juga mengeluarkan beberapa cadangan berkenaan dengan cara memberi fahaman yang lebih terang atas dasar-dasar dan projek-projek Kerajaan. Kementerian Penerangan telahpun merancang dasar komunikasi menerusi mana segala dasar-dasar dan projek-projek Kerajaan akan dibincangkan dengan

cara yang lebih menarik dan lebih mudah difahamkan oleh rakyat jelata bukan sahaja dari segi bahasa bahkan juga dari segi-segi penarikan yang lain. Di bawah rancangan ini, perkara-perkara yang terlibat sesuatu kawasan itu akan diberi keutamaan dalam rancangan Siaran Daerah supaya mereka dapat pandangan yang lebih baik lagi berkenaan dengan masalah-masalah dan problem-problem yang mereka hadapi.

Atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan cara menyampaikan komentar (commentary) Rancangan Peristiwa, perkara ini adalah akan diambil perhatian dan ingatan oleh Kementerian ini.

Berkenaan masa siaran untuk Rancangan Kedua TV Malaysia adalah didapati mencukupi buat masa ini. Kementerian Penerangan tidak mempunyai rancangan untuk menambahkan masa siarannya pada masa ini oleh kerana kekurangan kakitangan di RTM untuk menambahkan jumlah rancangan-rancangan tempatan serta mutu rancangan-rancangannya.

Mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sukacita saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Penerangan adalah menjalankan dasar negara untuk melahirkan rakyat Malaysia yang bersatupadu selaras dengan perinsip-perinsip Rukunegara. Oleh itu, rancangan-rancangan TV kita adalah bercorakkan perpaduan kaum untuk melahirkan perpaduan nasional iaitu dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan dan juga bahasa-bahasa kaum yang terbesar di Malaysia dan sekiranya kita terpaksa mengadakan rancangan-rancangan bagi semua kaum terutamanya kaum-kaum kecil di Sabah atau di Sarawak juga kaum kecil di Semenanjung yang mempunyai lebih daripada 30 kumpulan loghat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau hendak disebut satu persatu 20 loghat ini banyak betul. Di antaranya kalau di Malaysia ini yang terbesarnya ialah Bahasa Kebangsaan (bahasa Melayu) bahasa Tamil, bahasa China, bahasa kedua kita iaitu bahasa Inggeris juga dalam siaran radio ada kita siarkan bahasa saudara kita Orang Asli, Temiar, bahasa Semai dan kalau hendak dikira kumpulan lagi, ada orang Jakun, Negrito dan kalau bahasa kaum Tionghua pula, ada Hokkien, Canton, Khek, Teochew, Hainan, Kongsai, Hengchu, Hockchin, Hockchiah dan lain-lain. Kalau di Sabah misalnya, Kadazan,

Wijan, Murut, Bajau, Illanun, Sulu, Orang Sunge, Kedayan, Bisayah, Tidong dan lain-lain yang tidak dapat disebut satu persatu, begitulah juga di Sarawak. Jadi, kalau semua hendak digambarkan ataupun hendak dibiarkan kesemua bahasa-bahasa ini, sudah tentu rancangan yang kita atur itu mustahil dapat dijayakan. Maka adalah mustahil kita dapat mengadakan rancangan-rancangan TV yang mesti menggambarkan tiap golongan kaum kerana masa siaran TV juga adalah terhad. Walau bagaimanapun ada beberapa rancangan-rancangan radio di kawasan-kawasan atau negeri-negeri untuk memenuhi rancangan-rancangan daerah bagi memenuhi minat golongan kaum terbesar bagi kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah penjelasan dari Kementerian Penerangan mengenai ulasan-ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan semua ulasan-ulasan dari Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diambil ingatan dan perhatian oleh Kementerian ini.

5.16 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membuat syor-syor, pandangan-pandangan dan teguran-teguran berhubung dengan masalah-masalah pelajaran di negara ini semasa membahaskan ucapan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya dapati banyak di antara perkara-perkara yang dibangkitkan itu masih merupakan perkara lama yang mana telahpun Yang Berhormat Menteri Pelajaran, dan saya beri penjelasan samada di masa soal jawab mulut atau pun di dalam ucapan-ucapan kita di masa mengulas perkara-perkara di perbincangan-perbincangan yang telah lalu. Saya tidak bercadang untuk mengulas semula perkara-perkara itu dan oleh itu izinkanlah saya untuk menjawab beberapa perkara sahaja yang telah dibangkitkan itu yang saya fikir perlu untuk diberi penjelasan.

Mula-mula saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang sekarang tidak ada di dalam Dewan ini Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan perkara mengenai satu surat yang telah dihantar oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran

mengenai pembubaran Lembaga Pengurus dan Lembaga Pengelola Sekolah. Ingin saya tegaskan di sini bahawa surat tersebut adalah merupakan urusan pentadbiran dan dihantar bukan sahaja kepada Sekolah Rendah dan Menengah China, tetapi jua dihantar kepada 15 buah sekolah rendah dan menengah yang lain. Penguatkuasaan Akta Pelajaran Seksyen 26A, bukan hanya melibatkan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan sahaja tetapi juga sekolah-sekolah rendah dan menengah yang dibantu penuh. Seksyen ini merupakan satu "enabling provision" yang mungkin digunakan apabila beberapa syarat tertentu telah dipenuhi. Kementerian Pelajaran sememangnya telah bercadang hendak membuat kajian mengenai pengurusan Sekolah Bantuan Penuh jika sekiranya Seksyen 26A Akta Pelajaran 1961 ini dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun sejak Seksyen ini diadakan, saya fikir belum ada satu pun Lembaga yang telah dibubarkan. Dalam melaksanakan peruntukan yang ada pada Akta Pelajaran 1961, Kerajaan sentiasa berhati-hati dan menitik beratkan perasaan rakyat.

Mengenai pemansuhan Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran, 1961, di dalam Persidangan Keempat Penggal Pertama Parlimen ini yang telah berlangsung dari 27hb Oktober, 1975 semasa menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah dengan panjang lebar menyatakan bahawa Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 telah diadakan sejak 16 tahun dahulu dan sejak tarikh itu Kerajaan yang sama telah memerintah dan Kerajaan yang sama ini, pada hari ini belum pernah melaksanakan fasal itu melainkan berkenaan Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris atau kerana diminta oleh sekolah itu sendiri. Oleh itu, saya rasa tidak perlu saya mengulang penjelasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong jua telah membangkitkan mengenai pembelajaran bahasa China di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China. Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengambil tindakan yang perlu di dalam perkara ini umpamanya dengan menempatkan guru-guru yang cukup bagi mengajar matapelajaran tersebut, samada guru-guru siswazah mahupun guru-guru lepasan maktab. Apa yang saya ketahui secara am, permintaan terhadap guru-guru sedemikian adalah kecil sekali. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, mulai dari tahun ini seramai 35

orang guru-guru pelatih yang memiliki kelulusan yang sesuai akan mengikuti kursus dua tahun sepenuh masa untuk menjadi Guru Bahasa China di kelas-kelas Menengah Rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah menyentuh tentang kekurangan murid-murid yang masuk ke sekolah pada tahun 1976. Pengurangan atau permintaan murid-murid yang masuk ke sekolah pada satu-satu tahun adalah merupakan satu phenomenon biasa dan bukanlah ada sebab-sebab tertentu yang mengujudkan keadaan sedemikian. Menyebut kembali data-data yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat pada tahun 1975, jumlah murid-murid yang masuk ke darjah satu ialah seramai 283,651 orang. Dalam tahun 1976, angka tersebut menurun kepada 273,114 orang. Ahli Yang Berhormat harus mengetahui bahawa pada tahun 1977 ini, jumlah kemasukan itu dijangka akan naik kepada 296,448. Oleh itu, angka yang rendah pada tahun 1976 itu bukanlah merupakan satu pengurangan yang sengaja diadakan atau dilakukan.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah membangkitkan perkara mengenai kemerosotan keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh bagi tahun 1976. Saya rasa satu kajian mengenai perkara ini sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak perlu. Saya sedar bahawa sekolah-sekolah yang disebutkan sebagai "sekolah-sekolah perdana", khasnya Sekolah-sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah-sekolah Menengah Sains, telah merosot dalam pencapaian peperiksaan H.S.C./S.T.P. Sebetulnya kemerosotan kelulusan di sekolah-sekolah ini ada sebabnya. Sebilangan besar daripada murid-murid yang terbaik telahpun dipilih oleh berbagai-bagai Agensi Kerajaan dan Perbadanan untuk dihantar bagi mengikuti kursus-kursus sains dan teknologi di dalam dan di luar negeri. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi sekolah-sekolah yang kebanyakannya terdiri dari calon-calon bumiputra untuk mempertahankan taraf pencapaian yang cemerlang dalam Peperiksaan H.S.C./S.T.P. selagi ramai pelajar keluar untuk mengikuti kursus di luar negeri. Kementerian Pelajaran menerima perkara ini sebagai satu perkara yang tidak dapat dielakkan dan keputusannya telahpun diduga di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh ini.

Satu kelemahan yang memang diakui ialah bahawa ramai calon-calon yang terdiri dari calon-calon kita amat lemah dalam Kertas Am atau General Paper. Banyak dari sekolah-sekolah ini mungkin dapat memperbaiki peratus kelulusannya jika murid-muridnya lulus Kertas Am/General Paper ini. Kertas Am adalah satu kertas soalan yang memerlukan pengetahuan yang luas mengenai hal-hal di luar bilik darjah, perkembangan-perkembangan di seluruh dunia dan juga perkara-perkara semasa di samping kebolehan menganalisa dengan fikiran yang kritis. Ianya juga memerlukan keupayaan dalam penggunaan idea-idea, penyampaian dan pengolahan dalam bahasa yang kemas dan baik. Ramai daripada murid-murid kita agak lemah dalam peperiksaan ini kerana kelemahan dalam pembacaan dan keketatan idea-idea. Satu cara yang baik untuk memperbaiki keadaan ini ialah murid kita memperbanyakkan lagi bacaan di luar untuk memperkukuh General Paper/Kertas Am yang merupakan kertas wajib bagi peperiksaan H.S.C./S.T.P.

Saya juga ingin merojok kepada teguran yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengenai penyalahgunaan dadah dan kerjasama diantara PEMADAM dan Kementerian Pelajaran di dalam perkara ini. Untuk mengelakkan rasa salah faham dimana-mana pihak, izinkanlah saya memberikan gambaran yang sepenuhnya mengenai perkara ini.

Penyalahgunaan dadah ialah satu masalah yang amat rumit. Mana-mana Rancangan Mencegah Salahgunaan Dadah adalah untuk menentukan bahawa pesanan ditujukan kepada kumpulan-kumpulan sasaran tertentu (contoh: murid-murid sekolah, pemuda-pemudi di luar sekolah, ibubapa dan masyarakat umum) mempunyai objektif tertentu, dan ditujukan untuk membawa perlakuan dan memainkan peranan yang sesuai oleh tiap-tiap kumpulan. Adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran tidak memberikan penerangan kepada murid-murid tentang beberapa aspek salahgunaan dadah, tetapi menggunakan Pendidikan Kesihatan dan Perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Runding-cara sebagai alat-alat untuk menguatkan pengetahuan, sikap dan amalan supaya mereka menuju sesuatu kehidupan yang bersih tanpa dadah.

Persatuan Mencegah Salahgunaan Dadah Malaysia (PEMADAM) memahami bahawa pendekatan-pendekatan (approaches) yang harus digunakan dalam pencegahan salahguna dadah di sekolah-sekolah adalah berbeza daripada pendekatan-pendekatan pencegahan salahguna dadah untuk pemuda-pemudi di luar sekolah, ibubapa dan masyarakat umum. PEMADAM dan Kementerian Pelajaran mempunyai "kerjasama dan persefahaman yang rapat" di mana pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran menolong PEMADAM dalam menyediakan bahan-bahan untuk digunakan bagi kumpulan-kumpulan sasaran yang tertentu. PEMADAM juga mengakui bahawa pendekatan-pendekatan untuk murid-murid sekolah, dan di sekolah-sekolah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran. Harus juga diambil perhatian bahawa PEMADAM ada membuat progres program;

- (a) telah mencatatkan dalam minit mesyuaratnya, "Program kempen anti-dadah di sekolah-sekolah adalah sangat penting . . . dan akan diadakan dengan kerjasama antara Kementerian Pelajaran dengan PEMADAM dalam aspek pencegahan Kementerian Pelajaran adalah dikehendaki menentukan isi kandungan ceramah-ceramah kempen anti-dadah termasuk teknik penyampaian yang berkesan supaya kesannya tidak "counter-productive".
- (b) melantik seorang pegawai Kementerian Pelajaran sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Penerangan untuk Mencegah Salahguna Dadah (Am dan di Sekolah).
- (c) mendapatkan kerjasama dan penyertaan yang penuh daripada pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menggesa Kementerian Pelajaran supaya mengkaji semula pelajaran agama di sekolah-sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya Kementerian sedang pun mengambil tindakan di dalam perkara itu. Ada beberapa jawatankuasa kecil yang sedang mengkaji semula beberapa aspek sukatan pelajaran agama di sekolah-sekolah. Di antaranya ialah Jawatankuasa Kecil mengkaji semula Sukatan Pelajaran Agama di Sekolah-sekolah Rendah dan Jawatankuasa Kecil mengkaji semula Sukatan Bahasa Arab di Sekolah Menengah peringkat S.R.P. dan S.P.M.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh perkara mengenai perletakan jawatan dan kekosongan jawatan-jawatan di Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Saya sedar bahawa tidak berapa lama dahulu beberapa orang pensyarah telah meletakkan jawatan atau bertukar ke tempat-tempat lain memegang jawatan-jawatan yang baru. Ini adalah kerana beberapa sebab dan di antaranya ialah seperti "availability" bahan-bahan penyelidikan dan sebab-sebab persendirian seperti mencari peluang-peluang pekerjaan yang baik di tempat-tempat lain. Walau bagaimanapun perletakan-perletakan jawatan ini tidak menjejaskan Fakulti Perubatan keseluruhannya. Sementara beberapa kakitangan pengajar meletakkan jawatan di dalam satu masa bilangan mereka yang ingin mengganti adalah lebih ramai. Phenomenon ini sama seperti berlaku di hospital Kerajaan atau swasta sepanjang masa. Ada sahaja alasan dan sebab dan tidak siapa yang berjaya mengatasi perkara ini di Malaysia atau mana-mana negeri dalam dunia. Oleh yang demikian, pihak Universiti Malaya tidak mengalami apa-apa kesusahan kerana ini bermakna pertambahan menyeluruh di dalam bilangan kakitangan.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga membangkitkan tentang kelemahan-kelemahan tentang pelaksanaan skim pinjaman buku-buku teks. Suka saya nyatakan di sini bahawa Kementerian saya sedar tentang adanya kelemahan dalam beberapa aspek pelaksanaan skim pinjaman buku-buku teks ini dan Kementerian saya sentiasa berusaha untuk melaksanakan skim ini dengan seberapa licin yang boleh supaya tidak menyusahkan dan mengganggu pelajaran murid-murid sekolah. Harus diingatkan bahawa pelaksanaan skim ini bergantung juga kepada kerjasama pihak-pihak swasta seperti penerbit dan pencetak buku-buku teks. Lagi pun pegawai di Biro Buku-buku Teks, Kementerian Pelajaran hanya ada sekian banyak dan adalah mustahil bagi mereka melawat dan memeriksa pelaksanaan skim Pinjaman Buku-buku Teks di semua sekolah di seluruh negara. Oleh yang demikian, saya telah seringkali menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini supaya memberi kepada saya butir-butir yang lengkap tentang sebarang kelemahan yang Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah sekian ulasan-ulasan yang perlu saya sampaikan bagi menjawab teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit penjelasan kepada beberapa perkara berkenaan Kementerian Pertahanan yang telah dibangkitkan di Dewan ini semasa membincangkan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya tidak akan mengulangi perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan pada masa-masa yang sudah di mana keadaan-keadaannya tidak berubah. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kerjasama ketenteraan bahawa yang terjalin di antara Thailand dan Malaysia yang melahirkan gerakan-gerakan seperti Daoyai—Musnah I dan II. Saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan penghargaan atas kerjasama di antara angkatan tentera kedua-dua negara jiran ini. Sokongan Ahli Yang Berhormat ini serta Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang tidak sempat menyuarakannya, saya percaya adalah juga suara rakyat di negara ini yang menyokong usaha Kerajaan amnya dan Kementerian Pertahanan khasnya untuk mendapatkan kerjasama ketenteraan seperti ini bagi menjamin keselamatan di kawasan sempadan kawasan Malaysia/Thailand dan seterusnya keselamatan negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menegur tentang pablisiti yang diberi dan sambung beliau kalau dengan pablisiti di TV dan Radio saya tidaklah mahu kata kosong, nanti Menteri kita marah. Tuan Yang di-Pertua, saya sedar adanya kekeliruan dalam hal ini terutama dalam Gerakan Daoyai—Musnah I di sempadan Malaysia/Thailand dan juga di beberapa operasi yang lain. Teguran-teguran seperti ini juga ada saya dengar di tempat-tempat lain dan bagi diri saya sendiri teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu tidaklah menimbulkan

sebarang kemarahan, malah saya mengucapkan terima kasih atas teguran dan niat baik beliau itu.

Kementerian Pertahanan sendiri berpendapat ada dua jenis lapuran yang pertama adalah merupakan lapuran tepat atas perkara-perkara yang telah dan sedang berlaku dan kedua adalah publisiti yang merupakan memberi implikasi ke arah ramalan atau spekulasi. Penyebaran berita yang tepat seperti jenis yang pertama adalah berita-berita yang sudah pun boleh diketahui umum dan tidak merupakan maklumat-maklumat awal yang boleh menguntungkan musuh-musuh yang sedang dihadapi. Tindakan menyiarkan seperti ini adalah perlu untuk menentukan bahawa berita yang sebenarnya sampai kepada orang ramai dan bukanlah berita-berita angin atau berita-berita yang kurang tepat yang boleh disalah ertikan yang mana mungkin boleh menimbulkan kesan-kesan buruk. Sebaliknya, pengumuman atau kenyataan jenis kedua yang boleh menguntungkan musuh seperti maklumat atas langkah-langkah berikutnya adalah dielakkan. Kementerian Pertahanan sendiri memangnya mengelakkan penyiaran sebarang tindakan yang jenis kedua.

Ketua Turus Angkatan Tentera sendiri telah melahirkan perasaan tidak senang hatinya dengan sebahagian berita-berita atau kenyataan yang dibuat sebagai kesempatan publisiti daripada gerakan-gerakan tentera. Sungguhpun peraturan ke atas kenyataan seperti ini terdapat dalam Kementerian Pertahanan, langkah-langkah baru juga sedang di ambil sesuai dengan keadaan sekarang. Perlu saya tegaskan di sini bahawa Kementerian Pertahanan hanya dapat mengawal anggota-anggota di dalamnya dan ada di dalamnya dan ada di antara kenyataan-kenyataan itu dibuat oleh mereka atau pihak-pihak di luar kawalan Kementerian Pertahanan.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menasihatkan Kerajaan supaya berhati-hati dalam mengambil anggota-anggota memasuki angkatan tentera. Mengikut beliau selain daripada syarat-syarat yang dikenakan, taat setia pemuda-pemudi ini kepada negara hendaklah juga diteliti. Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pemuda-pemudi yang diambil untuk berkhidmat dalam angkatan tentera Malaysia perlu melalui

tapisan keselamatan dan mereka yang ditugaskan di jawatan-jawatan di mana maklumat-maklumat sulit atau rahsia diuruskan, tapisan yang lebih teliti lagi dijalankan. Di samping tapisan-tapisan yang dijalankan itu anggota-anggota tentera adalah juga diawasi di sepanjang perkhidmatan mereka untuk menentukan bahawa mereka bukan sahaja taat tetapi juga tidak terlibat dalam kegiatan jenayah atau lain-lain aktiviti yang kurang sihat.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyatakan bahawa semangat anggota-anggota angkatan Tentera perlu diperkuatkan dan ditinggikan lagi memandangkan ancaman yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, semangat dan tata-tertib anggota-anggota pasukan kita semangannya menjadi perkara yang dipandang berat oleh Kementerian Pertahanan dan pegawai-pegawai tentera sendiri dan usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk menentukan bahawa semangat anggota-anggota kita adalah diperingkat yang tinggi. Dalam hubungan ini sukacita saya nyatakan bahawa pada amnya semangat anggota-anggota tentera kita adalah di peringkat yang kukuh. Ahli Yang Berhormat tersebut juga telah menyatakan bahawa keadaan keselamatan negara hendaklah dikaji oleh pakar-pakar keselamatan kita dan Tiori Domino mengenai kemaraan kominis selepas jatuhnya Vietnam Selatan tidaklah boleh dipandang ringan sahaja. Suka saya terangkan bahawa kajian berkenaan keselamatan dan kemampuan angkatan tentera sentiasa dijalankan oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan dengan keselamatan samada di peringkat strateginya mahupun di peringkat taktik untuk menentukan bahawa semua tindakan-tindakan kita adalah berkesan.

Berkenaan Tiori Domino pula suka saya nyatakan bahawa kejatuhan yang diramalkan oleh tiori tersebut tidak semestinya akan menimpa sesuatu negara itu. Kejatuhan ini akan berlaku hanya jika sesuatu negara itu menjadi lemah dari segi semangatnya, perpaduannya dan ekonominya. Langkah-langkah supaya kedudukan kita di dalam semua bidang ini sentiasa diperbaiki dan diperkukuhkan di samping mengambil langkah-langkah ketenteraan ke atas musuh-musuh kita itu adalah sentiasa dijalankan. Ahli Yang Berhormat juga menggesa Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan mengambil tindakan

segera untuk mendapatkan maklumat intelligence. Anggota-anggota tentera adalah ditugaskan menjalankan gerakan atau operasi di atas maklumat-maklumat intelligence yang disampaikan kepadanya oleh pihak-pihak yang berkenaan. Tindakan segera atau pelancaran tindakan itu sendiri terserahlah kepada kecepatan dan ketetapan maklumat-maklumat yang diterima melainkan jikalau dari segi strategi tindakan itu sengaja ditangguhkan kepada suatu masa yang lebih sesuai.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pula telah membangkitkan perkara bersangkutan dengan bekas-bekas perajurit kita yang setelah berkhidmat di dalam angkatan tentera selama 10 tahun dengan gaji yang agak lumayan diberikan pula jawatan-jawatan sebagai kerani misalnya di dalam perkhidmatan Kerajaan dengan tanggagaji yang minima, sama seperti lain-lain kerani baru. Perkara ini sudahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, Kerajaan telahpun memberikan kelonggaran-kelonggaran dari segi umur dan kelulusan kepada anggota-anggota tentera yang memasuki perkhidmatan Kerajaan, tetapi Kerajaan tidak dapat memberi apa-apa perkiraan kepada perkhidmatan (service) anggota-anggota yang berkenaan untuk memberi kekananan yang sesuai kepada mereka apabila mereka masuk berkhidmat di dalam perkhidmatan Kerajaan, sungguhpun ada keadaan-keadaan istimewa di mana perkara seperti ini dibuat. Ini adalah kerana tempoh perkhidmatan tersebut telahpun diambil kira bagi tujuan pembayaran ganjaran dan mengikut dasar-dasar yang biasa dianuti khidmat di dalam lain-lain perkhidmatan boleh disambung kepada perkhidmatan baru, hanya jika ganjaran yang dibayar dipulangkan semula.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menimbulkan kecederaan yang menimpa anggota-anggota tentera kita akibat dari terkena jerangkap samar (booby-trap). Tuan Yang di-Pertua, ada dua masalah yang berkaitan dengan jerangkap samar ini. Pertama, bagi mengelakkan kejadian; dan kedua, layanan untuk mereka yang tercedera akibat terkena jerangkap samar.

Kementerian Pertahanan sedang berusaha sedayanya untuk mengelakkan kejadian terkena jerangkap samar itu dengan cara mengubahsuai teknik atau berikhtiar bagi mengesan jerangkap samar itu sendiri. Kementerian Pertahanan juga sedang mengkaji dengan mendalamnya peri hal layanan untuk mereka yang tercedera akibat terkena jerangkap samar. Beberapa perakuan telah dibuat dalam kajian ini, salah satu di antaranya ialah berkenaan jaminan masa hadapan anggota-anggota tentera yang kurang upaya akibat terkena jerangkap samar ini. Kajian ini telah-pun siap dan perakuan-perakuan ini akan dipertimbangkan tidak lama lagi oleh ajensi-ajensi yang berkenaan dan apabila ianya dikemukakan nanti kalaulah terdapat sebarang masalah, saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Parit akan dapat menyokong Kementerian Pertahanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong usaha-usaha angkatan tentera samada dibuat di dalam Dewan yang mulia ini ataupun di lain-lain tempat. Saya sedar adanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang sanggup bersusah payah untuk mendampingi angkatan tentera kita untuk memberikan sokongan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyampaikan jawapannya.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan selama beberapa hari yang lalu di dalam Dewan ini beberapa perkara mengenai Kementerian Kewangan telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi jawapan saya kepada perkara-perkara itu.

Berkenaan dengan masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit mengenai pengecualian duti eksport atas minyak kelapa sawit keluaran penanaman di bawah anjuran Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, saya sukacita memberitahu bahawa Perbendaharaan sedang mengkaji masalah kewangan yang dihadapi oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Kenyataan-kenyataan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar

dan Perbendaharaan telahpun mendapat maklumat-maklumat selanjutnya untuk membantunya dalam menimbangkan pengecualian duti eksport itu. Sebagai satu langkah sementara, sukacita saya memberitahu bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bersetuju melanjutkan pengecualian separuh cukai eksport iaitu bayaran 50% duti eksport ke atas minyak kelapa sawit selama enam bulan lagi iaitu dari 1 haribulan Januari tahun ini hingga 30 haribulan Jun tahun ini juga. Langkah ini tentulah dapat meredakan tanggungan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun, Langkawi dalam ucapannya telah mencadangkan supaya cukai atas perusahaan-perusahaan dikurangkan sebagai membolehkan perusahaan-perusahaan itu mengambil lebih pekerja-pekerja. Ingin saya jelaskan bahawa percukaian atas perusahaan-perusahaan di negara ini pada masa ini tidak menghalang perkembangan perusahaan-perusahaan yang membawa kepada tambahan bilangan pekerja-pekerja, malahan perusahaan-perusahaan sekarang telahpun diberi beberapa galakan terutamanya seperti "labour utilisation relief" yang mana adalah satu penggalakan (incentive) bagi mereka sekiranya bilangan pekerja-pekerja bertambah mengikut sesuatu perusahaan. Selain daripada itu Ahli Yang Berhormat memang sedar bahawa jika sekiranya cukai atas perusahaan-perusahaan iaitu pada kadar 45% dikurangkan ini bermakna cukai syarikat dan seterusnya hasil Kerajaan akan berkurangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak terutamanya Encik Alex Pang dan Datuk Stephen Yong telah membangkitkan perkara tidak persamaan dalam pentadbiran Kastam di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Datuk Stephen Yong telah menyatakan bahawa langkah menyelaraskan kedudukan pentadbiran Kastam di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak adalah lambat dan kini orang-orang dari Sabah dan Sarawak dikehendaki mendapatkan sijil-sijil tempasal bagi barang-barang yang mereka beli di Semenanjung Malaysia yang dibawa balik ke Sabah dan Sarawak. Sekiranya sijil-sijil ini tidak dapat diperolehi oleh mereka cukai akan dikenakan sekali lagi oleh pihak Kastam di Sabah dan Sarawak.

Saya ingin menerangkan bahawa langkah-langkah untuk mengadakan satu peraturan kastam yang menyeluruh bagi Malaysia,

Sabah dan Sarawak telah sampai ke peringkat akhir dan Kerajaan Sabah dan Sarawak pun telah memberi persetujuan mereka terhadap langkah ini. Apabila harmonisasi dalam peraturan-peraturan kastam diadakan, maka segala masaalah-masaalah yang sedang dihadapi akan selesai dengan sendirinya; pergerakan barang-barang buatan Malaysia dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak tidak lagi akan dianggap sebagai impot dan eksport malahan ianya akan dikira sebagai pergerakan atau "movement" barang-barang itu sahaja. Ini bermakna barang-barang itu tidak akan dikenakan cukai dua kali. Sekiranya barang-barang itu dibuat di Semenanjung Malaysia, cukai eksais akan dibayar di Semenanjung Malaysia dan apabila barang-barang itu dihantar ke Sabah dan Sarawak pembeli-pembeli di sana tidak akan dikehendaki membayar cukai-cukai lagi. Dan barang-barang yang dikeluarkan di Sabah dan Sarawak akan dikenakan cukai eksais di Sabah dan Sarawak sahaja sekiranya barang-barang itu tertakluk kepada cukai eksais dan barang-barang itu tidak akan dikenakan apa-apa cukai lagi apabila sampainya ke Semenanjung Malaysia. Satu perinsip yang utama yang akan diutarakan dalam langkah-langkah mengadakan harmonisasi peraturan kastam di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak ialah sebarang cukai yang dikenakan sekarang akan ditetapkan pada kadar sekarang. Ini bermakna cukai-cukai baru tidak akan timbul kerana adanya harmonisasi. Pembeli-pembeli di Sabah dan Sarawak juga tidak akan dikehendaki mendapatkan sijil-sijil tempasal lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah menyentuh tentang betapa pentingnya peruntukan bagi projek-projek pembangunan diberi awal kepada Jabatan-jabatan pada tiap-tiap tahun supaya pelaksanaan projek-projek itu tidak terjejas. Berhubung dengan hal ini saya menjelaskan bahawa Perbendaharaan mengeluarkan Waran Am kepada Akauntan Negara bagi peruntukan untuk tiap-tiap tahun pada 1hb Januari, dan semua Kementerian dan Jabatan adalah diberitahu tentang pengeluaran Waran Am ini. Maka terpulanglah kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan mengeluarkan Waran-waran peruntukan seterusnya untuk projek-projek berkenaan. Perbendaharaan adalah memandang berat tentang betapa pentingnya penyaluran wang ini tidak dilengah-lengahkan supaya pelaksanaan projek-

projek tidak terjejas, dan telah dan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengelakkan perkara seperti itu berlaku.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk ahli dari Renggam dan Batang Lupar telah membangkitkan persoalan-persoalan mengenai sekim rumah murah yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Saya suka menyatakan di sini bahawa di samping rancangan-rancangan rumah murah yang sedang diselenggarakan oleh Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Kerajaan juga telah mengambil tindakan melancarkan satu sekim rumah murah melalui syarikat perumahan MBSB. Sekim tambahan ini, sebagaimana yang telah diumumkan tidak berapa lama dahulu, akan menelan belanja sebanyak \$400 juta. Jumlah ini akan diuntukkan kepada MBSB oleh Bank Negara Malaysia dan KWSP. Daripada jumlah wang yang diuntukkan kepada MBSB ini, pinjaman-pinjaman untuk rumah murah akan dikeluarkan oleh MBSB mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Mengenai masaalah rumah murah di Sarawak sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli dari Batang Lupar, saya ingin menyatakan bahawa sekim rumah murah yang diselenggarakan oleh Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan adalah meliputi Negeri Sarawak dan juga lain-lain negeri di Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan masaalah kelayakan pegawai-pegawai Kerajaan mencarum kepada KWSP walaupun gaji mereka melebihi \$500 dan berada di dalam jawatan berpencen. Saya suka menyatakan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang menyandang jawatan tetap dan berpencen akan mendapat bayaran pencen apabila mereka bersara. Jika syarat perkhidmatan pegawai berkenaan berkehendakkan mereka mencarum kepada KWSP, maka pegawai-pegawai berkenaan terpaksa mencarum kepada KWSP walaupun gaji mereka melebihi \$500. Tidak ada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diletakkan ke dalam jawatan berpencen dan pada masa yang sama juga dikehendaki mencarum kepada KWSP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, had gaji \$500 bagi caruman KWSP telah dimansuhkan pada 1hb Disember, 1970 di Semenanjung Malaysia dan pada 1hb Ogos, 1975 di Sabah dan Sarawak.

Bagi menjawab kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, suka saya menjelaskan bahawa kerja-kerja memperluaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di Bayan Lepas adalah dibiayai dengan pinjaman dari Asian Development Bank. Urusan panggilan tender bagi kerja-kerja ini telah dikendalikan selaras dengan garis panduan serta peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Asian Development Bank—di mana antara lain tender antarabangsa perlu ditawarkan. Bagi kontrak ini pihak Kerajaan yang juga dipersetujui oleh pihak Asian Development Bank telah memilih kontraktor-kontraktor antarabangsa berikut:

- (a) Maeda Construction, Jepun—untuk kerja-kerja “civil”.
- (b) Keang Nam, Korea Selatan—untuk “facilities”.

Kedua-dua kontraktor antarabangsa ini telah juga dibenarkan untuk melantik satu siri “nominated sub-contractors” untuk mengendalikan kerja-kerja kecil pula. Bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pihak kontraktor ini telah dibenarkan untuk melantik sebanyak tujuh buah syarikat kontraktor kecil sebagai “nominated-sub-contractors”. Tiga daripadanya adalah syarikat tempatan. Perlantikan “nominated sub-contractors” ini adalah berupa amalan biasa.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua dan sekiranya ada perkara-perkara yang lain yang belum saya menjawab, Kementerian saya akan juga mengambil perhatian atasnya satu persatu supaya timbangan yang sesuai dibuat atasnya dan tindakan yang perlu diambil nanti.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Perhubungan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang membina kepada Kementerian saya. Segala pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah di dalam perhatian saya dan penjelasan-penjelasan atau jawapan-jawapan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada menyentuh tentang penawaran tender bagi pembinaan projek lapangan terbang Bayan Lepas dalam mana tender tersebut telah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor daripada luar negeri sedangkan kerja pembinaan projek itu adalah dijalankan oleh kontraktor-kontraktor dan pekerja-pekerja tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi syarat kepada semua kontrak-kontrak pembinaan projek-projek pembangunan negara yang dibiayai oleh sumber-sumber wang pemberian ataupun pinjaman luar negeri biasanya ditawarkan kepada firma-firma perunding atau syarikat-syarikat pembinaan luar negeri dan firma-firma tempatan melalui panggilan tawaran antarabangsa. Sungguhpun demikian, kontraktor ataupun pemborong-pemborong tempatan bolehlah bersekutu dengan firma-firma luar negeri dalam menjalankan kerja-kerja pembinaan projek-projek itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pula telah bertanya samada langkah-langkah keselamatan ada dijalankan di pelabuhan-pelabuhan antarabangsa kita untuk menjaga keselamatan barang-barang yang disimpan di pelabuhan-pelabuhan itu.

Saya ingin menyatakan bahawa kawalan-kawalan keselamatan ke atas barang-barang yang disimpan di pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Pulau Pinang adalah dijalankan oleh pasukan keselamatan pelabuhan itu. Langkah-langkah keselamatan ini termasuklah kawasan di dalam gudang-gudang, tempat-tempat simpanan barang yang lain dan kawalan sebelum barang-barang dibawa keluar melalui pintu pelabuhan kawasan-kawasan yang berpagar.

Selain dari di atas, pasukan keselamatan pelabuhan Pulau Pinang juga ada membuat rondaan di laut dan di darat di seluruh kawasan pelabuhan. Penyiasatan yang mengejut ada juga dijalankan oleh Bahagian Jenayah pasukan tersebut. Dalam hal ini juga Lembaga Pelabuhan Kelang juga telah menambahkan anggota-anggota pasukan keselamatannya. Peraturan-peraturan keselamatan juga telah dipinda dari semasa ke semasa supaya keselamatan-keselamatan barang boleh dikawal dengan lebih ketat lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar ada menyatakan bahawa penumpang-penumpang selalu tidak dapat tempat bagi penerbangan-penerbangan dari Pantai Timur kerana perkhidmatan penerbangan MAS ke sana masih lagi menggunakan kapalterbang-kapalterbang jenis Fokker. Mengikut perangkaan perkhidmatan yang ada sekarang ke Kota Bharu, Kuala Trengganu dan Kuantan adalah lebih daripada mencukupi cuma pada masa-masa yang tertentu atau semasa peak period seperti cuti sekolah memanglah terdapat sedikit kesulitan untuk mendapatkan tempat bagi penerbangan ke Pantai Timur. Dalam hal ini pihak MAS pada ketika itu akan berikhtiar untuk mengadakan penerbangan-penerbangan tambahan (special flight) bagi memenuhi keperluan perkhidmatan ke sana.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Silam supaya MAS hendaklah mengutamakan penerbangan dalam negeri daripada penerbangan luar negeri, suka saya menyatakan bahawa adalah menjadi dasar MAS untuk menumpukan lebih banyak perkhidmatannya kepada penerbangan-penerbangan dalam negeri dan luar negeri. Akan tetapi, perkara ini juga dikaji dari aspek ekonomi sebelum pihak MAS dapat menambah penerbangan-penerbangan dalam negeri.

Mengikut perangkaan pada masa sekarang perkhidmatan penerbangan yang dibuat bagi dalam negeri adalah didapati mencukupi. Namun demikian, pihak MAS akan menimbang untuk menambah penerbangan-penerbangan ini sesuai dengan keperluan sesuatu tempat itu.

Ahli Yang Berhormat tersebut juga ingin tahu sebab-sebab MAS menaikkan tambang bagi penerbangan dalam negeri seperti Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, pada hal tambang penerbangan luar negeri seperti Kuala Lumpur ke Singapura tidak dinaikkan. Tambang bagi penerbangan dalam negeri telahpun dinaikkan disebabkan oleh harga minyak dan lain-lain kos operasi telah dinaikkan dengan tinggi. Tambang penerbangan antarabangsa pula telah dinaikkan sejak tahun 1974 hingga sekarang iaitu sebanyak 40%. Tambang penerbangan antarabangsa dari Kuala Lumpur ke Singapura telah juga dicadangkan untuk dinaikkan tetapi Kerajaan Singapura setakat ini belum lagi meluluskan cadangan kenaikan itu.

Berhubung dengan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Silam itu supaya dipertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan di lapanganterbang Tawau supaya dapat diadakan perkhidmatan penerbangan di sebelah malam, Kementerian saya akan mengkaji perkara ini. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak dapat diadakan pada masa sekarang sehingga penentuan mengadakan alat-alat bagi kemudahan penerbangan malam disediakan dan ini bergantung kepada peruntukkan kewangan untuk tujuan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Parit ada menyatakan bahawa landasan keretapi adalah dalam keadaan yang terancam disebabkan kerja-kerja melombong yang dijalankan oleh pelombong-pelombong di pinggir-pinggir landasan keretapi itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tidak terlibat dengan penyewaan tanah untuk perlombongan. Memang ada terdapat perusahaan perlombongan di tanah Kerajaan ataupun persendirian yang hampir atau bersempadan dengan rizab keretapi. Tetapi ini adalah dengan cara Pemungut Hasil Tanah berkenaan melanjutkan, permohonan-permohonan itu untuk ulasan Keretapi Tanah Melayu dan jika didapati perlu pengusaha lombong diberikan kebenaran menggunakan rizab keretapi sebagai way-leave dengan syarat-syarat tertentu serta sewa namaan.

Berhubung dengan perkara tiang-tiang talipon tanpa kawat yang didapati di sepanjang landasan keretapi, tiap-tiap talipon yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit itu adalah tiang main trunk route yang lama yang didapati di sepanjang landasan keretapi dari utara ke selatan sekarang. Pada asalnya tiang-tiang ini adalah dipasang dengan kawat physical atau litar-litar sambung jauh antara bandar-bandar di sepanjang landasan keretapi tersebut. Oleh kerana kebanyakan daripada litar-litar sambungan jauh ini telah dipindah ke gelombang micro dan perhubungan radio tunas maka keperluan untuk litar physical ini adalah berkurangan. Namun demikian, pihak Jabatan Talikom telah memutuskan untuk menyimpan tiang-tiang talipon ini bagi kegunaan perkhidmatan talipon-talipon ke kawasan-kawasan luar bandar di sepanjang landasan keretapi tersebut apabila dikehendaki kelak.

Sekianlah sahaja jawapan yang dapat saya berikan bagi pihak Kementerian ini. Dalam

pada itu jika terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak termasuk dalam jawapan-jawapan yang saya berikan ini, saya bagi pihak Kementerian ini berjanji akan mengambil ingatan atas pandangan-pandangan tersebut.

6.10 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam yang menggesa supaya Perpustakaan Kebangsaan ditubuhkan di semua bandar-bandar besar dan menambahkan jumlah buku-buku untuk bacaan masyarakat. Untuk menjawab mengenai perkara ini Perpustakaan Negara telah ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara, 1972 dan ianya memberi beberapa perkhidmatan termasuk perkhidmatan rujukan, bibliography latihan dan lain-lain. Tidak berapa lama lagi perkhidmatan pinjaman juga akan dimulakan.

Berkenaan dengan perkhidmatan Perpustakaan Awam di bandar-bandar besar, perkara ini terletak di bawah beberapa Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri yang kebanyakannya ditubuhkan di bawah Enekm-enekmen Negeri. Pada masa sekarang di bandar-bandar besar terdapatlah perkhidmatan Perpustakaan Awam dan pihak-pihak berkenaan berusaha untuk memperluaskannya ke kawasan-kawasan luar bandar pula.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyentuh mengenai memperbanyakkan Pasar Borong di tanahair kita, bukan sahaja di Petaling Jaya, Shah Alam dan di beberapa bandar besar dan mengadakan projek yang seumpama itu menitik-berat kepada usahasama (joint venture) di mana orang-orang Melayu dapat mengambil bahagian sama dalam usaha memberikan pembahagian rezeki di negara ini. Bagi menjawab perkara ini, Akta Kerajaan Tempatan 1976 memberi kuasa kepada Penguasa Tempatan bagi melibatkan diri dalam rancangan usahasama (joint venture project). Dengan adanya pula undang-undang ini maka Penguasa-penguasa Tempatan yang berkenaan bolehlah memainkan peranan yang positif dalam bidang pembangunan di kawasan mereka. Inisiatif terhadap projek-projek seperti Pasar-pasar Borong hendaklah diambil oleh Penguasa

Tempatan yang berkenaan. Sementara itu Yang Berhormat juga telah menyentuh hanya satu sahaja Pasar Borong di Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya memang menyedari betapa mustahak pembinaan lebih banyak lagi Pasar Borong. Selain daripada Pasar Borong yang ada sekarang, Dewan Bandaraya sedang membuat rancangan untuk membina satu buah lagi Pasar Borong iaitu di utara, di Batu 7 Jalan Ipoh.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas menggesa supaya Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan mengambil tindakan segera supaya kampung-kampung Melayu di Pulau Pinang diberi keistimewaan dan juga kampung-kampung ini diletakkan di luar kawasan perbandaran. Bagi menjawab perkara ini, Undang-undang Kerajaan Tempatan memberi kuasa kepada pihak Berkuasa Negeri bagi mengujudkan sesuatu penguasa tempatan. Oleh yang demikian, cadangan-cadangan bagi meletakkan kampung-kampung yang berkenaan itu di luar Penguasa Tempatan hendaklah disampaikan kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Renggam telah menyentuh tentang soal setinggalan yang perlu mendapat penyelesaian dengan segera terutama di Wilayah Persekutuan. Masalah setinggalan adalah merupakan satu masalah yang dianggap besar di Wilayah Persekutuan dan tidak dapat diatasi melainkan dengan cara perancangan dalam jangka masa panjang. Dewan Bandaraya telah menyediakan beberapa rancangan dan mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki atau menyelesaikan masalah setinggalan secara jangka panjang:

- (a) Secara keseluruhannya Kerajaan menggalakkan penyediaan kawasan-kawasan pembangunan yang baharu, contohnya Pahang Tenggara. Ini adalah bertujuan mengurangkan penghijrahan orang ramai ke bandar-bandar seperti Kuala Lumpur.
- (b) Dengan mempergiatkan pembinaan rumah-rumah murah bagi keperluan penduduk-penduduk, dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$103 juta kepada Dewan Bandaraya untuk membina lebih kurang 13,700 yunit rumah rakyat untuk golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan. Pembahagian tempat rumah ini akan diutamakan

kepada setinggan-setinggan yang tinggal di tapak-tapak kawasan yang diperlukan oleh Kerajaan bagi pembangunan.

- (c) Kerajaan juga menggalakkan dan memberi dorongan kepada pihak swasta untuk mendirikan rumah-rumah murah sebagai satu langkah untuk menyelesaikan dan mengurangkan masalah setinggan dan kekurangan rumah di Wilayah Persekutuan. Dewan Bandaraya juga ada menyediakan projek-projek kecil untuk membaiki keadaan di kawasan-kawasan setinggan dengan membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti air, jalan-jalan, tandas-tandas awam, jambatan-jambatan, Dewan-dewan orang ramai dan kawasan-kawasan permainan kanak-kanak di mana yang boleh.
- (d) Di tanah Kerajaan yang tidak mempunyai apa-apa rancangan pembangunan dalam masa jangka pendek, setinggan-setinggan adalah dibenarkan duduk walaupun ini bukanlah merupakan kebenaran dari segi undang-undang.
- (e) Sebagai satu langkah untuk menempatkan setinggan-setinggan dengan sertamerta, Dewan Bandaraya telah membina sebanyak 343 buah rumah berbentuk rumah panjang sementara menunggu pemindahan atau penempatan yang tetap.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya mengenai teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

6.16 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat ulasan sedikit bagi pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian tentang masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pada mulanya suka saya menyatakan di sini bahawa saya suka memberi jaminan iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus memberi pertimbangan yang saksama kepada setiap cadangan dan juga syor-syor yang memberi menafaat kepada rakyat dan negara. Bagaimanapun saya ingin menyentuh mengenai beberapa cadangan dan komen-komen yang telah dibuat di dalam Dewan ini ketika membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

Mengenai kenaikan harga barang-barang, di dalam perbahasan Titah Ucapan itu beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai kenaikan harga barang-barang ini. Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah mengatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hanya menjelaskan mengapa harga sesuatu barang itu terpaksa dinaikan seolah-olah Kementerian ini hendak membela pihak pengilang-pengilang ataupun penjual-penjual. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya sistem ekonomi yang kita amalkan sekarang adalah tidak wajar bagi Kerajaan mengawalkan kesemua harga barang-barang. Sungguhpun demikian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada mengawasi harga barang-barang yang dikeluarkan oleh industri-industri tempatan yang telah diberi galakan atau insentif ataupun perlindungan secara kawalan impot atau cukai-cukai impot.

Perindustrian-perindustrian ini mesti mendapatkan persetujuan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terlebih dahulu sebelum mereka itu hendak menaikkan harga barang-barang keluaran mereka. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan hanya membenarkan harga barang-barang itu dinaikkan jika industri-industri mempunyai alasan-alasan yang menasabah seperti kenaikan kos yang tidak dapat dielakkan oleh mereka di dalam mengeluarkan sesuatu barang itu.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa kenaikan harga yang disebabkan oleh kenaikan kos pengeluaran mesti dipertimbangkan untuk

menjamin bahawa bekalan barang-barang yang mencukupi bagi pengguna-pengguna dapat diadakan pada setiap masa. Harga barang-barang yang diimpot ataupun barang-barang keluaran tempatan yang memerlukan bahan-bahan mentah yang mana harganya telah naik mengikut harga di pasaran dunia adalah sukar juga bagi kita untuk mengelakkan kenaikan daripada barang-barang yang dikeluarkan itu. Bagi barang-barang tersebut adalah tidak wajar bagi Kerajaan menahan kenaikan harganya kerana kalau di tahan kenaikan harga ini maka ianya akan menjejaskan bekalan barang-barang tersebut. Keadaan yang mana harga sesuatu barang itu adalah rendah akan tetapi bekalannya tidak mencukupi sudah tentu nanti akan menyusahkan rakyat dan para pengguna kesemuanya. Misalnya, tentang perkara minyak tanah baru-baru ini, harganya di negeri ini ialah sebanyak 82 sen segelen dan ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan harga minyak tanah yang kedapatan di negara-negara jiran di mana harga minyak tanah pada satu gelen itu adalah lebih daripada \$1.20 satu gelen tetapi rakyat menghadapi masalah kekurangan bekalan di beberapa kawasan di negeri ini. Adalah jelas bahawa kita tidak boleh mengasingkan soal harga sesuatu barang itu dengan soal bekalan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan berusaha untuk menentukan bahawa harga sesuatu barang itu adalah berpatutan dan bekalannya mencukupi pada setiap masa supaya rakyat dan para pengguna tidak menghadapi kesulitan yang tidak patut daripada semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah bertanya apakah Kerajaan akan buat untuk menghentikan satu lagi siri kenaikan harga barang-barang apabila wang tunggakan dan gaji yang dikemukakan oleh Kerajaan baru-baru ini dibayar pula nanti. Seperti yang telah disebutkan tadi bahawa kenaikan harga yang disebabkan kenaikan kos pengeluaran adalah sukar bagi kita mengelakkan. Sungguhpun demikian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil beberapa

langkah untuk mengawasi kenaikan harga barang-barang dan tindakan-tindakan ini akan diteruskan lagi seperti berikut:

- (1) Mengawasi harga barang-barang keluaran perindustrian, iaitu keluaran perindustrian tempatan yang disyaratkan mendapat persetujuan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terlebih dahulu sebelum menaikkan harga barang-barang mereka. Semua permohonan-permohonan untuk menaikkan harga daripada industri-industri ini akan dikaji dengan lebih teliti oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan hanya kenaikan yang tidak boleh dielakkan akan dibenarkan. Permohonan untuk menaikkan harga yang tidak mempunyai alasan yang menasabah akan ditolak oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
- (2) Menggalakkan perindustrian-perindustrian tempatan menggunakan bahan mentah yang boleh diperolehi di negara ini dengan tujuan mengurangkan kos pengeluaran.
- (3) Menentukan bahawa bekalan sesuatu barang itu mencukupi selaras dengan permintaannya oleh pengguna-penggunaannya. Ini dilaksanakan dengan mengisytiharkan beberapa barang keperluan sebagai barang terkawal di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961. Semua barang-barang keperluan seperti gula, garam, tepung, minyak tanah (cooking oil), susu roti dan lain-lain telahpun disytiharkan sebagai barang-barang terkawal dan jika pengeluaran tempatan barang-barang ini tidak mencukupi, maka Kerajaan akan menurunkan cukai impot serta melonggarkan kawalan impot serta juga melarang pengekspotan barang-barang tersebut untuk menjamin bekalan yang mencukupi.

Kita percaya dengan adanya ketiga-tiga perkara yang akan dilakukan ini bahawa kedudukan kenaikan harga barang-barang ini

akan dapat dikawal daripada semasa ke semasa untuk mengelakkan rakyat terpaksa mengalami kesusahan daripada semasa ke semasa dan dengan demikian pula, baik pihak pengilang mahupun penjual tidak akan mengambil kesempatan daripada semasa ke semasa menaikkan harga barang-barang dengan tidak menasabah dan semata-mata untuk mencari keuntungan yang berlebihan daripada semasa ke semasa.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya Kerajaan menubuhkan satu Kementerian Hal Ehwal Pengguna atau Jabatan Hal Ehwal Pengguna atau Price Tribunal untuk melindungi pengguna-pengguna sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di Kementerian Per-

dagangan dan Perindustrian sendiri telahpun ada Jawatankuasa yang mengkaji harga (Price Review Committee) untuk mengkaji dengan teliti semua permohonan kenaikan harga daripada pengeluar-pengeluar yang telah dikenakan syarat kenaikan harga sebelum dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri dan seterusnya kepada Kabinet jika difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Rabu, 30hb Mac, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.